



مجلس أئمّة إسلام  
دان عادت ملايو فيراق



# LAPORAN TAHUNAN **2020**

MAJLIS AGAMA ISLAM  
DAN 'ADAT MELAYU PERAK





# LAPORAN TAHUNAN **2020**

MAJLIS AGAMA ISLAM  
DAN 'ADAT MELAYU PERAK

*“Perangkaan tahun 2010 turut menunjukkan satu bilion, menyamai 63 peratus umat Islam dan 14 peratus penduduk dunia, berada dalam usia di bawah 30 tahun, generasi yang dirujuk sebagai ‘Generasi M’...”*

*Agenda untuk meningkatkan kemuliaan umat Islam wajib memahami senario dan perubahan sosial, komersial dan demografi yang sedang berada di hadapan kita ketika ini...”*

*“...Adakah kaedah pendekatan yang dilaksanakan oleh pelbagai individu dan institusi Islam ketika ini, telah berjaya mendampingi majoriti Generasi M, atau mereka semakin menjauhkan diri, kerana kurang tertarik dengan kaedah pengajaran Islam yang disampaikan, serta cara kupasan dan tafsiran ilmu yang dianggap tidak kontemporari, lantas gagal dirangkaikan dengan dinamik sains, teknologi, komunikasi, perdagangan dan diplomasi yang sedang berlaku. Generasi ini melalui media sosial secara vokal semakin menyuarakan rasa kecewa mereka dengan tafsiran-tafsiran agama yang mereka sifatkan tidak berlandaskan fakta dan hujah-hujah yang saintifik.”*

**Petikan Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah**  
Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

Tarikh: 30 Jamadilakhir 1441 / 24 Februari 2020



**DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN  
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH  
IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH**  
D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.M.N., D.K. (Kelantan), D.K. (Selangor), D.K.N.S., D.K. (Perlis), D.K. (Kedah),  
D.K. 1 (Johor), D.K. (Pahang), PhD (Harvard).  
**SULTAN, YANG DI-PERTUAN DAN RAJA PEMERINTAH NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**



# KANDUNGAN



INFORMASI KORPORAT	06	II   PROFIL KORPORAT
PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	31	4   ANALISIS PENGURUSAN 2020
TADBIR URUS KORPORAT	51	63 LAPORAN KEWANGAN
PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN	127	132 AKTIVITI SEPANJANG 2020
DIREKTORI	134	



Muat turun Laporan Tahunan  
berbentuk PDF di halaman web kami :  
[www.majiamp.gov.my](http://www.majiamp.gov.my)

# INFORMASI KORPORAT

## VISI

Institusi Islam yang syumul dalam memacu kemajuan serta kesejahteraan ummah berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.

## MISI

Meningkatkan taraf sosioekonomi ummah menerusi pengukuhan pengurusan baitulmal yang efektif dan dinamik dengan mengamalkan tadbir urus cemerlang berlandaskan ketelusan, integriti dan profesionalisme yang tinggi.

## OBJEKTIF

Memartabatkan institusi zakat melalui sistem pungutan dan agihan yang berkesan.

Mentadbir harta baitulmal dan wakaf bagi tujuan membangun sosioekonomi dan mehangani kemaslahatan ummah.

Menjana kualiti perkhidmatan, budaya kerja cemerlang dan dinamik serta pengurusan yang sistematik dengan memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi secara maksimum.

## MOTO

Memperteguh Syariat, Melestari Adat





# NILAI-NILAI KORPORAT

## KESEDERHANAAN

Mengamalkan kesederhanaan personaliti dan ketinggian kompetensi berasaskan prinsip wasatiyyah.

## PROFESIONALISME

Bersikap rasional dan matang dalam tindakan dan keputusan.

## INTEGRITI

Nilai tinggi dalam perkhidmatan yang berpegang teguh kepada amanah dan ihsan.

## AKRAB (SEMANGAT BERPASUKAN)

Menerapkan semangat kerja berpasukan di kalangan warga MAIPk dengan menggembungkan tenaga, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman secara bersama-sama serta bersungguh-sungguh.

## MUAFAKAT

Kemuafakatan MAIPk bersama semua agensi berkaitan dalam melaksanakan amanah membantu kebajikan umat Islam yang berkonsepkan prinsip ta'awun.

# PIAGAM PELANGGAN

## I. Bahagian Khidmat Pengurusan

1. Menyelesaikan pengambilan kumpulan pengurusan dan profesional, kumpulan sokongan i dan ii dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan kekosongan jawatan disiarkan.
2. Memberi maklum balas terhadap pertanyaan / surat-menyurat daripada pihak luar dalam tempoh tujuh (7) hari.

## 2. Bahagian Agihan Zakat

1. Menyelesaikan permohonan bantuan baik pulih rumah daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh empat (4) bulan.
2. Menyelesaikan permohonan bantuan persekolahan daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh empat (4) bulan.
3. Menyelesaikan permohonan bantuan bina rumah daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh lima (5) bulan.
4. Menyelesaikan permohonan bantuan perubatan daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh satu (1) bulan.
5. Menyelesaikan permohonan bantuan perjalanan domestik daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh satu (1) bulan.
6. Menyelesaikan permohonan bantuan am pelajaran (persediaan) daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh satu (1) bulan.
7. Menyelesaikan permohonan bantuan am pelajaran (pendaftaran IPT) daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh satu (1) bulan.
8. Menyelesaikan permohonan bantuan hemodialisis daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh tujuh (7) hari.
9. Menyelesaikan permohonan bantuan kecemasan daripada permohonan yang lengkap diterima di kaunter dalam tempoh 30 minit.
10. Menyelesaikan permohonan bantuan penyelesaian hutang daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh tiga (3) bulan.
11. Menyelesaikan permohonan bantuan modal daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh tiga (3) bulan.
12. Menyelesaikan permohonan bantuan kewangan bulanan daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh tiga (3) bulan.
13. Menyelesaikan permohonan bantuan sewa rumah daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh (3) bulan.
14. Menyelesaikan permohonan bantuan dermasiswa (dalam negara) daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh tiga (3) bulan.
15. Menyelesaikan permohonan bantuan dermasiswa (luar negara) daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh tiga (3) bulan.
16. Menyelesaikan permohonan bantuan tambang perjalanan sehala pergi atau balik (belajar luar negara) daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh dua (2) bulan.
17. Menyelesaikan permohonan kes-kes rayuan semua jenis bantuan daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh satu (1) bulan.

### 3. Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf

1. Memaklumkan keputusan urusan jual beli tanah baitulmal di bawah 40 pole (1/4 ekar) dalam tempoh satu setengah (1 1/2) bulan daripada tarikh permohonan diterima.
2. Mengemukakan permohonan mewakafkan tanah yang lengkap ke Pejabat Daerah dan Tanah dalam tempoh lima (5) hari daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima (perletakhakan berkanun).
3. Memaklumkan keputusan bagi permohonan yang lengkap mengenai sewaan / pajakan tanah dan bangunan dalam tempoh empat belas (14) hari.
4. Memaklumkan keputusan bagi permohonan yang lengkap mengenai sewaan kemudahan-kemudahan lain di Kompleks Islam Darul Ridzuan dalam tempoh tiga (3) hari.

### 4. Bahagian Pemasaran

1. Memberi maklumbalas jemputan program-program promosi zakat dalam tempoh tiga (3) hari.
2. Menyelesaikan taksiran zakat perniagaan dalam tempoh tiga (3) hari.
3. Menyelesaikan taksiran zakat harta selain zakat perniagaan dalam tempoh 30 minit.

### 5. Bahagian Kewangan

1. Menyelesaikan semua urusan pembayaran perbekalan dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh tuntutan yang lengkap diterima.
2. Menyelesaikan urusan pelanggan di kaunter pungutan dalam tempoh tidak melebihi 30 minit.

### 6. Bahagian Perhubungan Korporat dan Perancangan Strategik

1. Memberi maklum balas terhadap semua aduan pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari.
2. Memastikan urusan pelanggan di kaunter pada tahap amat baik dan cemerlang melebihi 80 peratus mengikut pengukuran *Smiley Box*.

# MISI MAIPk

Meningkatkan taraf sosioekonomi ummah menerusi pengukuhan pengurusan baitulmal yang efektif dan dinamik dengan mengamalkan tadbir urus cemerlang berlandaskan ketelusan, integriti dan profesionalisme yang tinggi.



# PROFIL KORPORAT

---

# PROFIL KORPORAT

## ANGGOTA MAJLIS

### YANG DIPERTUA

TAN SRI DATO' SERI DR.  
WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN

### ANGGOTA ATAS NAMA JAWATAN

#### YAB DATO' SERI SAARANI

#### BIN MOHAMAD

Menteri Besar Perak merangkap Pengurus Jawatankuasa Agama Islam Negeri Perak Darul Ridzuan  
(dilantik bermula 22 Disember 2020)

#### YB MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN

Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam dan Penerangan Negeri Perak Darul Ridzuan  
(tamat 5 Disember 2020)

#### YB DATO' AHMAD SUAIDI

#### BIN ABDUL RAHIM

Setiausaha Kerajaan

Negeri Perak Darul Ridzuan

#### YB DATO' AZMIR SHAH

#### BIN ZAINAL ABIDIN

Penasihat Undang-undang

Negeri Perak Darul Ridzuan

#### YB DATO' ZULAZLAN

#### BIN ABU HASSAN

Pegawai Kewangan

Negeri Perak Darul Ridzuan

#### SS TAN SRI DATO' SERI (DR.)

#### HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA

Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

#### DATO' HAJI ASA'AARI

#### BIN HAJI MOHD. YAZID

Ketua Hakim Syarie

Negeri Perak Darul Ridzuan

(tamat 7 November 2020)

#### DATO' HAJI MOHD. YUSOP

#### BIN HAJI HUSIN

Pengarah Jabatan Agama Islam

Negeri Perak Darul Ridzuan

### ANGGOTA YANG DILANTIK

ORANG KAYA TEMENGGONG  
PADUKA RAJA DATO' SERI WAN  
MOHD FATHIR @ FADZIR BIN WAN  
HUSSAIN

DATO' SERI MOHD. ANNUAR  
BIN ZAINI

ORANG KAYA KAYA IMAM PADUKA  
TUAN DATO' DR. AFIFI AL-AKITI

TOH SERI MAHARAJA LELA  
DATO' SERI ZAINAL ADZAM  
BIN ABD. GHANI

TOH SERI BIJAYA LT. KOL (B)  
DATO' SHAHARUDIN BIN HAJI  
NAZARI

TAN SRI PROF. DATO'  
DR. NORDIN BIN KARDI

TOH MUDA ORANG KAYA KAYA  
SERI ADIKA RAJA SHAHBANDAR  
MUDA DATO' AR. LA MEOR ROSLAN  
BIN DATO' SERI HJ. MEOR AHMAD  
RASHIDI

TOH SERI LELA PADUKA DATO'  
DR. KHALID BIN ISMAIL

PROFESOR DATO'  
DR. ANSARY BIN AHMED

DATO' HAJI AS'AD BIN AWANG

DATO' DR. MOHAMAD HASHIM  
BIN AHMAD TAJUDIN


PROFESOR DATUK  
DR. SHAMRAHAYU BINTI AB. AZIZ

DR. HAJI MOHD FAHMI  
BIN ABDUL KHIR

HAJI MOHD HANID  
BIN ABDULLAH SANI

HAJI MD SUAID BIN DIN

CP DATO' RAZARUDIN BIN HUSAIN  
(tamat 9 September 2020)



### SETIAUSAHA

#### SHAHRUL AZAM BIN SHAARI

Ketua Pegawai Eksekutif

# PENGURUSAN MAJLIS

## PENGURUSAN TERTINGGI (IBU PEJABAT)

**SHahrul Azam bin Shaari**  
Ketua Pegawai Eksekutif

**HAJI MOHD HAIKI BIN SULAIMAN**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)

**HAJAH WAN MAIZURA BINTI WAN ZAHARI**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan)

**BAKRI BIN LEE**  
Pengurus Besar, Bahagian Agihan Zakat

**ARIFF BIN APANDI**  
Pengurus Besar, Bahagian Kewangan

**ROHIZAN BIN HAJI OMAR**  
Pengurus Besar, Bahagian Khidmat Pengurusan

**AHMAD NAZIM BIN MD. TAJURI**  
Pengurus Besar, Bahagian Pemasaran

**SUHAIMI BIN YUSOFF**  
Pengurus Besar, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf

**MOHD SAUFI BIN IBRAHIM**  
Pengurus Besar, Bahagian Perhubungan Korporat dan Perancangan Strategik

## PENGURUSAN IBU PEJABAT (PENGURUS)

**WAN ABDUL HALIM HAFIIDZ BIN MOHD AMIN**  
Pengurus, Unit Perkhidmatan dan Pentadbiran

**AHAMAD MUZAMMIL BIN ARBAIN**  
Pengurus, Unit Pembangunan Sosial

**MUHAMMAD FAIZ BIN ZAKARIA**  
Pengurus, Unit Dakwah Bahagian Pemasaran

**NORFAZILAH BINTI BAWADI**  
Pengurus, Unit Pembangunan Pendidikan

**MUNAWIR BIN MOHAMED NOH**  
Pengurus, Unit Pembangunan Wakaf

**ZALEHA BINTI WAN DIN**  
Pengurus, Operasi, Bahagian Pemasaran

**NOOR WAHIDA BINTI ABU SEMAN**  
Pengurus, Unit Perancangan Strategik dan Risiko

**MOHD HAFIZZIE BIN ABD. KARIM**  
Pengurus, Unit Pembangunan Hartanah

**NORAIZAD BIN ROSLI**  
Pengurus, Unit Pemerkasaan Asnaf

**DZULBAZLI BIN MAHAMD ALI**  
Pengurus, Unit Pelaburan

**MIOR KHAIRUL ANAS BIN ROZALI**  
Pengurus, Unit Perhubungan Korporat

**NUR AZREN BINTI YAHYA**  
Pengurus, Unit Teknologi Maklumat

**MAT AZLAN BIN MAT HASSAN**  
Akauntan, Bahagian Kewangan

**ASIAH BINTI BIN YAMIN**  
Pengurus, Unit Undang-undang

**ABDUL AZIZ BIN SULAIMAN**  
Ketua Audit Dalam, Unit Audit Dalam

## PEJABAT PENTADBIRAN DAERAH (PEGAWAI BAITULMAL DAERAH)

**S. DAUD BIN SHEHAMY**  
Pegawai Baitulmal Daerah Bagan Serai

**HAMDI BIN OTHMAN**  
Pegawai Baitulmal Daerah Tapah

**ZUL AZRI BIN HOSAINI**  
Pegawai Baitulmal Daerah Teluk Intan

**MOHAMAD RAZIF BIN MOKHTAR**  
Pegawai Baitulmal Daerah Manjung

**AHMAD FADZIL BIN MUSTAFFA**  
Pegawai Baitulmal Daerah Batu Gajah

**JOHAR BIN ZAINAL ABIDIN**  
Pegawai Baitulmal Daerah Gerik

**SHAIFUL NIZAM BIN NOT**  
Pegawai Baitulmal Daerah Kampar

**MOHAMAD HAFIZI BIN MOHAMAH NOR**  
Pegawai Baitulmal Daerah Kuala Kangsar

**NABIL FIKRI BIN MOHAMAD**  
Pegawai Baitulmal Daerah Muallim

**ZULFADLI BIN BAHARUM**  
Pegawai Baitulmal Daerah Taiping

**MOHD LATIFF BIN TALIB**  
Pegawai Baitulmal Daerah Kampung Gajah

**AMIRUDIN BIN OSMAN**  
Pegawai Baitulmal Daerah Parit Buntar

**AHMAD NAZRI BIN HASSAN**  
Pegawai Baitulmal Daerah Seri Iskandar

**MUHAMMAD NAQUIB BIN MOHAMAD TARMIZI**  
Pegawai Baitulmal Daerah Selama

**MOHD ARIFFULLAH BIN MASHUDI**  
Pegawai Baitulmal Daerah Lenggong

**MOHAMAD RAZIF BIN RAZALI**  
Pegawai Baitulmal Daerah Pengkalan Hulu

**SHAHMER MAHZUZ BIN MOHD ZIN**  
Pegawai Baitulmal Daerah Bagan Datuk

**YAZID BIN KAMARUDDIN**  
Pengurus UTC



# PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAIPk

TAN SRI DATO' SERI DR.  
WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN

MAIPk turut menyediakan peruntukan Dana Khas Agihan Zakat sebanyak RM11.95 juta yang memberi fokus untuk meringankan bebanan rakyat.

Pendapatan Kumpulan sebelum cukai (EBIT) 2020 meningkat 293.55% berbanding 2019 daripada RM1.72 juta kepada RM6.77 juta.



## Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Segala puji dan syukur dirafakkan ke hadrat Allah SWT, Tuhan Yang Maha Esa, kerana dengan limpah keizinanNya juga Laporan Tahunan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dapat diterbitkan. Bagi pihak barisan Anggota MAIPk, saya dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan ini untuk berkongsi pengalaman dan informasi tentang pencapaian dan pengalaman yang ditempuh sehingga kini.

2020 merupakan tahun yang begitu mencabar. Biarpun, masih belum bangkit sepenuhnya daripada kesan kelembapan ekonomi dunia, negara diuji lagi dengan musibah baharu. Dugaan kali ini begitu luar biasa, melibatkan krisis kesihatan global yang tidak hanya mengancam nyawa, malah mengubah amalan biasa dan cara hidup manusia. Pandemik COVID-19 memaksa manusia mengadaptasi kebiasaan baharu dan menerimanya sebagai suatu kelaziman dalam kehidupan sehari-hari. Kini, pemakaian pelitup muka, kesedaran penjagaan kesihatan dan kebersihan diri serta penjarakan fizikal sudah menjadi lumrah.

Namun, di sebalik tumpuan memerangi COVID-19, krisis ekonomi negara juga menjadi semakin buruk dan tidak menentu. Sekatan pergerakan serta penguatkuasaan piawaian prosedur operasi (SOP) yang ketat telah merencatkan pertumbuhan ekonomi, sekali gus, menyaksikan negara terpaksa berdepan rintangan getir bukan hanya untuk membendung penularan wabak malah menangani impak negatif yang dibawa olehnya. Kerajaan perlu menggalas tanggungjawab berat untuk mengimbangi kewajipannya melindungi rakyat, serta menjamin kelangsungan ekonomi dan *survival* rakyat.

Tidak seperti tahun-tahun sebelum ini, warga kerja MAIPk terpaksa berdepan dugaan dan pengalaman baharu. Perubahan cara kerja dan pembudayaan kebiasaan baharu sudah tentunya mencabar emosi dan mental setiap warga kerja, selain, menuntut kesediaan mereka agar tangkas menyesuaikan diri serta berani menghadapi ancaman dan risiko untuk terus menggalas amanah demi memastikan kelangsungan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai tidak terjejas.

## MENDEPANI CABARAN PANDEMIK COVID-19

Firman Allah SWT dalam surah Al-Ankabut 29:2 bermaksud: "*Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata kami telah beriman? Sedangkan mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)*".

Setelah diisyiharkan 'pandemik' oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Mac 2020<sup>1</sup>, COVID-19 yang bermula sebagai krisis kesihatan telah berevolusi pantas menjadi krisis ekonomi global yang merebak pada skala dan magnitud yang belum pernah dilihat sebelum ini. Akibatnya, berjuta perniagaan diancam risiko penutupan dan terpaksa bergelut untuk kekal wujud, manakala, 3.30 bilion pekerja di seluruh dunia pula berisiko kehilangan mata pencarian<sup>2</sup>.

Tidak terkecuali negara kita, Malaysia turut di badai kesan luar jangka ekonomi dan sosial. Banyak sektor perniagaan terutamanya daripada kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terjejas teruk, hingga ada yang terpaksa gulung tikar kerana tidak bersedia menyesuaikan diri serta tidak memiliki infrastruktur dan sumber yang cukup untuk beralih kepada norma baharu. Dilaporkan, dalam tempoh Mac hingga Oktober 2020, sebanyak 2,713 PKS telah menutup perniagaan mereka<sup>3</sup>. Malah, buat pertama kalinya setelah hampir tiga dekad, kadar pengangguran negara mencecah ke paras melebihi 4 peratus, iaitu, 4.5 peratus pada 2020 berbanding 3.3% pada 2019<sup>4</sup>.

<sup>1</sup> WHO Director-General, Dr. Tedros Adhanom Ghebreyesus, media briefing on 11 March 2020

<sup>2</sup> <https://www.who.int/news-room/detail/13-10-2020-impact-of-covid-19-on-people's-livelihoods-their-health-and-our-food-systems>

<sup>3</sup> <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/11/643139/2713-pks-tutup-operasi-akibat-covid-19>.

<sup>4</sup> Kenyataan Media Statistik Tenaga Buruh Malaysia 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia, 22 April 2021.



Sebagai sebuah institusi yang terlibat langsung dalam urusan memelihara kebajikan ummah, MAIPk komited untuk turut bersama membantu Kerajaan Negeri Perak menangani krisis ini. Menyedari hakikat perihal pentingnya kebersamaan dalam menghadapi tempoh sukar sebegini, MAIPk bersedia menyahut seruan kerajaan untuk terus membuka perkhidmatan kepada orang ramai dengan pematuhan SOP yang ketat. Sikap keterbukaan warga MAIPk untuk menerima suasana dan etos kerja baharu dengan memanfaatkan teknologi informasi dan digital berupaya melancarkan sistem penyampaian agar terus efektif dan efisien.

Seiring dengan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Perak 2020 berjumlah RM129.91 juta<sup>5</sup>, MAIPk turut menyediakan peruntukan Dana Khas Agihan Zakat sebanyak RM11.95 juta yang memberi fokus untuk meringankan bebanan rakyat serta membantu petugas barisan hadapan memerangi COVID-19. Dana yang disediakan ini sedikit sebanyak dapat membantu rakyat yang tertekan untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam situasi penuh mencabar ini, terutama daripada kalangan mereka yang tiada pendapatan tetap dan juga berpendapatan rendah.

Inisiatif sebeginilah menyuntik semangat seluruh warga kerja MAIPk untuk terus istiqamah dan bersungguh-sungguh menjunjung mandat, menggalas amanah untuk mengurus tadbir Baitulmal, perbendaharaan yang menjadi sumber kewangan MAIPk bagi melaksanakan peranan dan fungsinya memelihara kemaslahatan ummah serta memacu kemajuan dan kesejahteraan ummah.

## PRESTASI KEWANGAN MAIPK

Zakat merupakan komponen terpenting dan sumber pendanaan terbesar Baitulmal. Sebahagian besar penyumbang zakat di negeri ini terdiri daripada golongan pekerja dan perniagaan di bawah kategori PKS. PKS merupakan tunjang ekonomi negara, menyumbang sekitar 39% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menyumbang 48.4% kepada guna tenaga Malaysia<sup>6</sup>. Justeru, kemelut kegawatan yang menjelas produktiviti mereka

sudah tentunya memberi kesan terhadap prestasi pungutan zakat MAIPk.

Seperti dijangkakan, pungutan zakat 2020 menyusut berbanding 2019 sebanyak 5.95%, daripada RM207.18 juta kepada RM194.85 juta. Namun, berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020, sebahagian daripada program dan aktiviti asnaf yang dirancang tidak dapat dilaksanakan. Sebagai kesannya, pengagihan zakat 2020 juga menyusut berbanding 2019 sebanyak 3.57%, daripada RM171.16 juta kepada RM165.05 juta.

Bagaikan rahmat di sebalik musibah, kedudukan kewangan akaun sumber am Kumpulan MAIPk pula semakin baik. Pendapatan Kumpulan sebelum cukai (EBIT) 2020 meningkat 293.55% berbanding 2019 daripada RM1.72 juta kepada RM6.77 juta, dipengaruhi prestasi baik syarikat subsidiari terutamanya dalam sektor perladangan. Pendapatan sektor ini meningkat 52.67% berbanding 2019 daripada RM25.96 juta kepada RM39.63 juta, kesan pemulihan prestasi harga pasaran minyak sawit mentah (MSM) dunia.

Bagaimanapun, MAIPk sedar 2020 merupakan permulaan bagi suatu perjalanan penuh liku dan cabaran. Dalam keadaan pandemik global yang masih belum kelihatan penghujungnya, MAIPk akan terus berhemah dan berhati-hati dalam menguruskan Baitulmal. Namun, usaha memperkasakan Baitulmal memerlukan sokongan berterusan masyarakat khususnya daripada kalangan penyumbang zakat, infak dan wakaf. Berkat sumbangan mereka, MAIPk terus relevan sebagai wadah penghubung untuk membantu meringankan bebanan saudara seagama di samping membangunkan keupayaan modal insan dan daya lasak mereka menempuh kehidupan.

<sup>5</sup> Titah DiRaja Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan bersempena perasmian Mesyuarat Pertama Tahun Keempat Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Keempat Belas.

<sup>6</sup> Kenyataan Media Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) Bil 1 2021, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, 30 April 2021.

## MENDEPANI CABARAN BAHARU

COVID-19 memberi pengajaran unik kepada kita betapa kesediaan dan kepentasan menyesuaikan diri serta mempunyai pelan pengurusan bencana yang efektif dan sistematik amat penting tatkala berhadapan sesuatu yang tidak diduga. Setelah menutup tirai 2020, kini MAIPk perlu bersedia melangkah ke fasa baharu yang masih tidak menentu berbekalkan iktibar dan pengalaman yang ditimba sepanjang 2020.

Menyedari hakikat pentingnya sumber manusia sebagai tulang belakang dalam menentukan kejayaan sebuah organisasi, MAIPk akan terus memberi keutamaan terhadap program-program pembangunan dan pengekalan kompetensi, pengetahuan dan kemahiran agar warga kerjanya lebih tangkas menangani perubahan serta bersedia menghadapi sebarang ketidakpastian terutamanya dalam era pascapandemik kelak. Pengalaman menghadapi pendemik turut mengajar betapa pentingnya kesegeraan menerapkan transformasi digital ke dalam budaya kerja MAIPk bagi membolehkan warganya memberikan perkhidmatan terbaik di samping membolehkan orang ramai berurusan dengan mudah dan pantas.

2020 benar-benar menguji kecekalan warga MAIPk untuk terus bekerja dalam persekitaran norma baharu di luar zon keselesaan, dan terpaksa pula berdepan risiko. Dalam menghadapi situasi bencana, keterlibatan seluruh warga kerja mendukung aspirasi dan visi MAIPk amat kritikal untuk memastikan semangat kebersamaan tidak luntur. MAIPk akan terus memperkuuhkan penerapan budaya dan nilai-nilai korporat MAIPk, iaitu, Muafakat, Akrab, Integriti, Profesionalisme dan Kesederhanaan agar terus terpahat kemas dalam sanubari setiap warga kerjanya.

## PENGHARGAAN

Sebagai pihak berkuasa utama dalam pentadbiran hal ehwal Islam di negeri Perak, yang berada di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, MAIPk akan

terus menggiatkan usaha menyemarakkan syiar Islam di samping membantu Kerajaan Negeri memangkinkan kemajuan dan kesejahteraan rakyat khususnya kalangan masyarakat Islam negeri ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi sanjungan kepada semua barisan pimpinan Anggota MAIPk atas sumbangan buah fikiran, pedoman dan panduan yang diberikan. Tidak lupa juga, disampaikan penghargaan kepada seluruh ahli jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah MAIPk, yang sentiasa memberikan khidmat bakti, nasihat dan tunjuk ajar membawa MAIPk ke arah yang lebih cemerlang. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada seluruh warga MAIPk yang sentiasa komited menunaikan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan lebih-lebih lagi dalam tempoh yang sukar ini. Saya percaya, semua yang dilakukan ini semata-mata mengharapkan reda, berkat dan rahmat ILAHI berpaksikan penghayatan kepada tiga tonggak agama, iaitu, Islam, Iman dan Ihsan. Malah, komitmen yang ditunjukkan juga seiring dengan dasar-dasar serta pelan tindakan yang tersusun melalui Pelan Strategik MAIPk 2016-2021, sebagai panduan dan hala tuju seluruh warga kerja MAIPk demi merealisasikan objektif dan impak yang dihajatkan, iaitu, memelihara ketinggian syi'ar Islam dan mensejahterakan kehidupan masyarakat Islam di negeri bertuah ini.

Akhir kata, sama-sama lah kita mendoakan agar Allah SWT sentiasa memberikan kekuatan dan inayah kepada seluruh Anggota MAIPk dan warga kerjanya agar terus istiqamah menggalas amanah serta tabah mendepani cabaran dan rintangan. Doa juga dirafakkan agar musibah COVID-19 ini segera berakhir dan seluruh rakyat sentiasa berada di bawah rahmat perlindunganNya. Semoga segala amal usaha dan keikhlasan melaksanakan agenda ummah bakal dibalas dengan ganjaran kebaikan berlipat kali ganda, insya-Allah.

***“Memperteguh Syariat, Melestari Adat”.***

# ANGGOTA ATAS NAMA JAWATAN



**YB DATO' SERI SAARANI BIN MOHAMAD**

Menteri Besar Perak merangkap Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Negeri Perak Darul Ridzuan  
(dilantik bermula 22 Disember 2020)



**YB MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN**

Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam dan Penerangan Negeri Perak Darul Ridzuan  
(tamat 5 Disember 2020)

## PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Dengan Kepujian Pengkhususan: Pengurusan Sumber Manusia, Open University Malaysia
- Diploma Sains Serta Pendidikan (Fizik dan Matematik), Universiti Teknologi Malaysia



**YB DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM**

Setiausaha Kerajaan  
Negeri Perak Darul Ridzuan

## PENDIDIKAN

- Ms. Sc. Global Information Telecommunications Studies, Universiti Waseda, Tokyo, Jepun
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Bioteknologi, Universiti Putra Malaysia

## PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana Muda Syariah Islamiah, Universiti Al-Azhar, Mesir
- Diploma Pengajian Islam, Kolej Islam Darul Ulum, Pokok Sena, Kedah



**YB DATO' AZMIR SHAH BIN ZAINAL ABIDIN**

Penasihat Undang-undang  
Negeri Perak Darul Ridzuan

## PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana International Legal Studies, University of Nottingham, Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda LLB (Hons), Universiti Islam Antarabangsa



**YB DATO' ZULAZLAN BIN ABU HASSAN**  
Pegawai Kewangan  
Negeri Perak Darul Ridzuan



**SS TAN SRI DATO' SERI (DR.)  
HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA**  
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

#### PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana Business Administration, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Diploma Public Management (INTAN)
- Sarjana Muda Sains (Housing, Building, and Planning) (Hons.), Universiti Sains Malaysia



**DATO' HAJI ASA'ARI BIN HAJI MOHD. YAZID**  
Ketua Hakim Syarie  
Negeri Perak Darul Ridzuan

#### PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaya
- Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Universiti Islam Antarabangsa

#### PENDIDIKAN

- Diploma Pendidikan Kolej Islam Malaya Klang, Selangor
- Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya Kuliah Al-Attas, Johor Bahru



**DATO' HAJI MOHD. YUSOP BIN HAJI HUSIN**  
Pengarah Jabatan Agama Islam  
Negeri Perak Darul Ridzuan

#### PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana Syariah Universitas Ar Raniry Banda Aceh
- Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Malaya
- Diploma Undang Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Universiti Islam Antarabangsa

# ANGGOTA YANG DILANTIK



**ORANG KAYA TEMENGGONG PADUKA RAJA  
DATO' SERI WAN MOHD FATHIR @ FADZIR  
BIN WAN HUSSAIN**

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Pendidikan Universiti Texas, Austin Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya
- Sijil Perguruan Maktab, Maktab Perguruan Sultan Idris



**DATO' SERI MOHD. ANNUAR BIN ZAINI**

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Master of Arts in Law & Diplomacy, The Fletcher School of Law & Diplomacy, Universiti Tufts, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) Kepujian, Universiti Kebangsaan Malaysia



**ORANG KAYA KAYA IMAM PADUKA TUAN,  
DATO' DR. AFIFI AL-AKITI**

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Kedoktoran (D.Phil) Pengajian Islam, Universiti Oxford, UK
- Ijazah Sarjana (MSt) Pengajian Islam, Universiti Oxford, UK
- Ijazah Sarjana Muda (BA) Falsafah Skolastik dan Sejarah dan Falsafah Sains, Universiti Queen Belfast, UK



**DATO' HAJI AS'AD BIN AWANG**

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Arab, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Malaya
- Sijil Perguruan Maktab Perguruan Islam, Petaling Jaya



**PROFESOR DATO' DR. ANSARY BIN AHMED**

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Kedoktoran PhD (Molecular Bacteriology), Universiti Manchester, England
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Mikrobiologi), Universiti Liverpool



**TOH SERI BIJAYA LT. KOL (B)  
DATO' SHAHARUDIN BIN HAJI NAZARI**

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Teknologi Malaysia
- Diploma Pengajian Strategik, Universiti Malaya



**TAN SRI PROF. DATO' DR. NORDIN BIN KARDI**

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Kedoktoran (PhD) Student Personnel Services, Universiti Hull, England
- Sarjana Kaunseling Universiti Western Michigan, USA
- Ijazah Sarjana Muda Psikologi dan Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia



**TOH SERI MAHARAJA LELA  
DATO' SERI ZAINAL ADZAM BIN ABD. GHANI**

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Malaya



**DATO' DR. MOHAMAD HASHIM BIN AHMAD TAJUDIN**

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Kedoktoran (PhD) Soil Fertility and Management, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Ijazah Sarjana Agriculture (Soil Chemistry and Fertility), UPM
- Ijazah Sarjana Muda Agriculture, UPM
- Advanced Management Programme (AMP) INSEAD, France
- Harvard Premier Business Management Programme



**TOH MUDA ORANG KAYA KAYA  
SERI ADIKA RAJA SHAHBANDAR MUDA  
DATO' AR. LA MEOR ROSLAN BIN  
DATO' SERI HJ. MEOR AHMAD RASHIDI**

**PENDIDIKAN**

- Msc. Landscape Design University Of Shefffeild, U.K
- Bsc. Hon. Landscape Architecture Greenwish University, UK
- Diploma In Interior Design, UiTM



**DR. HAJI MOHD FAHMI BIN ABDUL KHIR**

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Kedoktoran (PhD) Bahasa Arab dan Ilmu Islam, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab, Universiti Jordan
- Diploma Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



**HAJI MOHD HANID BIN ABDULLAH SANI**

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Diploma Pertanian, Universiti Putra Malaysia

# ANGGOTA YANG DILANTIK



**PROFESOR DATUK DR. SHAMRAHAYU BINTI AB. AZIZ**

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Doktor Falsafah (Undang-Undang Jenayah Dan Hak Asasi), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Ijazah Sarjana Undang-Undang Perbandingan (MCL), UIAM
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang - LL.B Syariah (Kepujian), UIAM
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang - LL.B (Kepujian) , UIAM
- Diploma Undang-Undang Syariah Dan Amalan Guaman (DSLP) - (Diploma Lepasan Ijazah), UIAM



**HAJI MD SUAID BIN DIN**

**PENDIDIKAN**

- Sarjana Pengajian Islam, Open Universiti Malaysia
- Sarjana Muda (Usuluddin) Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri
- Diploma Pendidikan Universiti Al-Azhar, Mesir



**TOH SERI LELA PADUKA DATO' DR. KHALID BIN ISMAIL**

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Kedoktoran (PhD) Business Administration Universiti Washington, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Science Management, Universiti Utara Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Accounting, Universiti Eastern Michigan, Amerika Syarikat
- Diploma Akauntansi, Institut Teknologi Mara



**CP DATO' RAZARUDIN BIN HUSAIN**

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Sains Sosial Pengajian Kepolisian, Universiti Kebangsaan Malaysia



**SETIAUSAHA**

**SHahrul Azam bin Shaari**  
Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Universiti Teknologi Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (International Business Administration), University Of Northumbria, Newcastle

# PENGURUSAN IBU PEJABAT



## PENGURUSAN TERTINGGI

Dari kiri

**ROHIZAN BIN HAJI OMAR**  
Pengurus Besar, Bahagian Khidmat Pengurusan

**ARIFF BIN APANDI**  
Pengurus Besar, Bahagian Kewangan

**BAKRI BIN LEE**  
Pengurus Besar, Bahagian Agihan Zakat

**HAJAH WAN MAIZURA BINTI WAN ZAHARI**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan)

**SHahrul Azam bin Shaari**  
Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk

**HAJI MOHD HAIDI BIN SULAIMAN**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)

**AHMAD NAZIM BIN MD. TAJURI**  
Pengurus Besar, Bahagian Pemasaran

**MOHD SAUFI BIN IBRAHIM**  
Pengurus Besar, Bahagian Perhubungan Korporat dan Perancangan Strategik

**SUHAIMI BIN YUSOFF**  
Pengurus Besar, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf

**MOHD SAUFI BIN IBRAHIM**  
Pengurus Besar, Bahagian Perhubungan Korporat dan Perancangan Strategik

# PENGURUSAN IBU PEJABAT



## PENGURUS

Dari kiri

**Ahamad Muzammil bin Arbain**  
Pengurus, Unit Pembangunan Sosial

**Wan Abdul Halim Hafizdz bin Mohd Amin**  
Pengurus, Unit Perkhidmatan dan Pentadbiran

**Munawir bin Mohamed Noh**  
Pengurus, Unit Pembangunan Wakaf

**Mohd Hafizie bin Abd. Karim**  
Pengurus, Unit Pembangunan Hartanah

**Noraizad bin Rosli**  
Pengurus, Unit Pemerkasaan Asnaf

**Dzulbazli bin Mahamd Ali**  
Pengurus, Unit Pelaburan

**Muhammad Faiz bin Zakaria**  
Pengurus, Unit Dakwah Bahagian Pemasaran

**Abdul Aziz bin Sulaiman**  
Ketua Audit Dalam, Unit Audit Dalam



## PENGURUS

*Dari kiri*

**Mior Khairul Anas bin Rozali**  
Pengurus, Unit Perhubungan Korporat

**Mat Azlan bin Mat Hassan**  
Aktauntan, Bahagian Kewangan

**Noor Wahida binti Abu Seman**  
Pengurus, Unit Perancangan Strategik dan Risiko

**Zaleha binti Wan Din**  
Pengurus, Operasi, Bahagian Pemasaran

**Norfazilah binti Bawadi**  
Pengurus, Unit Pembangunan Pendidikan

**Nur Azren binti Yahya**  
Pengurus, Unit Teknologi Maklumat

**Asiah binti Bin Yamin**  
Pengurus, Unit Undang-undang

# PEJABAT PENTADBIRAN DAERAH



## PEGAWAI BAITULMAL DAERAH

Dari kiri

**S. Daud bin Shehamy**  
Pegawai Baitulmal Daerah Bagan Serai

**Hamdi bin Othman**  
Pegawai Baitulmal Daerah Tapah

**Ahmad Nazri bin Hassan**  
Pegawai Baitulmal Daerah Seri Iskandar

**Mohd Latiff bin Talib**  
Pegawai Baitulmal Daerah Kampung Gajah

**Zul Azri bin Hosaini**  
Pegawai Baitulmal Daerah Teluk Intan

**Mohamad Hafizi bin Mohamah Nor**  
Pegawai Baitulmal Daerah Kuala Kangsar

**Ahmad Fadzil bin Mustaffa**  
Pegawai Baitulmal Daerah Batu Gajah

**Amirudin bin Osman**  
Pegawai Baitulmal Daerah Parit Buntar

**Shaiful Nizam bin Not**  
Pegawai Baitulmal Daerah Kampar



## PEGAWAI BAITULMAL DAERAH

Dari kiri

**Zulfadli bin Baharum**  
Pegawai Baitulmal Daerah Taiping

**Johar bin Zainal Abidin**  
Pegawai Baitulmal Daerah Gerik

**Mohamad Razif bin Mokhtar**  
Pegawai Baitulmal Daerah Manjung

**Muhammad Naquib bin Mohamad Tarmizi**  
Pegawai Baitulmal Daerah Selama

**Nabil Fikri bin Mohamad**  
Pegawai Baitulmal Daerah Muallim


**Shahmer Mahzuz bin Mohd Zin**  
Pegawai Baitulmal Daerah Bagan Datuk


**Mohamad Razif bin Razali**  
Pegawai Baitulmal Daerah Pengkalan Hulu

**Mohd Ariffullah bin Mashudi**  
Pegawai Baitulmal Daerah Lenggong


**Yazid bin Kamaruddin**  
Pengurus UTC

# CARTA ORGANISASI





# CARTA STRUKTUR ORGANISASI





# PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

---

# PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Secara keseluruhannya, pada peringkat Kumpulan, MAIPk berjaya mencapai keputusan kewangan yang masih mapan. Nilai Aset Bersih (NAB) Kumpulan mencatatkan RM494.42 juta (2019: RM473.83 juta), meningkat 4.34% atau RM20.59 juta berbanding pencapaian pada tahun sebelumnya.



Menelusuri liku sejarah lebih 7 dekad, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) terus berdiri teguh memberi khidmat kepada rakyat khususnya di kalangan masyarakat Muslim negeri Perak Darul Ridzuan. Semenjak, penubuhannya pada 23 Oktober 1949, MAIPk telah menempuh pelbagai dugaan dan rintangan demi memikul mandat dan aspirasi ummah agar terus berperanan aktif membantu masyarakat yang terhimpit kesusahan serta pemangkin kemajuan sosio-ekonomi ummah; selain fungsi perdananya sebagai badan penguasa agama utama di negeri ini.

Meskipun, bahang kesan penularan pandemik COVID-19 semakin dirasai, MAIPk tetap bingkas mendepani cabaran krisis kesihatan yang membadi seluruh dunia. Tatkala, ekonomi negara kian terjejas, dengan izin Allah SWT, MAIPk berupaya membina kelasakan mandiri berteraskan sokongan berterusan umat Islam khususnya di negeri ini. Pengurusan MAIPk amat bersyukur, umat Islam di negeri ini masih meletakkan kepercayaan kepada MAIPk untuk terus mengurus tadbir Baitulmal, perbendaharaan Islam yang terdiri daripada komponen zakat, wakaf, sumber am dan amanah. Baitulmal terus dianggap relevan sebagai wadah penghubung antara golongan berkemampuan untuk membantu saudara sel-slam yang kurang bernasib baik.

Tempias kesuraman ekonomi negara tahun 2020, memberi kesan signifikan terhadap prestasi kewangan MAIPk bagi tahun 2020. Buat pertama kalinya dalam tempoh 2 dekad, pungutan zakat negeri Perak mengalami penyusutan berbanding trend peningkatan yang konsisten saban tahun sebelum ini. Walaupun tidak begitu ketara, namun, Pengurusan MAIPk sentiasa bersiap siaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan terutamanya jangkaan represif pada tahun-tahun berikutnya. Sememangnya, tahun ini merupakan tahun yang mencabar dan di luar jangkaan; permulaan bagi liku perjalanan penuh rintangan untuk sekurang-kurangnya beberapa tahun mendatang.

## PRESTASI KEWANGAN

Secara keseluruhannya, pada peringkat Kumpulan, MAIPk berjaya mencapai keputusan kewangan yang masih mapan. Nilai Aset Bersih (NAB) Kumpulan mencatatkan RM494.42 juta (2019: RM473.83 juta), meningkat 4.34% atau RM20.59 juta berbanding pencapaian pada tahun sebelumnya. Keputusan kewangan tersebut menggambarkan prestasi kewangan Kumpulan berada pada kedudukan yang kukuh dan berdaya tahan. Malah, kedudukan kewangan pada peringkat MAIPk sendiri turut mengukuh dengan mencatatkan NAB RM292.21 juta (2019: RM276.19 juta), meningkat 5.80% atau RM16.02 juta berbanding pencapaian 2019.

Berdasarkan persembahan perakaunan pada peringkat Kumpulan, prestasi kewangan syarikat subsidiari milikan penuh MAIPk, iaitu, PKEINPK Sdn. Bhd. (PSB) telah disatukan dengan akaun Sumber Am MAIPk. Bagi tahun 2020, akaun disatukan Kumpulan (Sumber Am) mencatatkan kenaikan pendapatan sebelum cukai (EBIT) sebanyak 293.55% atau RM5.05 juta daripada RM1.72 juta pada tahun 2019 kepada RM6.77 juta pada tahun 2020.

Peningkatan ini disebabkan penjanaan hasil yang bertambah baik daripada aktiviti perniagaan Kumpulan PSB sepanjang tahun 2020 terutamanya daripada sektor perladangan. Pendapatan Kumpulan PSB bagi tahun 2020 naik 49.88% daripada RM31.82 juta tahun 2019 kepada RM47.70 juta. Manakala, pendapatan sebelum cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) peringkat Kumpulan PSB mencatatkan jumlah RM14.70 juta berbanding RM8.88 juta pada 2019.

Sektor perladangan menyumbang lebih 80% daripada pendapatan Kumpulan PSB. Sektor ini mencatatkan pencapaian lebih baik bagi tahun 2020 dengan peningkatan pendapatan sebanyak 83% daripada RM25.96 juta tahun lalu kepada RM39.63 juta tahun ini. Prestasi ini sebahagian

besar disebabkan pemulihan pasaran sawit dunia pada 2020 yang turut memberi kesan kepada pasaran domestik. Harga purata minyak sawit mentah (MSM) di Semenanjung naik 30% daripada RM2,091 pada 2019 kepada RM2,727, manakala, harga purata MSM di Sabah juga naik 30% daripada RM2,104 kepada RM2,733. Bagi harga purata buah tandan segar (BTS) pula, di Semenanjung naik 31% daripada RM415 semetrik tan pada 2019 kepada RM544 semetrik tan pada 2020. Demikian juga, harga purata BTS di Sabah naik 38% daripada RM347 semetrik tan pada 2019 kepada RM480 semetrik tan pada 2020.

Manakala, sektor kesihatan pula menyumbang 17% daripada pendapatan Kumpulan PSB dengan pengoperasian Hospital Ar-Ridzuan. Tahun 2020 menyaksikan peningkatan prestasi pendapatan sebanyak 37.43% daripada RM5.92 juta tahun lalu kepada RM8.13 juta tahun ini.

Pada peringkat MAIPk pula, terkesan dengan faktor kelesuan ekonomi, pungutan zakat dan fitrah bagi tahun 2020 telah merekodkan prestasi menyusut. Berbanding pungutan dicatatkan bagi tahun 2019 berjumlah RM207.19 juta, berlaku penurunan 5.96% atau RM12.34 juta, menjadikan jumlah pungutan zakat tahun 2020 susut kepada RM194.85 juta. Sumber terbesar pungutan zakat datangnya daripada 2 kategori, iaitu, zakat harta berjumlah RM131.05 juta (2019: RM130.93 juta) dan zakat perniagaan berjumlah RM49.55 juta (2019: RM58.85 juta). Kedua-dua kategori ini menyumbangkan 92.68% daripada keseluruhan pungutan zakat.

Prestasi pungutan di bawah kategori zakat harta banyak dipengaruhi oleh dua subkategori, iaitu, zakat pendapatan dan zakat simpanan yang menyumbangkan 81.65% daripada keseluruhan pungutan kategori ini. Di bawah subkategori zakat pendapatan, kaedah Potongan Zakat Berjadual (PZB) menyumbangkan pungutan RM58.83 juta (2019: RM65.08 juta), berkurang 9.57% berbanding pencapaian 2019. Manakala, subkategori zakat

simpanan pula mencatatkan penyusutan 4.57% kepada RM31.95 juta (2019: RM33.48 juta).

Persekitaran ekonomi yang tidak kondusif sepanjang 2020 telah merencatkan perkembangan kebanyakan sektor perniagaan. Keadaan ini telah menjelaskan pungutan zakat perniagaan menyebabkan berlaku penyusutan 15.81% pada 2020 dan akhirnya mencatatkan keputusan RM49.55 juta (2019: RM58.85 juta). Sekatan terhadap perniagaan yang tidak tersenarai di bawah perkhidmatan perlu, termasuk liputan pergerakan yang terhad kepada orang ramai memberi impak negatif terutamanya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta perusahaan mikro, hingga ada sebahagiannya terpaksa gulung tikar. Malah, ada kalangan pekerja di bawah perusahaan-perusahaan tersebut, yang sebelum ni mempunyai sumber pendapatan, telah hilang mata pencarian secara mendadak hingga terjerumus ke kancang kemiskinan segera.

Prestasi perbelanjaan pengurusan dan agihan asnaf bagi tahun 2020 juga terkesan. Penyata Prestasi Kewangan Zakat 2020, mencatatkan surplus RM4.13 juta walaupun berlaku penurunan pungutan, manakala, Penyata Prestasi Kewangan Sumber Am 2020 pula mencatatkan surplus RM717 ribu. Secara keseluruhan, bagi tahun 2020, MAIPk telah membelanjakan dana (zakat dan sumber am) berjumlah RM174.08 juta (2019: 180.08 juta), menurun 3.33% berbanding tahun sebelumnya. Daripada jumlah ini, sejumlah RM31.73 juta (2019: RM31.41 juta) digunakan untuk perbelanjaan pengurusan, manakala, selebihnya RM142.35 juta (2019: RM148.67 juta) lagi digunakan untuk program-program pembangunan asnaf di bawah inisiatif pengagihan zakat. Penurunan pengagihan zakat 4.25% tersebut disebabkan penangguhan atau pembatalan beberapa program yang telah dirangka akibat situasi pandemik. Antaranya skim latihan dan kemahiran asnaf dengan peruntukan berbaki RM1.60 juta, serta, bantuan dermasiswa dalam dan luar negara dengan peruntukan berbaki RM3.54 juta.



Namun, sesuatu yang menarik, lebihan bersih pungutan wakaf meningkat drastik sebanyak 285% daripada RM2.42 juta dicatatkan pada 2019 kepada RM9.30 juta tahun 2020. Ini merupakan suatu petanda positif, bahawa trend orang ramai untuk terus beramal jariah menerusi infak dan sedekah tidak terjejas walau dalam keadaan ekonomi tertekan.

## KEKUATAN ALIRAN TUNAI

MAIPk berupaya mengekalkan aliran tunai positif pada tarikh pelaporan kewangan berakhir 31 Disember 2020. Bagi mengelakkan berdepan dengan risiko kewangan rentan, MAIPk mengawal perbelanjaan berdasarkan bajet yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah. Menerusi instrumen bajet, segala perbelanjaan dapat dikawal secara efektif bagi memastikan kedudukan kewangan MAIPk sentiasa berada pada tahap yang mampan dan berdaya maju serta berkemampuan untuk memenuhi kesemua obligasi jangka pendek mahupun jangka panjang, di samping mengekalkan tahap rizab tunai yang selesa. Baki tunai dan kesetaraan tunai peringkat Kumpulan pada akhir tahun kewangan meningkat 5.51% daripada RM180.33 juta bagi tahun 2019 kepada RM190.27 juta bagi tahun 2020. Manakala, pada peringkat MAIPk sendiri, baki tunai dan kesetaraan tunai meningkat 4.58% daripada RM178.43 juta bagi tahun 2019 kepada RM186.59 juta bagi tahun 2020.

## KEBERSAMAAN MENANGANI COVID-19

Krisis pandemik COVID-19 ini merupakan isu global yang memberi kesan rantaian sangat bukan sahaja dalam isu keselamatan dan kesihatan malah turut memberi kesan signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi sedunia. Tatkala, kebanyakan negara masih berperang menangani penularan wabak

berkenaan, kebanyakan sektor ekonomi mengalami penguncutan mendadak pada tahun 2020 termasuk Malaysia. Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) melaporkan ekonomi global mencatatkan pertumbuhan negatif 3.5% (2019: +2.8%) bagi tahun 2020. Manakala, ekonomi Malaysia pula mencatatkan pertumbuhan negatif 5.6% (2019: +4.3%). Tidak terkecuali negeri Perak, juga menerima tempias kegawatan dengan mencatatkan pertumbuhan negatif 2.3% (2019: +4.1%).

Langkah pembendungan tegas yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan terutamanya sekatan pergerakan merentas sempadan, kesan penjarakan sosial dan penerapan norma baharu telah menjelaskan pertumbuhan ekonomi. Kebanyakan sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan lemah ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan diikuti PKP Bersyarat dan PKP Pemulihan mengikut tahap penularan jangkitan. Selain itu, Kerajaan juga melaksanakan Prosedur Operasi Standard (SOP) khusus mengikut sektor tertentu dalam usaha untuk membendung jangkitan. Inisiatif pemulihan ekonomi yang dilancarkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bertujuan untuk membantu meringankan bebanan rakyat mengharungi tempoh sukar, sedikit sebanyak berjaya menampung keperluan asas buat sementara waktu sekali gus memangkin pemulihan ekonomi. Namun, cabaran masih lagi getir kerana negara masih belum terlepas daripada pandemik ini, apatah lagi untuk berdepan dengan cabaran pasca COVID-19.

Menyedari hakikat bahawa, MAIPk juga berada dalam ekosistem yang sama, maka, pihak MAIPk telah menggembung sumber menerusi kerjasama strategik pembayar-pembayar zakat korporat dengan melancarkan Dana Khas Agihan Zakat COVID-19 berjumlah RM11.95 juta pada 25 Mac 2020. Dana khas yang disediakan ini bertujuan membantu Kerajaan Negeri seiring Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Perak yang dilancarkan oleh Kerajaan

Negeri. Dana Khas ini telah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, atas keprihatinan baginda terhadap kesulitan rakyat yang tertekan tatkala bergelut meneruskan kelangsungan hidup dalam situasi pandemik. Peruntukan telah disediakan bagi melaksanakan inisiatif bantuan berikut:

- Bantuan Kotak Makanan - RM240 ribu
- Bantuan Kecemasan Kelangsungan Hidup - RM5.8 juta
- Bantuan Khas Modal Pusingan Usahawan Kecil - RM2 juta
- Bantuan Bekalan Makanan Pelajar Terkandas IPTA dan IPTS - RM100 ribu
- Bantuan Pengurusan dan Kebajikan Pelajar Luar Negara - RM100 ribu
- Sumbangan Khas Petugas Barisan Hadapan COVID-19 - RM500 ribu
- Sumbangan Khas Peralatan Kesihatan dan Perubatan - RM1 juta
- Sumbangan Khas Peralatan Pencegahan COVID-19 - RM1.5 juta
- Pelan Kontingensi - RM710 ribu

Sejak dilancarkan, Dana Khas ini mendapat sambutan yang begitu menggalakkan. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM11.1 juta telah dibelanjakan dan dimanfaatkan lebih 30 ribu penerima yang terkesan akibat COVID-19. Sebahagian besarnya, penerima di bawah inisiatif Bantuan Kecemasan Kelangsungan Hidup, yang dimanfaatkan lebih 20 ribu orang individu atau ketua keluarga dengan nilai bantuan berjumlah RM8.13 juta.

MAIPk turut mengambil perhatian akan nasib para pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang terkandas akibat pelaksanaan PKP. Sepanjang tempoh PKP, seramai lebih 2 ribu pelajar dari pelbagai IPT negeri Perak tidak dapat pulang ke rumah dan terpaksa berkurnung di kolej atau kediaman sewaan masing-masing disebabkan penutupan IPT. Dana disalurkan

bagi membantu pengurusan IPT menyediakan bekalan makan atau barang dapur dan keperluan asas kepada pelajar-pelajar tersebut.

Selain itu, MAIPk turut membantu Kerajaan dalam menyediakan kelengkapan pelindung diri dan pencegahan COVID-19 kepada petugas-petugas barisan hadapan dengan nilai perolehan berjumlah RM943 ribu, di samping sumbangan berupa peralatan rawatan dan perubatan untuk kegunaan hospital dengan nilai perolehan berjumlah RM610 ribu.

## OPERASI KENDALIAN

Dari sudut operasi kendalian, zakat masih merupakan komponen terpenting Baitulmal. Lebih 90% daripada sumber pendanaan Baitulmal datangnya daripada zakat. Zakat berperanan penting mengimbangi interaksi sosial masyarakat dalam persaingan mencari nafkah demi meneruskan kehidupan, lebih-lebih lagi dalam suasana ekonomi yang begitu mencabar. Di bawah inisiatif zakat, pelbagai perancangan dan pelan tindakan telah dirangka bagi mencapai matlamat, antaranya mengangkat daya ikhtiar hidup masyarakat serta meningkatkan keampuhan *survival* mereka khususnya daripada golongan asnaf. Berbeza dengan Dana Khas Agihan Zakat COVID-19 yang bersifat *one off*, kesemua skim lain tersenarai di bawah inisiatif pengagihan zakat ini merupakan usaha berterusan sepanjang tahun.

Tahun 2020 membawa suatu cabaran baharu kepada warga kerja MAIPk. Penerapan norma baharu dalam etos kerja perkhidmatan awam perlu disambut dengan sikap keterbukaan dan komitmen yang tinggi. Warga kerja MAIPk perlu mengadaptasi diri terhadap persekitaran semasa yang menuntut pengorbanan untuk menyeimbangkan keutamaan antara keperluan untuk menjaga keselamatan dan kesihatan diri berbanding urusan kerja bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai tidak terganggu.



Matlamat untuk mengurangkan jurang keseimbangan sosio-ekonomi masyarakat terus menjadi keutamaan dalam inisiatif pengagihan zakat. Pengurusan MAIPk sedar, matlamat ini semakin sukar dicapai lebih-lebih lagi dalam keadaan kelesuan ekonomi. Apatah lagi, insiden kemiskinan sememangnya isu lazim yang telah tersedia mengakar dalam kalangan masyarakat, diburukkan lagi dengan krisis kesihatan yang melanda. Memandangkan, agenda pembasmian kemiskinan ini sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan Negeri, dan, selari pula dengan tumpuan pengagihan zakat, maka, MAIPk istiqamah untuk meneruskan usaha yang sinergi dan sehaluan dengan inisiatif Kerajaan Negeri, demi membantu meringankan bebanan dan permasalahan rakyat khususnya daripada kalangan masyarakat muslim. Ikhtiar ini diterjemahkan secara inklusif menerusi pelbagai skim bantuan yang disediakan merangkumi pelbagai peringkat golongan sasar, mengikut keperluan mereka di bawah kategori pengagihan zakat masing-masing, sama ada, fakir, miskin, muallaf, ghorimin, fisabilillah dan ibnu sabil. Sebanyak 32 buah skim telah diwujudkan bersifat saling melengkapi usaha Kerajaan Negeri dan dilaksanakan secara kolektif sepanjang tahun kewangan berdasarkan kepada empat program teras iaitu;

- **Program Pembangunan Sosial**  
- menyenaraikan 14 skim bantuan;
- **Program Pembangunan Pendidikan**  
- menyenaraikan 10 skim bantuan;
- **Program Pemerkaaan Ekonomi**  
- menyenaraikan 2 skim bantuan; dan
- **Program Pemerkaaan Insan**  
- menyenaraikan 6 skim bantuan.

Fakir dan miskin masih merupakan tumpuan pengagihan terbesar zakat dengan jumlah kumulatif agihan mencecah RM105.46 juta, menurun 2.26%

atau RM2.44 juta, berbanding pengagihan pada tahun sebelum berjumlah RM107.9 juta. Manakala, pengagihan kedua terbesar ialah asnaf fisabilillah dengan jumlah kumulatif agihan RM30.57 juta, menurun 3.57% atau RM2.3 juta, berbanding kumulatif agihan tahun sebelum berjumlah RM32.87 juta. Ketiga-tiga asnaf ini mewakili 82.42% (2019: 82.25%) daripada keseluruhan inisiatif pengagihan zakat MAIPk dalam tahun.

### **Program Pemerkaaan Sosial dan Pendidikan**

Pada tahun 2020, bilangan penerima bantuan saraan bulanan fakir dan miskin merekodkan sedikit penurunan 6.03% daripada 11,754 orang kepada 11,045 orang, namun, jumlah nilai pembiayaan meningkat kepada RM43.87 juta (2019: RM40.17 juta), berikutan semakan semula ke atas kelayakan penerima serta kadar pemberian bantuan mengikut keperluan dan situasi semasa. Skim saraan bulanan ini merupakan pembiayaan terbesar di bawah pengagihan zakat MAIPk. Selain itu, skim rawatan hemodialisis yang merupakan pengagihan kedua terbesar di bawah fakir dan miskin, merekodkan jumlah pembiayaan RM16.45 juta (2019: RM16.94 juta) pada tahun 2020 dimanfaatkan oleh 570 orang penerima. Bilangan ini berkurangan 40 orang berbanding bilangan penerima tahun sebelumnya seramai 610 orang. Selain itu, Skim Agihan Sekaligus Ramadhan juga meningkat kepada RM7.72 juta (2019: RM6.82 juta) berikutan peningkatan bilangan penerima sebanyak 34.85% daripada 27,400 orang pada 2019 kepada 36,875 orang pada tahun 2020. Keadaan ini telah dianggarkan berlaku berikutan keadaan situasi semasa yang menekan rakyat khususnya berpendapatan rendah.

Namun demikian, terdapat beberapa program yang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya akibat bermulanya PKP sejak 18 Mac 2020. Malah, kawalan pergerakan dan implementasi SOP yang ketat sebenarnya berlangsung sepanjang tahun 2020. Antara skim agihan yang terkesan ialah Skim Bantuan Bina Rumah fakir miskin. Berikut

pelaksanaan SOP terutamanya melibatkan sektor binaan, sebahagian besar projek pembinaan tergendala. Pada tahun 2020, hanya 167 buah (2019: 285 buah) rumah fakir miskin berjaya dibina melibatkan kos berjumlah RM7.71 juta (2019: RM12.99 juta). Pengurangan 41.4% dengan nilai perbezaan pengagihan sebanyak RM5.28 juta.

Manakala, di bawah pengagihan fisabilillah, skim yang paling mendapat sambutan ialah Skim Bantuan Am Pelajaran untuk kemasukan tahun pertama institusi pengajian tinggi (IPT). Bagaimanapun, skim ini juga mencatatkan penurunan pada tahun 2020. Sebanyak RM6.01 juta (2019: RM6.09 juta) telah disalurkan pada tahun 2020 dimanfaatkan oleh 8,654 orang (2019: 10,212 orang) pelajar, menurun 15.26% berbanding bilangan direkodkan tahun 2019. Selain itu, bantuan dermasiswa kepada pelajar-pelajar dalam dan luar negara masih diteruskan tetapi jumlah pembiayaannya turut berkurangan daripada RM11.47 juta tahun 2019 kepada RM8.4 juta tahun 2020, menyusut 26.47%, disebabkan bilangan pelajar berkurang daripada 2,751 orang pada tahun 2019 kepada 2,226 orang pada tahun 2020, disebabkan sekatan penghantaran pelajar melanjutkan pengajian ke luar negara khususnya negara-negara timur tengah.

### **Program Pemerkasaan Ekonomi**

Pengurusan MAIPk komited untuk melaksanakan setiap perancangan yang telah direncanakan. Menerusi bajet yang diluluskan di bawah teras pemerkasaan ini, dua skim bantuan telah dirangka khusus bagi memberi tumpuan kepada aspek pengupayaan dan peningkatan produktiviti dan kompetensi asnaf mengikut kecenderungan dan kemampuan masing-masing. Bagi asnaf yang produktif ini, mereka diserapkan di bawah program-program pemerkasaan yang menyediakan pelbagai siri program yang versatil lagi dinamik, mampu memupuk bakat dan keupayaan mereka agar berupaya meningkatkan kebolehan, kemahiran dan

produktiviti masing-masing dalam bidang kluster pemerkasaan yang dipilih. Umpamanya, di bawah Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf (PROPERA), peserta dilatih untuk menjadi usahawan berilmu, mampu berdikari, berdaya tahan dan berdaya saing. Antara bidang tumpuan yang menjadi keutamaan adalah;

- Perkhidmatan;
- Pembuatan;
- Pertanian;
- Penternakan;
- Penjenamaan dan pemasaran produk; dan
- Mentor Mentee.

Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2020, disebabkan tempoh penguatkuasaan PKP yang berterusan, kesemua aktiviti terpaksa ditangguhkan dan dijadualkan semula pelaksanaannya pada tahun hadapan, kecuali sebuah aktiviti sahaja, iaitu, skim Asnaf Bantuan Modal (ABaM). Berdasarkan pencapaian pelaksanaan skim ABaM ini, peratus kejayaan Program Pemerkasaan Ekonomi hanya mencapai 22.33% sahaja dengan bilangan asnaf yang berjaya meningkatkan taraf hidup keluarga masing-masing seramai 67 orang, dengan janaan pendapatan melebihi had kifayah. Biarpun kecil jumlahnya, namun kisah kejayaan ini menyuntik semangat warga Pengurusan MAIPk untuk terus berusaha gigih menyampaikan khidmat untuk membantu masyarakat yang ingin menambah baik taraf hidup mereka.

### **Program Pemerkasaan Insan**

Bagi asnaf yang lebih cenderung untuk berkerjaya pula, diberikan peluang menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran di bawah Program Pemerkasaan Insan. Antara contoh skim yang berjaya dilaksanakan di bawah teras ini ialah Skim Latihan Kemahiran Asnaf yang mula diperkenalkan sejak 2012. Skim ini memberi ruang dan peluang kepada golongan belia asnaf yang



keciran akademik untuk menceburi bidang latihan dan kemahiran berimpak tinggi yang mampu menjanjikan imbuhan lumayan selepas menamatkan latihan masing-masing. Namun, tidak seperti tahun-tahun terdahulu, kesemua aktiviti di bawah program ini terpaksa dibatalkan dan ditunda pelaksanaannya pada tahun hadapan.

Walaupun, tidak berjaya dilaksanakan pada tahun ini, namun ia tidak mematahkan semangat warga MAIPk untuk meneruskan usaha sebegini dan berfikiran positif untuk menambah baik perancangan serta meneroka kepelbagaian bidang yang lebih kontemporari dan dinamik sesuai dengan kehendak pasaran semasa dengan objektif untuk meningkatkan keupayaan modal insan asnaf khususnya di kalangan anak-anak muda.

Menyedari hakikat peri pentingnya ilmu dan pendidikan sebagai nadi penggerak pembangunan dan kemajuan, MAIPk telah meneruskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti lain di bawah teras pemerksaan insan. Penyaluran Bantuan Per Kapita kepada sekolah-sekolah agama rakyat diteruskan pada tahun 2020. Malah, jumlahnya ditambah kepada RM4.93 juta (2019: RM4.83 juta) bagi membantu pentadbiran sekolah-sekolah berkenaan. Selain itu, sepetimana tahun-tahun sebelumnya, MAIPk turut menjalankan program kecemerlangan pelajar sekolah bagi menggarap tunas-tunas baru yang bakal meneruskan legasi kecemerlangan ilmu di kalangan belia Islam khusus dari golongan asnaf. Program Hijrah Asnaf ke Menara Gading (HiAsMeGa) masih diteruskan melibatkan kelompok pelajar-pelajar terpilih yang diberikan tajaan biasiswa MAIPk. Bagi memastikan kejayaan program ini, MAIPk telah mengadakan jalinan kerjasama strategik dengan Yayasan Pelajaran MARA (YPM), yang bertindak sebagai pemantau ke atas prestasi pelajar. Selain memantau, YPM juga akan memastikan pelajar-pelajar ini mengikuti tuisyen yang dianjurkan oleh sekolah-sekolah MRSM yang berhampiran dengan kediaman pelajar. Program ini berjaya merekodkan

kadar kejayaan yang amat menggalakkan apabila seramai 302 orang pelajar atau 86.29% daripada sasaran 350 pelajar telah berjaya mendapat tawaran mengikuti pengajian di IPT dalam bidang pilihan masing-masing.

### MELAYARI PERUBAHAN

Tidak hanya ancaman dari sudut kesihatan dan nyawa, pandemik COVID-19 turut mengubah cara hidup manusia secara mendadak. Perubahan kepada normal baharu secara tiba-tiba bukanlah sesuatu yang mudah diterima oleh masyarakat apatah lagi melazimkannya sebagai suatu budaya baharu dalam sekilip mata. Namun, perubahan ini bukanlah suatu pilihan. Masyarakat perlu mengadaptasi perubahan dan menjadikan normal baharu sebahagian daripada disiplin kehidupan jika ingin terus hidup bersama COVID-19. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) meramalkan pandemik ini mengambil masa yang lama untuk hilang, malah, berkemungkinan untuk terus kekal bersama manusia.

Jika, bekerja dari rumah sebelum ini dianggap sesuatu yang luar biasa, namun tekanan pelaksanaan PKP telah memaksa pengurusan dan pentadbiran organisasi tidak kira sektor awam maupun swasta, lebih kreatif dalam mencari solusi alternatif bagi memastikan perjalanan operasi masing-masing berjalan efisien dan efektif tanpa mengabaikan isu kesihatan. Malahan, perniagaan juga perlu lebih inovatif untuk menyesuaikan diri terhadap situasi semasa. Keupayaan untuk mengasimilasi diri terhadap perubahan pasaran menjamin ketahanan hayat dan *survival* perniagaan.

Demikian juga, MAIPk dan warganya harus bersedia menghadapi sebarang ketidaktentuan dan bersedia mendepani apa juarintangan dan cabaran. Warga MAIPk harus bersedia menggalas amanah dan tanggungjawab walau sesukar mana

sekalipun. Usaha membantu masyarakat perlu diteruskan lebih-lebih lagi ketika menempuh saat getir. Namun, mengurus perubahan bukanlah suatu tugas mudah. Ia menuntut disiplin, komitmen, kerjasama dan kesungguhan seluruh warga kerja secara inklusif bagi memastikan agenda perubahan terlaksana dengan jayanya.

Bersandarkan ihsan, inayah dan pertolongan Allah SWT, sama-sama kita rafakkan doa agar negara beroleh keselamatan dan dijauhkan daripada segala bala bencana, dan rakyatnya diberikan ketenangan dan kesabaran dalam menghadapi dugaan. Dengan kesepaduan bersama, ummah berupaya membina kelasakan diri dan bingkas menghadapi apa juarintangan mendatang.

## PENGHARGAAN

Akhir kata, mewakili seluruh warga kerja MAIPk, saya merafakkan junjungan setinggi-tinggi kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Al-Maghfur-Lah, di atas keprihatinan baginda terhadap urus tadbir MAIPk dan perhatian berterusan terhadap perkembangan dan perjalanan operasi MAIPk. Sesungguhnya patik sekalian mendoakan kesejahteraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bersama-sama Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri serta seluruh kerabat DiRaja sekaliannya. Semoga pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan terus aman, makmur dan sejahtera di bawah limpahan rahmat dan berkat ILAHI.


Setinggi penghargaan juga disampaikan kepada pihak Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, Kerajaan Persekutuan, badan-badan kerajaan dan semua badan lain yang berkaitan serta rakan strategik, para pelanggan dan orang ramai khususnya rakyat Negeri Perak yang sentiasa memberi sokongan berterusan kepada MAIPk. Terima kasih diucapkan.

Prestasi pencapaian MAIPk sudah tentu tidak tergapai tanpa sokongan dan kepercayaan pelanggan zakat dan wakaf yang terdiri dari kalangan individu, syarikat persendirian serta korporat. Sesungguhnya, keyakinan yang tinggi pelanggan zakat dan wakaf kepada MAIPk merupakan tunjang utama kejayaan dan *survival* MAIPk. Saya dan warga kerja MAIPk amatlah berbesar hati dan akan terus mendoakan agar mereka diberi kemurahan rezeki yang berlipat ganda serta keberkatan hidup yang berpanjangan.

Setinggi penghargaan dan tahniah juga saya tujukan khusus kepada seluruh warga kerja Pengurusan MAIPk yang terdiri daripada pelbagai lapisan peringkat atas kesungguhan dan komitmen yang luar biasa lebih-lebih di kala kita diuji dugaan dan cabaran sepanjang tahun 2020. Saya percaya, setiap daripada kita telah melakukan yang terbaik dalam melaksanakan amanah yang digalas. Semoga curahan bakti anda mendapat balasan di dunia dan di akhirat dan menjadi amal kebaikan yang diterima Allah SWT, insyaAllah.

## “MEMPERTEGUH SYARIAT, MELESTARI ADAT”

**SHAHRUL AZAM BIN SHAARI**  
Ketua Pegawai Eksekutif




# ANALISIS PENGURUSAN 2020

---

# ANALISIS PENGURUSAN 2020

## KUTIPAN ZAKAT KESELURUHAN TAHUN 2016 HINGGA 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
ZAKAT FITRAH	8,435,617	8,565,235	8,725,096	9,538,619	<b>9,918,495</b>
ZAKAT HARTA	83,866,583	96,890,585	108,894,778	130,927,820	<b>131,045,916</b>
ZAKAT PERNIAGAAN	51,655,199	58,167,340	50,565,390	58,853,531	<b>49,546,824</b>
ZAKAT TANAMAN	1,042,019	2,588,325	2,371,509	2,315,801	<b>1,122,345</b>
PENDAPATAN LAIN	6,185,551	4,585,543	5,682,259	5,551,283	<b>3,219,197</b>
JUMLAH	<b>151,184,969</b>	<b>170,797,028</b>	<b>176,239,032</b>	<b>207,187,054</b>	<b>194,852,777</b>



### BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT MENGIKUT JENIS TAHUN 2016 HINGGA 2020

BIL.	JENIS ZAKAT	BILANGAN PEMBAYAR (ORANG)				
		2016	2017	2018	2019	2020
1	FITRAH	1,199,628	1,223,605	1,246,442	1,243,645	<b>1,416,928</b>
2	EMAS DAN PERAK	803	811	786	844	<b>820</b>
3	HARTA	13,452	17,040	13,293	9,643	<b>5,077</b>
4	RIKAZ	2	0	0	1	-
5	KWSP/LTAT	2,259	2,226	2,273	2,354	<b>2,375</b>
6	PELABURAN	155	169	170	232	<b>527</b>
7	PENDAPATAN	12,006	12,350	12,540	13,642	<b>11,797</b>
8	EPZB	22,134	26,659	28,159	33,847	<b>32,912</b>
9	PERNIAGAAN	2,674	2,847	3,151	3,162	<b>3,049</b>
10	PERTANIAN	2,300	2,251	2,154	1,887	<b>2,045</b>
11	SIMPANAN	16,868	17,026	17,256	17,930	<b>15,790</b>
12	TERNAKAN	62	62	58	57	<b>57</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>1,272,343</b>	<b>1,305,046</b>	<b>1,326,282</b>	<b>1,327,244</b>	<b>1,491,377</b>


### BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT MENGIKUT DAERAH TAHUN 2016 HINGGA 2020

BIL.	DAERAH	BILANGAN PEMBAYAR (ORANG)				
		2016	2017	2018	2019	2020
1	IBU PEJABAT	42,821	50,910	47,952	50,048	<b>62,423</b>
2	BATU GAJAH	1,309	1,407	1,429	1,524	<b>1,454</b>
3	BAGAN SERAI	1,693	1,651	1,654	1,831	<b>1,776</b>
4	GERIK	734	743	933	969	<b>917</b>
5	KAMPUNG GAJAH	1,108	1,160	1,149	971	<b>1,095</b>
6	KUALA KANGSAR	2,459	2,654	2,633	2,817	<b>2,600</b>
7	KAMPAR	855	813	859	944	<b>942</b>
8	LENGGONG	369	375	443	438	<b>423</b>
9	MANJUNG	3,867	3,847	3,907	4,108	<b>3,738</b>
10	PARIT BUNTAR	1,875	1,839	1,988	2,043	<b>1,766</b>
11	PENGKALAN HULU	234	233	276	268	<b>246</b>
12	SELAMA	458	609	615	647	<b>633</b>
13	SERI ISKANDAR	1,894	1,892	1,952	1,972	<b>1,841</b>
14	MUALLIM	995	1,124	1,202	1,413	<b>1,167</b>
15	TAIPING	4,137	4,094	4,440	5,136	<b>4,479</b>
16	TELUK INTAN	3,213	3,345	3,318	3,172	<b>2,836</b>
17	TAPAH	1,566	1,545	1,613	1,715	<b>1,566</b>
18	UTC	3,128	3,200	3,424	3,262	<b>2,075</b>
19	BAGAN DATUK	-	-	53	321	<b>397</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>72,715</b>	<b>81,441</b>	<b>79,840</b>	<b>83,599</b>	<b>92,374</b>

### JUMLAH DAN BILANGAN PEMBAYAR MELALUI POTONGAN ZAKAT BERJADUAL TAHUN 2016 HINGGA 2020

TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020
JUMLAH (RM)	30,058,050.94	36,146,408.94	46,299,399.17	65,102,546.67	<b>58,853,888.43</b>
BILANGAN (ORANG)	22,134	26,659	28,159	33,847	<b>32,912</b>


### AGIHAN ZAKAT BERDASARKAN ASNAF BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020



KATEGORI	2016	2017	2018	2019	2020
AMIL	19,697,886	20,507,048	19,771,998	22,491,027	<b>22,701,573</b>
FAKIR DAN MISKIN	80,703,122	84,692,639	96,274,886	107,898,615	<b>105,460,326</b>
MUALLAF	4,486,061	6,921,850	7,059,811	6,549,255	<b>5,188,963</b>
GHORIMIN	693,315	1,222,168	1,016,360	903,860	<b>661,537</b>
IBNU SABIL	656,498	664,631	417,226	444,565	<b>463,638</b>
FISABILILLAH	29,815,778	33,397,703	32,822,321	32,871,411	<b>30,571,554</b>
AGIHAN-AGIHAN LAIN	7,779,554	18,012,287	18,528,551	25,990,107	<b>25,676,967</b>
JUMLAH	<b>143,832,214</b>	<b>165,418,326</b>	<b>175,891,153</b>	<b>197,148,840</b>	<b>190,724,558</b>




## AGIHAN ZAKAT BERDASARKAN PROGRAM PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020



SOSIAL	73,328,304	77,633,761	86,685,855	91,788,893	<b>98,631,329</b>
PENDIDIKAN	29,989,126	31,522,605	33,585,824	39,083,551	<b>29,697,149</b>
EKONOMI	3,080,636	2,727,668	3,713,403	4,457,552	<b>2,574,709</b>
INSAN	5,235,453	5,777,157	5,855,315	5,516,457	<b>5,718,141</b>
INFRASTRUKTUR	774,653	1,989,237	2,096,324	1,724,000	<b>865,000</b>
KOLABORASI	3,946,602	7,037,198	5,554,841	6,097,253	<b>4,859,690</b>
GST	-	211,365	99,042	-	<b>-</b>
JUMLAH	<b>116,354,774</b>	<b>126,898,991</b>	<b>137,590,604</b>	<b>148,667,706</b>	<b>142,346,018</b>


### PENDAPATAN SUMBER AM BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020



<b>SEWAAN HARTANAH</b>	2,441,899	2,286,308	2,308,892	2,317,541	<b>2,179,244</b>
<b>BAITULMAL AM</b>	353,736	7,342,178	795,680	339,248	<b>596,398</b>
<b>KEUNTUNGAN PELABURAN</b>	9,194,606	3,545,025	13,264,153	4,326,974	<b>3,665,636</b>
<b>HASIL FAROID</b>	558,050	503,747	196,279	286,367	<b>337,933</b>
<b>PELBAGAI PENDAPATAN</b>	717,998	1,218,681	1,703,580	1,881,798	<b>2,969,952</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>13,266,289</b>	<b>14,895,939</b>	<b>18,268,584</b>	<b>9,151,928</b>	<b>9,749,163</b>





## PERBELANJAAN SUMBER AM BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020



<b>EMOLUMEN</b>	2,605,645	3,013,539	3,059,608	3,047,501	<b>3,447,902.00</b>
<b>BEKALAN DAN PERKHIDMATAN</b>	3,700,310	4,804,798	4,503,475	4,809,238	<b>4,572,563.00</b>
<b>PEMBANGUNAN UMMAH</b>	1,589,311	1,220,039	667,833	329,467	<b>323,147.00</b>
<b>PERBELANJAAN LAIN</b>	768,156	1,203,574	165,675	40,497	-
<b>SUSUT NILAI</b>	148,869	144,597	132,552	713,430	<b>688,451.00</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>8,812,291</b>	<b>10,386,547</b>	<b>8,529,143</b>	<b>8,940,133</b>	<b>9,032,063</b>

### RINGKASAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (KUMPULAN)

#### ASET





■ Tunai dan kesetaraan tunai

■ Pelaburan

■ Aset-aset lain (termasuk aset tak ketara)

■ Belum terima

#### DANA & LIABILITI



■ Kumpulan wang baitulmal & rizab

■ Pinjaman



■ Pembiayaan

■ Liabiliti-liabiliti lain



### RINGKASAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (MAJLIS)

#### ASET





■ Tunai dan kesetaraan tunai

■ Pelaburan

■ Aset-aset lain (termasuk aset tak ketara)

■ Belum terima

#### DANA & LIABILITI



■ Kumpulan wang baitulmal & rizab

■ Pinjaman

■ Pembiayaan

■ Liabiliti-liabiliti lain

**MEMPERTEGUH  
SYARIAT,  
MELESTARI  
ADAT**





# TADBIR URUS KORPORAT

---

# TADBIR URUS KORPORAT

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) percaya bahawa prinsip amalan terbaik tadbir urus dapat mengukuh serta meningkatkan pengurusan organisasi ke arah yang lebih baik. MAIPk komited melaksanakan prinsip amalan terbaik tadbir urus dalam seluruh aspek pengurusan organisasi. Ia bukan sahaja membantu memperkuuhkan kredibiliti organisasi, bahkan ia akan merangsang imej serta reputasi organisasi. Pengamalan prinsip terbaik tadbir urus juga dapat menyediakan jaminan kepada para pelanggan (stakeholder) serta memperkuuhkan kepercayaan pelanggan kepada peranan yang dijalankan oleh MAIPk. Bagi memenuhi prinsip amalan terbaik tadbir urus berteraskan ketelusan dan kebertanggungjawaban, MAIPk melaporkan setiap aktiviti yang dijalankan sehingga 31 Disember 2020 berdasarkan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.

## ANGGOTA MAIPK

### Komposisi Anggota MAIPk

Pada 31 Disember 2020, MAIPk dianggotai seramai 23 orang yang terdiri daripada;

- seorang Yang Dipertua;
- seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi hal ehwal agama Islam;
- enam (6) orang anggota atas nama jawatan yang memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Mufti, Ketua Hakim Syarie dan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan bagi apa-apa tempoh, tidak melebihi tiga tahun, sebagaimana yang diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.
- tidak lebih daripada 20 anggota lantikan lain yang sekurang-kurangnya lima daripada mereka hendaklah yang arif dalam Hukum Syarak.

## SETIAUSAHA MAIPK

Setiausaha MAIPk merupakan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan bertanggungjawab bagi menjalankan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan MAIPk. Di samping itu, Setiausaha MAIPk bertanggungjawab bagi memastikan Persidangan MAIPk dilaksanakan dengan sempurna serta membantu Yang Dipertua

dan Anggota MAIPk menjalankan peranan masing-masing. Setiausaha MAIPk juga menjadi pemudahcara bagi pelaksanaan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan MAIPk antara institusi-institusi agama Islam di bawah MAIPk.

## PELANTIKAN DAN PEMILIHAN SEMULA ANGGOTA MAIPK

Merujuk kepada subseksyen 11(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Yang Dipertua dan anggota-anggota lain yang dilantik selain seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi hal ehwal agama Islam, enam (6) orang anggota atas nama jawatan yang memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Mufti, Ketua Hakim Syarie dan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan bagi apa-apa tempoh, tidak melebihi tiga tahun, sebagaimana yang diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.

## PERSIDANGAN MAIPK

MAIPk diterajui oleh anggota-anggota yang berwibawa dan berpengalaman luas serta mahir dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu. MAIPk berusaha untuk melaksanakan tanggungjawabnya iaitu untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Negeri Perak Darul Ridzuan selaras dengan hukum syarak. Persidangan MAIPk telah dijalankan sebanyak empat kali sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2020. Agenda untuk setiap Persidangan MAIPk beserta kertas-kertas mesyuarat, laporan penuh dan dokumen sokongan daripada Pengurusan MAIPk diedarkan kepada Anggota-Anggota MAIPk sebelum tarikh mesyuarat. Ini membolehkan Anggota-Anggota MAIPk mempunyai masa yang mencukupi bagi mengkaji perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam Persidangan MAIPk. Di samping itu, Anggota-Anggota MAIPk mempunyai akses penuh kepada semua maklumat yang berkaitan dengan urusan organisasi bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas secara berkesan. Berikut disenaraikan rekod kehadiran Anggota-Anggota MAIPk ke Persidangan MAIPk pada tahun 2020 :



## KEHADIRAN ANGGOTA PERSIDANGAN MAIPk TAHUN 2020

Bil	Nama	Jawatan	Kehadiran	Peratus Kehadiran %
1	Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin	Yang Dipertua	4/4	100
2	YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad <i>(dilantik bermula 22 Disember 2020)</i>	Ahli	1/1	100
3	YB Mohd Akmal bin Kamarudin <i>(tamat 5 Disember 2020)</i>	Ahli	3/3	100
4	YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim	Ahli	4/4	100
5	YB Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin	Ahli	4/4	100
6	YB Dato' Zulazlan bin Abu Hassan	Ahli	4/4	100
7	SS Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria	Ahli	0/4	0
8	Dato' Haji As'aari bin Haji Mohd. Yazid <i>(tamat 7 November 2020)</i>	Ahli	3/3	100
9	Dato' Haji Mohd. Yusop bin Haji Husin	Ahli	4/4	100
10	Dato' Seri Wan Mohd Fathir @ Fadzir bin Wan Hussain	Ahli	2/4	50
11	Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini	Ahli	3/4	75
12	Orang Kaya Kaya Imam Paduka Tuan Dato' Dr. Afifi al-Akiti	Ahli	4/4	100
13	Dato' Haji As'ad bin Awang	Ahli	4/4	100
14	Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed	Ahli	4/4	100
15	Toh Seri Bijaya Lt. Kol. (B) Dato' Shaharudin bin Haji Nazari	Ahli	4/4	100
16	Tan Sri Prof. Dato' Dr. Nordin bin Kardi	Ahli	4/4	100
17	Toh Seri Maharajalela Dato' Seri Zainal Adzam bin Abd. Ghani	Ahli	4/4	100
18	Dato' Dr. Mohamad Hashim bin Ahmad Tajudin	Ahli	4/4	100
19	Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Ar. LA Meor Roslan bin Dato' Seri Hj. Meor Ahmad Rashidi	Ahli	4/4	100
20	Dr. Haji Mohd Fahmi bin Abdul Khir	Ahli	4/4	100
21	Haji Mohd Hanid bin Abdullah Sani	Ahi	4/4	100
22	Profesor Datuk Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz	Ahli	3/4	75
23	Haji Md Suaid bin Din	Ahli	2/4	50
24	Toh Seri Lela Paduka Dato' Dr. Khalid bin Ismail	Ahli	4/4	100
25	CP Dato' Razarudin bin Husain <i>(tamat 9 September 2020)</i>	Ahli	1/2	50
26	Shahrul Azam bin Shaari	Setiausaha	4/4	100

## JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN OLEH MAIPk

Persidangan MAIPk telah memberikan tanggungjawab tertentu kepada jawatankuasa-jawatankuasa di bawah MAIPk yang melaksanakannya menurut terma-terma rujukan yang diberikan dengan jelas. Jawatankuasa-jawatankuasa utama adalah seperti berikut :

### JAWATANKUASA FATWA

#### Bidang Tugas & Tanggungjawab

- Menyediakan nas-nas mengenai sesuatu hukum berhubungan dengan apa-apa isu atau permasalahan agama yang berbangkit, serta mengeluarkan fatwa mengenainya.

- Menasihati MAIPk dalam memutuskan perkara berkaitan pentadbiran agama seperti penentuan asnaf fakir dan miskin, perakuan permohonan mendirikan masjid, surau dan solat Jumaat, memperakukan pelantikan Imam dan Bilal, penentuan sempadan kariah, pentaulihan mengajar agama serta mengawasi penularan ajaran sesat di kalangan masyarakat Islam di negeri Perak.

Pada tahun 2020, jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak dua (2) kali. Jawatankuasa ini telah membincangkan 37 isu dan persoalan. Berikut merupakan senarai keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak :

Bil	Nama	Jawatan	Kehadiran	Peratus Kehadiran %
1	SS Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria <i>Mufti Negeri Perak</i>	Pengerusi	0/2	0
2	Dato' Haji Zamri bin Hashim <i>Timbalan Mufti Negeri Perak</i>	Ahli	2/2	100
3	Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin <i>Pengarah Jabatan Agama Islam Perak</i>	Ahli	2/2	100
4	Dato' Haji As'ad bin Awang <i>Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	2/2	100
5	Haji Mohd Suaid bin Din <i>Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	1/2	50
6	Haji Mad Dali bin Ghazali <i>Pesara Guru</i>	Ahli	1/2	50
7	Prof. Dr. Jamil bin Hashim <i>Pensyarah Kanan, Universiti Sultan Azlan Shah</i>	Ahli	2/2	100
8	Prof. Madya Dr. Haji Ahmad Husni bin Haji Hasan <i>Pensyarah Kanan, Universiti Sultan Azlan Shah</i>	Ahli	2/2	100
9	Prof. Madya Dr. Mohamed Fairooz bin Abdul Khir <i>Pensyarah Kanan, Universiti Islam Malaysia</i>	Ahli	2/2	100
10	Prof. Madya Dr. Lukman bin Abdul Mutalib <i>Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia</i>	Ahli	2/2	100
11	Haji Kamaruddin bin Adam <i>Ketua Penolong, Mufti Negeri Perak</i>	Ahli	2/2	100



## JAWATANKUASA PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG SYARIAH

### Bidang Tugas & Tanggungjawab

- Memproses permohonan bagi kajian dan penggubalan Undang-Undang Syariah berkaitan.
- Mengkaji dan menyediakan peruntukan Undang-Undang Syariah berkaitan untuk penggubalan.
- Menggubal mana-mana Undang-Undang Syariah bagi memenuhi kehendak Persidangan Majlis Agama Islam dan'Adat Melayu Perak.

- Membawa sebarang penggubalan dan pindaan Undang-Undang Syariah berkaitan ke Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak untuk kelulusan.
- Menyempurnakan proses pewartaan Undang-Undang Syariah yang diluluskan oleh Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dan Dewan Perundungan Negeri Perak.

Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Syariah :

Bil	Nama	Jawatan
1	YB Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin <i>Penasihat Undang-Undang Negeri Perak</i>	Pengerusi
2	SS Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria <i>Mufti Negeri Perak</i>	Ahli
3	Dato' Hj. Asa'ari bin Hj. Mohd Yazid <i>Ketua Hakim Syarie Negeri Perak</i>	Ahli
4	Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin <i>Pengarah Jabatan Agama Islam Perak</i>	Ahli
5	Dato' Seri Zainal Adzam bin Abd Ghani <i>Ahli Dewan Negara</i>	Ahli
6	Dato' Haji Zainul Rijal bin Abu Bakar <i>Peguam Syarie</i>	Ahli
7	Shahrul Azam bin Shaari <i>Ketua Pegawai Eksekutif</i>	Setiausaha

## JAWATANKUASA AUDIT

### Bidang Tugas & Tanggungjawab

- Menyemaktimal penyata-penyata kewangan MAIPk bagi memastikan ia benar-benar telah disediakan mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang dipersetujui serta peraturan-peraturan kewangan yang lazim berkuatkuasa bagi agensi kerajaan, mengikut mana yang diterima pakai;
- Mengadakan perbincangan dengan pihak Pengurusan MAIPk dan juruaudit luar mengenai:
  - (i) perubahan-perubahan yang dicadangkan ke atas polisi perakaunan;
  - (ii) kaedah yang digunakan untuk mengakaunkan transaksi-transaksi yang signifikan dan luar biasa, di mana, pendekatan yang berbeza adalah munasabah untuk diaplikasikan;
  - (iii) pematuhan ke atas piawaian perakaunan;

- (iv) pelarasan yang timbul berikutan proses pengauditan dan transaksi pihak berkaitan; dan
- (v) memastikan semua anggaran (*estimates*) atau pertimbangan perakaunan (*accounting judgements*) oleh pihak Pengurusan MAIPk yang mungkin material dan boleh memberi kesan kepada pelaporan kewangan.
- Menyemak transaksi pihak berkaitan (*related party transactions*) dan menimbangkan sama ada pendedahan mengenai perkara ini telah dibuat secukupnya di dalam penyata kewangan.

Sepanjang tahun 2020, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak dua (2) kali. Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Audit :

Bil	Nama	Jawatan	Kehadiran	Peratus Kehadiran %
1	Toh Seri Lela Paduka Dato' Dr. Khalid bin Ismail <i>Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Pengerusi	2/2	100
2	Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini <i>Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	2/2	100
3	Dato' Haji As'ad bin Awang <i>Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	2/2	100
4	Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed <i>Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	2/2	100
5	Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Ar. LA Meor Roslan bin Dato' Seri Haji Meor Ahmad Rashidi <i>Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	2/2	100
6	Shahrul Azam bin Shaari <i>Ketua Pegawai Eksekutif</i>	Setiausaha	2/2	100

## JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

### Bidang Tugas & Tanggungjawab

- Jawatankuasa Pengurusan Risiko diperturunkan kuasa oleh MAIPk menyelia semua aktiviti pengurusan risiko merangkumi aspek pematuhan strategi, kerangka kerja dan tata cara pengurusan risiko. Jawatankuasa Pengurusan Risiko bertindak bagi pihak MAIPk dan bertanggungjawab kepada MAIPk.
- Menyemak dan mengesyorkan dasar, strategi pengurusan dan had penerimaan risiko.

- Menyemak semula dan menilai keupayaan strategi, dasar, kerangka kerja dan tata cara pengurusan risiko bertujuan untuk mengenalpasti, mengukur, memantau serta mengawal risiko secara lebih efektif.
- Memastikan prasarana, sumber dan sistem disediakan dengan lengkap bagi meminimumkan risiko.
- Menyemak laporan berkala berkaitan pendedahan terhadap risiko, komposisi portfolio risiko dan aktiviti-aktivi pengurusan risiko yang dilaksanakan oleh Pengurusan MAIPk.
- Melaporkan perkara-perkara pengurusan risiko kepada MAIPk.

Bil	Nama	Jawatan
1	Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini <i>Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Pengerusi
2	Dato' Haji As'ad bin Awang <i>Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli
3	Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed <i>Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli
4	Dr. Haji Mohd Fahmi bin Abdul Khir <i>Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli
5	Shahrul Azam bin Shaari <i>Ketua Pegawai Eksekutif</i>	Setiausaha



## JAWATANKUASA PENGURUSAN WAKAF

### Bidang Tugas & Tanggungjawab

- Membantu MAIPk mentadbir urus perkara berkaitan wakaf di negeri Perak.
- Membantu MAIPk menjalankan kewajipan atau melaksanakan kuasa-kuasanya berhubung dengan wakaf. Jawatankuasa Pengurusan Wakaf bertindak bagi pihak MAIPk dan bertanggungjawab kepada MAIPk.
- Memantau semua harta dan hasil Tabung Amanah Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) dan membuat keputusan berkaitan perbelanjaan dan pelaburan dana WPAR.
- Meneliti cadangan pembangunan wakaf serta memberi pertimbangan dan kelulusan kepada sesuatu cadangan pembangunan wakaf.
- Menyelia dan memantau pelaksanaan pembangunan wakaf MAIPk termasuk projek atau program di bawah WPAR.

Sepanjang tahun 2020, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak satu (1) kali. Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Pengurusan Wakaf :

Bil	Nama	Jawatan	Kehadiran	Peratus Kehadiran %
1	Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin <i>Yang Dipertua, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Pengerusi	1/1	100
2	Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini <i>Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	1/1	100
3	Dato' Seri Zainal Adzam bin Abd Ghani <i>Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	1/1	100
4	Dato' Dr. Mohamad Hashim bin Ahmad Tajuddin <i>Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	0/1	0.0
5	Toh Paduka Setia Dato' Ir. Dr. Safry Kamal bin Haji Ahmad <i>Orang Besar Jajahan Daerah Muallim</i>	Ahli	1/1	100
6	Dato' Badlisyah Abdul Ghani <i>Ahli Korporat</i>	Ahli	1/1	100
7	Dato' Profesor Dr. Wan Sabri bin Wan Yusof <i>Timbalan Naib Canselor, Universiti Sultan Azlan Shah</i>	Ahli	0/1	0.0
8	YM Raja Halinuddin bin Raja Halid <i>Pejuang Wakaf</i>	Ahli	1/1	100
9	Romil bin Shamsudin <i>Director ROFE Venture Sdn. Bhd.</i>	Ahli	1/1	100
10	Shahrul Azam bin Shaari <i>Ketua Pegawai Eksekutif</i>	Setiausaha	1/1	100

## JAWATANKUASA BAITULMAL TERTINGGI

### Bidang Tugas & Tanggungjawab

- Mempertimbang dan membuat keputusan terhadap permohonan bantuan zakat sama ada melibatkan kes baru atau kes rayuan, di bawah kategori asnaf Fakir, Miskin, Ghorimin, Ibnu Sabil dan Fisabilillah tidak melebihi RM1 juta.

- Meluluskan perbelanjaan di bawah peruntukan sumber am Baitulmal tidak melebihi RM1 juta.

Sepanjang tahun 2020, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak enam belas (16) kali. Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi:

Bil	Nama	Jawatan	Kehadiran	Peratus Kehadiran %
1	Shahrul Azam bin Shaari <i>Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Pengerusi	15/16	93.8
2	SS Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria <i>Mufti Negeri Perak</i>	Ahli	0/16	0.0
3	Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin <i>Pengarah, Jabatan Agama Islam Perak</i>	Ahli	7/16	43.8
4	Dato' Haji As'ad bin Awang <i>Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	14/16	87.5
5	Haji Md Suaid bin Din <i>Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	14/16	87.5
6	Haji Mohd Haidi bin Sulaiman <i>Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	14/16	87.5
7	Hajah Wan Maizura binti Wan Zahari <i>Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	12/16	75.0
8	Ariff bin Apandi <i>Pengurus Besar, Bahagian Kewangan, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	14/16	87.5
9	Rohizan bin Omar <i>Pengurus Besar, Bahagian Khidmat Pengurusan, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	11/16	68.8
10	Ahmad Nazim bin Md. Tajuri <i>Pengurus Besar, Bahagian Pemasaran, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	12/16	75.0
11	Suhaimi bin Yusoff <i>Pengurus Besar, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	15/16	93.8
12	Mohd Saufi bin Ibrahim <i>Pengurus Besar, Bahagian Perhubungan Korporat dan Perancangan Strategik, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	12/16	75.0
13	Bakri bin Lee <i>Pengurus Besar, Bahagian Agihan Zakat, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Setiausaha	15/16	93.8



## JAWATANKUASA BAITULMAL PERTENGahan

### Bidang Tugas & Tanggungjawab

- Mempertimbang dan membuat keputusan terhadap permohonan bantuan zakat yang melibatkan kes baharu di bawah kategori asnaf Fakir, Miskin, Ghorimin, Ibnu Sabil dan Fisabilillah tidak melebihi RM30,000 dan tidak termasuk

mendengar dan memutuskan kes-kes rayuan permohonan bantuan.

Sepanjang tahun 2020, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak enam belas (16) kali. Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan:

Bil	Nama	Jawatan	Kehadiran	Peratus Kehadiran %
1	Haji Mohd Haidi bin Sulaiman <i>Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Pengerusi	16/16	100
2	Dato' Haji Zamri bin Hashim <i>Timbalan Mufti Negeri Perak</i>	Ahli	4/16	25.0
3	Haji Ab Rahman Thobroni bin Haji Mohd Mansor <i>Ketua Pendaftar, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak</i>	Ahli	4/16	25.0
4	Ustaz Harith Fadzilah bin Haji Abdul Halim <i>Timbalan Pengarah, Jabatan Agama Islam Perak</i>	Ahli	8/16	50.0
5	Zaimi bin Abdul Kadir <i>Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak</i>	Ahli	9/16	56.3
6	Hajah Wan Maizura binti Wan Zahari <i>Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	3/16	18.8
7	Ariff bin Apandi <i>Pengurus Besar, Bahagian Pemasaran, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	12/16	75.0
8	Rohizan bin Omar <i>Pengurus Besar, Bahagian Khidmat Pengurusan, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	10/16	62.5
9	Ahmad Nazim bin Md. Tajuri <i>Pengurus Besar, Bahagian Pemasaran, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	13/16	81.3
10	Suhaimi bin Yusoff <i>Pengurus Besar, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Ahli	10/16	62.5
11	Mohd Saufi bin Ibrahim <i>Pengurus Besar, Bahagian Perhubungan Korporat dan Perancangan Strategik, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak</i>	Ahli	8/16	50.0
12	Bakri bin Lee <i>Pengurus Besar, Bahagian Agihan Zakat, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	Setiausaha	16/16	100

# JAWATANKUASA BAITULMAL DAERAH

## Bidang Tugas & Tanggungjawab

- Mempertimbang dan membuat keputusan terhadap permohonan bantuan zakat yang melibatkan Skim Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Persekolahan, Bantuan Perubatan, Bantuan Baik Pulih Rumah, Bantuan Sewa Rumah dan Bantuan Pengurusan Jenazah di bawah asnaf Fakir dan Miskin, Skim Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Baik Pulih Rumah, Bantuan Sewa Rumah

dan Bantuan Perubatan di bawah asnaf Muallaf, Skim Tambang Perjalanan Domestik di bawah asnaf Ibnu Sabil, Skim Bantuan Bencana dan Bantuan Kebajikan Anak Yatim di bawah asnaf Fisabilillah tidak melebihi RM10,000.00.

Berikut merupakan senarai Jawatankuasa Baitulmal Daerah:

## **KEKERAPAN MESYUARAT JAWATANKUASA BAITULMAL DAERAH TAHUN 2020**



# PERHUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mewujudkan hubungan yang wajar dan telus dengan Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM) selaku juruaudit berkanun MAIPk. JANM telah melaporkan kepada pihak pengurusan MAIPk melalui mesyuarat sekurang kurangnya setahun sekali berkenaan penemuan-penemuan mereka terhadap pengurusan kewangan tahunan MAIPk untuk perhatian dan

tindakan pihak pengurusan MAIPk. Laporan JANM terhadap kedudukan kewangan dan urusan kendalian MAIPk serta perkara-perkara yang didedahkan dalam Penyata Kewangan MAIPk bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 telah dizahirkan menerusi Sijil Ketua Audit Negara yang dibentangkan pada muka surat 119.

## JAWATANKUASA BAITULMAL DAERAH

### 1. DAERAH KUALA KANGSAR

#### Pengerusi

Orang Kaya Temenggong Paduka Tuan Dato' Seri Haji Mohd Fathir @ Fadzir bin Haji Wan Hussain

*Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar*

#### Pengerusi Bersama

Ahmad Munir bin Ishak

*Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Kangsar*

### 2. DAERAH TAIPING DAN SELAMA

#### Pengerusi

Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Dato' Wan Mohd Isa bin Dato' Haji Wan Mohd Razalli  
*Orang Besar Jajahan Larut Matang Dan Selama*

#### Pengerusi Bersama

Mohamed Akmal bin Dahalan

*Pegawai Daerah Larut, Matang Dan Selama*

### 3. DAERAH BAGAN SERAI DAN PARIT BUNTAR

#### Pengerusi

Toh Maharaja Indera,  
Dato' Haji Khairuddin bin Arshad  
*Orang Besar Jajahan Daerah Kerian*

#### Pengerusi Bersama

Mohd Sabli bin Bakri  
*Pegawai Daerah Kerian*

### 4. DAERAH TELUK INTAN

#### Pengerusi

Toh Muda Orang Kaya-Kaya  
Laksamana Raja Mahkota  
Dato' Hj Meor Redwan bin Mahayudin  
*Orang Besar Jajahan Daerah Hilir Perak*

#### Pengerusi Bersama

Marlia binti Mohd Belia  
*Pegawai Daerah Hilir Perak*

### 5. DAERAH PENGKALAN HULU, GERIK DAN LENGGONG

#### Pengerusi

Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika  
Raja Shahbandar Muda, Dato' Meor Roslan bin Dato' Seri Meor Ahmad Rashidi  
*Orang Besar Jajahan Daerah Hulu Perak*

#### Pengerusi Bersama

Zulhisham bin Ahmad Shukori  
*Pegawai Daerah Hulu Perak*

### 6. DAERAH IPOH DAN BATU GAJAH

#### Pengerusi

Toh Muda Orang Kaya Kaya Panglima Kinta  
Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Ab Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan  
*Orang Besar Jajahan Kinta*

#### Pengerusi Bersama

Hazizah binti Situn  
*Pegawai Daerah Kinta*

### 7. DAERAH MUALLIM

#### Pengerusi

Toh Paduka Setia Dato' Ir. Dr. Safry Kamal bin Hj. Ahmad  
*Orang Besar Jajahan Daerah Muallim*

#### Pengerusi Bersama

Shamsul Ridzuan bin Idris  
*Pegawai Daerah Muallim*

### 8. DAERAH TAPAH

#### Pengerusi

Toh Paduka Indera Dato' Mat Rasid bin Ayob  
*Orang Besar Jajahan Daerah Batang Padang*

#### Pengerusi Bersama

Shahrul Affendi bin Baharudin  
*Pegawai Daerah Batang Padang*

### 9. DAERAH SERI ISKANDAR DAN KAMPONG GAJAH

#### Pengerusi

Orang Kaya-Kaya Setia Bijaya Diraja  
Dato' Seri Haji Mohd Ghazali bin Haji Abdul Rahman  
*Orang Besar Jajahan Daerah Perak Tengah*

#### Pengerusi Bersama

Muhamad Ghopran bin Yeop Hamzah  
*Pegawai Daerah Perak Tengah*

### 10. DAERAH KAMPAR

#### Pengerusi

Toh Sedewa Raja Dato' Haji Abdul Talib bin Abd Fahmi  
*Orang Besar Jajahan Kampar*

#### Pengerusi Bersama

Khairul Anwar bin Ramli  
*Pegawai Daerah Kampar*

### 11. DAERAH MANJUNG

#### Pengerusi

Toh Seri Bijaya Lt. Kol (B)  
Dato' Shaharudin bin Hj. Nazari  
*Orang Besar Jajahan Manjung*

#### Pengerusi Bersama

Dato' Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip  
*Pegawai Daerah Manjung*

### 12. DAERAH BAGAN DATUK

#### Pengerusi

Toh Seri Lela Paduka Dato' Dr. Khalid bin Ismail  
*Orang Besar Jajahan Bagan Datuk*

#### Pengerusi Bersama

Datuk Hj. Mohd Haniff bin Hassan  
*Pegawai Daerah Bagan Datuk*



# LAPORAN KEWANGAN

---

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2020**

<b>KUMPULAN</b>	<b>Nota</b>	<b>2020</b>	<b>Dinyatakan semula 2019</b>	<b>Dinyatakan semula 1.1.2019</b>	
		<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	
<b>ASET</b>					
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	3	142,595,606	126,299,164	93,320,957	
Hartanah pelaburan	4	90,304,394	92,089,789	96,193,931	
Aset tak ketara	5	119,609	328,067	546,125	
Muhibah	6	8,994,000	8,994,000	8,994,000	
Aset dalam kemajuan	7	8,846,159	17,751,627	18,618,769	
Perbelanjaan kemajuan tanaman	8	13,156,578	15,592,450	29,607,044	
Pelaburan	9	54,603,841	54,196,688	52,593,557	
Aset cukai tertunda	11	9,809,761	9,677,808	1,359,759	
<b>Jumlah aset bukan semasa</b>		<b>328,429,948</b>	<b>324,929,593</b>	<b>301,234,142</b>	
<b>ASET SEMASA</b>					
Inventori	12	9,673,519	8,060,450	4,274,141	
Penghutang	13	5,631,930	4,980,574	4,066,177	
Pelbagai penghutang	14	4,953,710	3,170,983	23,471,946	
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	15	154,800,000	158,485,994	158,629,645	
Wang tunai di tangan dan di bank	16	35,468,477	21,845,919	15,641,875	
<b>Jumlah aset semasa</b>		<b>210,527,636</b>	<b>196,543,920</b>	<b>206,083,784</b>	
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>538,957,584</b>	<b>521,473,513</b>	<b>507,317,926</b>	
<b>DANA</b>					
Kumpulan wang baitulmal	17	332,914,382	312,087,990	297,529,960	
Rizab lain	18	161,503,771	161,746,941	161,338,240	
<b>Jumlah dana</b>		<b>494,418,153</b>	<b>473,834,931</b>	<b>458,868,200</b>	
<b>LIABILITI</b>					
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>					
Pinjaman jangka panjang	19	12,250,727	13,655,072	15,011,456	
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
Pinjaman jangka pendek	19	1,719,062	1,356,384	1,610,149	
Pemiutang	20	13,674,935	16,588,619	17,403,105	
Pelbagai pemiutang	21	16,610,481	16,038,507	14,425,016	
Peruntukan cukai		284,226	-	-	
<b>Jumlah liabiliti semasa</b>		<b>32,288,704</b>	<b>33,983,510</b>	<b>33,438,270</b>	
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>44,539,431</b>	<b>47,638,582</b>	<b>48,449,726</b>	
<b>JUMLAH DANA DAN LIABILITI</b>		<b>538,957,584</b>	<b>521,473,513</b>	<b>507,317,926</b>	

Nota-nota yang mengiringi membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini.



**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

<b>MAJLIS</b>	<b>Nota</b>	<b>2020</b>	<b>Dinyatakan semula 2019</b>	<b>Dinyatakan semula 1.1.2019</b>	
		<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	
<b>ASET</b>					
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	3	18,187,822	5,039,438	4,864,571	
Hartanah pelaburan	4	68,899,088	70,285,516	73,933,493	
Aset tak ketara	5	119,609	328,067	546,125	
Aset dalam kemajuan	7	8,363,856	16,768,835	17,299,370	
Pelaburan	9	14,342,268	14,506,383	14,335,406	
Pelaburan dalam subsidiari	10	20,000,000	20,000,000	20,000,000	
<b>Jumlah aset bukan semasa</b>		<b>129,912,643</b>	<b>126,928,239</b>	<b>130,978,965</b>	
<b>ASET SEMASA</b>					
Penghutang	13	1,038,063	986,832	1,254,957	
Pelbagai penghutang	14	656,608	617,664	472,364	
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	15	154,800,000	158,462,696	158,607,724	
Wang tunai di tangan dan di bank	16	31,794,461	19,967,920	11,566,762	
<b>Jumlah aset semasa</b>		<b>188,289,132</b>	<b>180,035,112</b>	<b>171,901,807</b>	
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>318,201,775</b>	<b>306,963,351</b>	<b>302,880,772</b>	
<b>DANA</b>					
Kumpulan wang baitulmal	17	292,043,672	275,783,821	270,111,005	
Rizab lain	18	165,531	408,701	-	
<b>Jumlah dana</b>		<b>292,209,203</b>	<b>276,192,522</b>	<b>270,111,005</b>	
<b>LIABILITI</b>					
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>					
Pinjaman jangka panjang	19	12,250,727	13,655,072	15,011,456	
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
Pinjaman jangka pendek	19	1,719,062	1,356,384	1,610,149	
Pembiutang	20	11,301,434	14,896,615	15,564,353	
Pelbagai pembiutang	21	721,349	862,758	583,809	
<b>Jumlah liabiliti semasa</b>		<b>13,741,845</b>	<b>17,115,757</b>	<b>17,758,311</b>	
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>25,992,572</b>	<b>30,770,829</b>	<b>32,769,767</b>	
<b>JUMLAH DANA DAN LIABILITI</b>		<b>318,201,775</b>	<b>306,963,351</b>	<b>302,880,772</b>	

Nota-nota yang mengiringi membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini.

[ DITUBUHKAN DI BAWAH ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004 ]

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN ZAKAT  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

<b>Nota</b>	<b>MAJLIS</b> <b>Dinyatakan semula</b>		
	<b>2020</b>	<b>2019</b>	<b>RM</b>
			<b>RM</b>
Pungutan zakat	22	191,633,580	201,635,771
Pendapatan lain		3,219,197	5,551,283
Pengagihan zakat secara wakalah	23	(25,676,967)	(25,990,107)
<b>Lebihan kasar zakat</b>		169,175,810	181,196,947
Pindahan kepada dana sumber am (asnf amil)	24	(22,701,573)	(22,491,027)
Pengagihan zakat (asnf selain amil)	25	(142,346,018)	(148,667,706)
<b>Lebihan bersih</b>		4,128,219	10,038,214

Nota-nota yang mengiringi membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini.



**PENYATA PRESTASI KEWANGAN WAKAF  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
<b>Terimaan mawquf:</b>		
Wakaf am	39,975	124,915
Wakaf khas (Wakaf Perak Ar-Ridzuan)	2,903,722	2,395,029
<b>Terimaan manfaat wakaf:</b>		
Sewaan/pajakan harta	2,721,298	2,933,485
Pendapatan lain	535,466	268,436
<b>Jumlah Pendapatan</b>	6,200,461	5,721,865
Agihan kepada mawquf alaih	1,555,820	1,929,259
Penyelenggaraan mawquf	382,917	837,944
Perbelanjaan pengurusan wakaf	32,755	536,053
Pelarasan perbelanjaan pengurusan wakaf	(5,072,434)	-
<b>Jumlah perbelanjaan/ pengagihan</b>	(3,100,942)	3,303,256
<b>Lebihan bersih</b>	9,301,403	2,418,609

* Lebihan bersih terdiri daripada:	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Harta wakaf (mawquf/ wang asas wakaf)	2,910,942	1,983,891
Manfaaf wakaf	6,390,461	434,718
<b>9,301,403</b>	<b>2,418,609</b>	

[ DITUBUHKAN DI BAWAH ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004 ]

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN SUMBER AM BAITULMAL  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	<u>Nota</u>	<u>KUMPULAN</u>		<u>MAJLIS</u>	
		<u>Dinyatakan semula</u>	<u>2020</u>	<u>Dinyatakan semula</u>	<u>2020</u>
		<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Pendapatan	26	49,877,355	34,142,028	2,179,244	2,317,541
Kos operasi		(33,323,726)	(25,290,659)	-	-
<b>Lebihan pendapatan kasar</b>		16,553,629	8,851,369	2,179,244	2,317,541
Keuntungan daripada perubahan nilai semasa tolak kos buah tandan segar pada pokok untuk dijual		(505,019)	509,806	-	-
Nilai semasa tolak kos buah tandan segar untuk dijual pada tuaian		2,379,207	2,958,768	-	-
Pindahan daripada dana zakat (asnaf amil)		22,701,573	22,491,027	22,701,573	22,491,027
Pendapatan-pendapatan lain	27	8,213,528	7,958,670	7,569,919	6,834,387
Perbelanjaan pentadbiran	28	(42,575,137)	(41,049,965)	(31,733,636)	(31,413,653)
<b>Lebihan pendapatan sebelum cukai</b>		6,767,781	1,719,675	717,100	229,302
Cukai		(1,484,140)	7,424,841	-	-
<b>Lebihan bersih</b>		5,283,641	9,144,516	717,100	229,302

Nota-nota yang mengiringi membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini.

[ DITUBUHKAN DI BAWAH ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004 ]



**PENYATA PERUBAHAN DANA BERSIH  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**KUMPULAN**

	Boleh diagih			Tidak boleh diagih				Jumlah RM
	Dana Zakat RM	Dana Amanah RM	Sumber Am (Kumpulan) RM	Dana Sumber Am (Kumpulan) RM	*Dana Wakaf (Nota 30) RM	Rizab lain (Nota 18) RM		
Pada 1 Januari 2019	146,405,797	16,800,990	76,142,684	50,673,615	7,506,874	161,338,240		458,868,200
Lebihan/(Kurangan) pendapatan Susut nilai aset wakaf	10,038,214	(4,041,773)	9,144,516	(2,972,064)	*2,418,609	-		14,587,502
Penambahan danaTabung Pembayaran Kakitangan Pelarasan kepentingan tanpa kawalan Perubahan dalam rizab	-	50,000	-	-	(49,472)	-		(49,472)
Pada 31 Disember 2019	156,444,011	12,809,217	85,257,200	47,701,551	9,876,011	161,746,941		473,834,931
Pada 1 Januari 2020	156,444,011	12,809,217	85,257,200	47,701,551	9,876,011	161,746,941		473,834,931
Lebihan/(Kurangan) pendapatan Penambahan aset wakaf	4,128,219	2,827,669	5,283,641	(715,551)	*9,301,403	-		20,825,381
Susut nilai aset wakaf	-	-	-	483	-	-		483
Penambahan danaTabung Pembayaran Kakitangan Perubahan dalam rizab nilai saksama	-	50,000	-	-	(49,472)	-		(49,472)
Pada 31 Disember 2020	160,572,230	15,686,886	90,540,841	46,986,483	19,127,942	161,503,771		494,418,153

Nota-nota yang mengiringi membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini.

**PENYATA PERUBAHAN DANA BERSIH (SAMBUNGAN)**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**MAJLIS**

	Boleh diagih			Tidak boleh diagih			Jumlah RM
	Dana Zakat RM	Dana Amanah RM	Dana Sumber Am RM	Dana Sumber Am RM	*Dana Wakaf (Nota 30) RM	Rizab lain (Nota 18) RM	
Pada 1 Januari 2019	146,405,797	16,800,990	48,723,729	50,673,615	7,506,874	-	270,111,005
Lebihan/(Kurangan) pendapatan	10,038,214	(4,041,773)	229,302	(2,976,599)	*2,418,609	-	5,667,753
Penambahan rizab modal aset wakaf	-	-	-	4,535	-	-	4,535
Susut nilai aset wakaf	-	-	-	-	(49,472)	-	(49,472)
Penambahan danaTabung Pembiayaan Kakitangan	-	50,000	-	-	-	-	50,000
Perubahan dalam rizab nilai saksama	-	-	-	-	-	408,701	408,701
Pada 31 Disember 2019	156,444,011	12,809,217	48,953,031	47,701,551	9,876,011	408,701	276,192,522
Pada 1 Januari 2020	156,444,011	12,809,217	48,953,031	47,701,551	9,876,011	408,701	276,192,522
Lebihan/(Kurangan) pendapatan	4,128,219	2,827,669	717,100	(715,551)	*9,301,403	-	16,258,840
Penambahan rizab modal aset wakaf	-	-	-	483	-	-	483
Susut nilai aset wakaf	-	-	-	-	(49,472)	-	(49,472)
Penambahan danaTabung Pembiayaan Kakitangan	-	50,000	-	-	-	-	50,000
Perubahan dalam rizab nilai saksama	-	-	-	-	-	(243,170)	(243,170)
Pada 31 Disember 2020	160,572,230	15,686,886	49,670,131	46,986,483	19,127,942	165,531	292,209,203

\* Lebihan dana wakaf dalam tahun terdiri daripada:

	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Harta wakaf (mawquf/ wang asas wakaf)	2,910,942	1,983,891
Manfaat wakaf	6,390,461	434,718
	<b>9,301,403</b>	<b>2,418,609</b>

[ DITUBUHKAN DI BAWAH ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004 ]



**PENYATA PUNGUTAN DAN AGIHAN ZAKAT SEBENAR  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	<u>Nota</u>	<u>2020</u> RM	<u>2019</u> RM
<b>PUNGUTAN ZAKAT</b>			
Zakat Fitrah		9,918,495	9,538,619
Zakat Harta		131,045,916	130,927,820
Zakat Perniagaan		49,546,824	58,853,531
Zakat Tanaman		1,122,345	2,315,801
Pendapatan lain		3,219,197	5,551,283
<b>Jumlah pungutan zakat</b>		194,852,777	207,187,054
Tolak:			
<b>AGIHAN ASNAF</b>			
Amil		27,692,346	25,841,595
Fakir dan Miskin		113,839,849	113,937,355
Muallaf		5,188,963	6,549,255
Ghorimin		4,256,101	3,134,297
Ibnu Sabil		463,636	444,565
Fisabilillah	29	38,787,228	40,763,057
<b>Jumlah agihan zakat</b>		190,228,123	190,670,124
<b>Lebihan bersih</b>		4,624,654	16,516,930

Nota-nota yang mengiringi membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	Dinyatakan semula 2019	2020 RM	Dinyatakan semula 2019	2020 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI- AKTIVITI OPERASI</b>				
Lebihan/(Kurangan) pendapatan sebelum cukai				
• Zakat	4,128,219	10,038,214	4,128,219	10,038,214
• Wakaf	9,301,403	2,418,609	9,301,403	2,418,609
• Sumber am	6,767,781	1,719,675	717,100	229,302
• Amanah	2,827,669	(4,041,773)	2,827,669	(4,041,773)
	23,025,072	10,134,725	16,974,391	8,644,352
Pelarasan untuk:				
Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan	6,414,254	5,929,398	660,445	984,092
Susut nilai harta tanah pelaburan	1,127,044	1,127,545	670,877	671,378
Susut nilai aset tak ketara	210,958	218,058	210,958	218,058
Susut nilai aset wakaf	(49,472)	(49,472)	(49,472)	(49,472)
Hapus kira harta tanah, loji dan peralatan	21	72,751	21	40,501
Keuntungan atas pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	-	-	-	-
Bayaran keuntungan atas pembiayaan kerajaan	561,932	657,430	561,932	657,430
Keuntungan atas pelaburan dan penempatan deposit bertempoh	(5,553,323)	(8,722,543)	(6,482,056)	(9,097,266)
Perubahan nilai saksama buah tandan segar	(2,338,074)	(2,958,769)	-	-
Hibah bank	(530,367)	(383,922)	(517,005)	(371,610)
Pelunasan perbelanjaan kemajuan tanaman	(31,775)	-	-	-
Peruntukan hutang ragu	28,738	-	28,738	-
<b>Lebihan pendapatan operasi sebelum perubahan modal kerja</b>	<b>22,865,008</b>	<b>6,025,201</b>	<b>12,058,829</b>	<b>1,697,463</b>
Perubahan modal kerja:				
Perubahan dalam inventori	725,005	(827,540)	-	-
Perubahan dalam penghutang	(682,738)	(914,860)	(79,969)	268,125
Perubahan dalam pelbagai penghutang	(1,439,674)	20,301,726	(38,944)	(145,300)
Perubahan dalam pemutang	(2,913,684)	(814,489)	(3,595,181)	(667,738)
Perubahan dalam pelbagai pemutang	856,199	1,613,193	(141,409)	278,949
	(3,454,892)	19,358,030	(3,855,503)	(265,964)
Cukai dibayar	(1,800,501)	(893,209)	-	-
Perbelanjaan kemajuan tanaman	(3,148,321)	(7,666,460)	-	-
<b>Tunai bersih daripada aktiviti-aktiviti operasi</b>	<b>14,461,294</b>	<b>16,823,562</b>	<b>8,203,326</b>	<b>1,431,499</b>

Nota-nota yang mengiringi membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini.



**PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN)  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	Dinyatakan semula <u>2020</u>	<u>2019</u>	Dinyatakan semula <u>2020</u>	<u>2019</u>
	RM	RM	RM	RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI- AKTIVITI PELABURAN</b>				
Perolehan harta tanah, loji dan peralatan	(8,404,499)	(16,071,160)	(5,405,888)	(307,925)
Perolehan harta tanah pelaburan	-	-	-	-
Perolehan aset dalam kemajuan	-	(356,465)	-	(356,465)
Pengambilalihan subsidiari	-	(30,000)	-	-
Terimaan daripada pelaburan saham dan penempatan deposit bertempoh dengan institusi kewangan berlesen	4,903,001	7,528,113	3,903,001	6,534,990
Muhibah daripada kombinasi perniagaan	-	-	-	-
Terimaan dividen daripada subsidiari	-	-	2,500,000	2,800,000
Hibah bank	530,367	383,922	517,005	371,610
<b>Tunai bersih (digunakan dalam)/ daripada aktiviti-aktiviti pelaburan</b>	<b>(2,971,131)</b>	<b>(8,545,590)</b>	<b>1,514,118</b>	<b>9,042,210</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI- AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
Penambahan dana pusingan Tabung Pembentukan Kakitangan	50,000	50,000	50,000	50,000
Bayaran balik pembentukan jangka panjang	(1,603,599)	(2,267,579)	(1,603,599)	(2,267,579)
<b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pembentukan</b>	<b>(1,553,599)</b>	<b>(2,217,579)</b>	<b>(1,553,599)</b>	<b>(2,217,579)</b>
Kenaikan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	9,936,564	6,060,393	8,163,845	8,256,130
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	180,331,913	174,271,520	178,430,616	170,174,486
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember</b>	<b>190,268,477</b>	<b>180,331,913</b>	<b>186,594,461</b>	<b>178,430,616</b>

Tunai dan kesetaraan tunai yang termasuk di dalam penyata aliran tunai mengandungi amaun-amaun Penyata Kedudukan Kewangan seperti berikut –

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<u>2020</u>	<u>2019</u>	<u>2020</u>	<u>2019</u>
	RM	RM	RM	RM
Wang tunai di tangan dan di bank	35,468,477	21,845,919	31,794,461	19,967,920
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	154,800,000	158,485,994	154,800,000	158,462,696
	<b>190,268,477</b>	<b>180,331,913</b>	<b>186,594,461</b>	<b>178,430,616</b>

Nota-nota yang mengiringi membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020****1. MAKLUMAT KORPORAT**

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAJLIS) merupakan sebuah badan berkanun kerajaan yang berfungsi sebagai pihak berkuasa utama selepas Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan, ke atas semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, kecuali perkara-perkara yang berhubungan dengan Hukum Syarak dan pentadbiran keadilan. Selain itu, MAJLIS berkewajipan untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Aktiviti utama syarikat subsidiari dihuraikan dalam Nota 10 kepada penyata kewangan ini.

Tiada perubahan penting aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

MAJLIS diperbadankan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Enakmen Pentadbiran), berdomisil di Malaysia, manakala, syarikat subsidiari pula ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016, juga berdomisil di Malaysia. MAJLIS dan syarikat subsidiarinya disebut sebagai 'Kumpulan'. Tiada sebarang perubahan yang ketara dalam aktiviti-aktiviti Kumpulan sepanjang tahun kewangan ini.

Ibu Pejabat MAJLIS terletak di Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak, Malaysia.

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

Dasar-dasar perakaunan penting yang dinyatakan seperti berikut, telah digunakan secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan MAJLIS, melainkan dinyatakan sebaliknya.

**a. Asas penyediaan**

Penyata kewangan MAJLIS telah disediakan berdasarkan pematuhan kepada kehendak Hukum Syarak, dengan mengambil kira dasar-dasar perakaunan yang tersurat di dalam Enakmen Pentadbiran dan Enakmen Wakaf (Perak) 2015 (Enakmen Wakaf) serta Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Bagaimanapun, subseksyen 74A(l) Enakmen Pentadbiran memperuntukkan, dalam menyediakan penyata kewangannya, MAJLIS hendaklah mematuhi MPSAS setakat yang, pada pendapat MAJLIS, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi MAJLIS. Dengan mengambil kira fungsi dan tanggungjawab sebagai pihak berkuasa utama dalam hal ehwal berhubungan dengan agama Islam di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, MAJLIS berpendapat, penyediaan penyata kewangannya wajar berbeza daripada MPSAS dalam beberapa aspek tertentu.

Penyata kewangan syarikat subsidiari pula telah disediakan selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 2016 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards*) atau ringkasnya MFRS. Dalam menyediakan penyata kewangan peringkat Kumpulan, akaun-akaun syarikat subsidiari disatukan dengan MAJLIS di bawah dana sumber am.



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBWER 2020 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**b. Asas pengukuran**

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut asas akruan, menggunakan konvensyen kos sejarah, melainkan dinyatakan sebaliknya.

**c. Mata wang fungsian dan persembahan**

Penyata kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang fungsian Kumpulan dan MAJLIS. Kesemua maklumat kewangan dipersembahkan dalam RM dan telah dibundarkan kepada digit terhampir, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Angka-angka perbandingan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan MAJLIS bagi tahun sebelumnya diklasifikasi semula, mengikut mana yang berkenaan, supaya selaras dengan pembentangan tahun semasa.

**d. Pertimbangan, anggaran dan andaian perakaunan**

Penyediaan penyata kewangan mengikut dasar yang dinyatakan pada para 2.a. di atas, menghendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian perakaunan berdasarkan maklumat yang ada, yang berkemungkinan memberi kesan kepada amaun aset dan liabiliti yang dilaporkan serta amaun yang dilaporkan bagi hasil dan perbelanjaan sepanjang tempoh pelaporan. Pihak pengurusan juga perlu melaksanakan pertimbangan mereka dalam proses mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Kumpulan dan MAJLIS. Walaupun, pertimbangan dan andaian tersebut dibuat berasaskan pengetahuan terbaik pihak pengurusan mengenai hal ehwal dan tindakan semasa, keputusan sebenar yang dicapai mungkin berbeza.

**e. Penyata pematuhan**

MAJLIS menyediakan penyata kewangan berdasarkan pematuhan MPSAS secara efektif mulai 1 Januari 2018, berdasarkan peruntukan peralihan dan interpretasi ke atas MPSAS yang berkaitan, mengikut mana yang bersesuaian.

Kesan perubahan ke atas dasar perakaunan diringkaskan pada Nota 32 kepada penyata kewangan. Selain daripada kesan yang dinyatakan, tiada pindaan lain memberi kesan ketara kepada jumlah yang diiktiraf pada tempoh sebelumnya dan dijangka tidak akan mempengaruhi dengan ketara bagi tempoh semasa atau tempoh masa hadapan.

Jika, tiada MPSAS yang boleh diguna pakai secara khusus untuk sesuatu urus niaga, peristiwa lain atau keadaan, pihak pengurusan menggunakan pertimbangannya dalam merangka dan mengguna pakai dasar-dasar perakaunan yang bersesuaian bagi menghasilkan maklumat sebagaimana digariskan di bawah perenggan 12 MPSAS 3 mengikut cara yang difikirkan suai manfaat oleh pihak pengurusan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**e. Penyata pematuhan (sambungan)**

Dalam hal keadaan yang tertentu, apabila pihak pengurusan memutuskan pematuhan kepada keperluan MPSAS menjadi begitu mengelirukan sehingga mungkin bercanggah dengan objektif penyata kewangan yang dibentangkan atau berlaku keadaan sebagaimana dinyatakan di bawah subseksyen 74A(1) Enakmen Pentadbiran, maka, pengurusan memilih untuk menyimpang daripada keperluan tersebut mengikut cara yang dinyatakan dalam perenggan 32 MPSAS 1, atau, sebagaimana cara yang difikirkan suai manfaat oleh pihak pengurusan.

**i. Tafsiran terhadap pengolahan perakaunan dan keperluan pendedahan yang diguna pakai oleh MAJLIS dan berkuat kuasa serta merta**

Pengolahan perakaunan dan pendedahan ke atas Dana Zakat dan Dana Amanah

Subseksyen 70(1A)(d) Enakmen Pentadbiran menyatakan Dana Zakat dan Dana Amanah merupakan sebahagian daripada kumpulan wang Baitulmal. MAJLIS menubuhkan Akaun Amanah berdasarkan peruntukan undang-undang yang termaktub di bawah Enakmen Pentadbiran. Justeru, peruntukan undang-undang di bawah Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61) berkaitan Akaun Amanah tidak terpakai bagi MAJLIS. Oleh itu, pengolahan perakaunan dan keperluan pendedahan bagi Dana Zakat dan Dana Amanah hendaklah selari dengan kehendak undang-undang seperti yang termaktub di dalam Enakmen Pentadbiran. MAJLIS mengiktiraf Dana Zakat dan Dana Amanah sebagai ekuiti seperti pada Nota 17 kepada Penyata Kewangan, yang akan digunakan mengikut Hukum Syarak.

MAJLIS memilih untuk tidak menggunakan pakai Akta 61, Pekeliling Kerajaan, MPSAS atau peraturan-peraturan lain yang lazimnya terpakai bagi agensi-agensi kerajaan, setakat yang berlawanan dan tidak konsisten daripada undang-undang dan Enakmen Pentadbiran MAJLIS. Bagaimanapun, prinsip perakaunan, peraturan kewangan dan peraturan lain yang konsisten, bersesuaian dan selaras dengan Enakmen Pentadbiran masih diterima pakai dan dipatuhi oleh MAJLIS.

**ii. Piawaian yang masih dalam penilaian dan impak pelaksanaannya masih belum dikuantifikasi sepenuhnya**

MAJLIS perlu membuat penilaian dan penelitian semula ke atas beberapa kaedah pengukuran yang dianjurkan oleh MPSAS seperti disenaraikan berikut, bagi menentukan sama ada pemakaianya selaras dengan pematuhan Hukum Syarak dan boleh diterima pakai dalam pengolahan perakaunan MAJLIS dan syarikat subsidiari MAJLIS –

- MPSAS 9 – Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran
- MPSAS 12 – Inventori
- MPSAS 13 – Pajakan
- MPSAS 16 – Hartanah Pelaburan
- MPSAS 17 – Hartanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 21 – Penjejasan nilai ke atas Aset Tidak Menjana Tunai



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBWER 2020 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**e. Penyata pematuhan (sambungan)**

**ii. Piawaian yang masih dalam penilaian dan impak pelaksanaannya masih belum dikuantifikasi sepenuhnya (sambungan)**

- MPSAS 23 – Hasil Daripada Urusniaga Bukan Pertukaran
- MPSAS 25 – Manfaat Kakitangan
- MPSAS 26 – Penjejasan nilai ke atas Aset Menjana Tunai
- MPSAS 27 – Pertanian
- MPSAS 28 – Instrumen Kewangan: Persembahan
- MPSAS 29 – Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- MPSAS 30 – Instrumen Kewangan: Pendedahan
- MPSAS 31 – Aset Tak Ketara

Justeru, MAJLIS menerima secara prinsip piawaian-piawaian di atas, dengan mengambil kira asas-asas perakaunan dan kaedah pengolahan yang dinyatakan di dalamnya secara *ex facie*, tertakluk kepada pertimbangan dan penilaian pihak pengurusan. Amalan ini berkemungkinan tidak konsisten dengan kaedah yang dianjurkan oleh MPSAS, dan, sekiranya berlawanan, MAJLIS memilih untuk menyimpang daripada MPSAS, setakat yang berlawanan itu.

Sehingga tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, MAJLIS hanya mengadaptasi peruntukan-peruntukan di bawah MPSAS tersebut, setakat yang, pada pendapat MAJLIS, tidak bertentangan dengan Hukum Syarak, manakala, peruntukan-peruntukan yang menimbulkan keraguan ditinggalkan dan tidak diterima pakai.

**f. Asas penyatuan**

**i. Syarikat subsidiari**

Syarikat subsidiari ialah entiti penerima pelaburan di mana Kumpulan mempunyai kawalan dan pengaruh dalam aspek kewangan dan polisi operasinya yang boleh dimanfaatkan secara terus untuk memperoleh pulangan daripada semua aktivitinya. Secara khusus, Kumpulan mengawal penerima pelaburan, jika dan hanya jika, Kumpulan mempunyai tiga elemen kawalan seperti berikut –

- (a) kuasa ke atas penerima pelaburan (iaitu, hak-hak sedia ada yang memberinya keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti bersesuaian bagi penerima pelaburan);
- (b) pendedahan atau hak ke atas pelbagai pulangan daripada penglibatannya dengan penerima pelaburan; dan
- (c) keupayaan menggunakan kuasanya ke atas penerima pelaburan bagi mempengaruhi pulangan.

Kumpulan menilai semula sama ada ia masih mempunyai kawalan ke atas penerima pelaburan sekiranya fakta dan keadaan menunjukkan terdapatnya perubahan kepada satu atau lebih, elemen-elemen kawalan di atas.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**g. Asas penyatuan (sambungan)**

**i. Syarikat subsidiari (sambungan)**

Secara umum, terdapat anggapan bahawa, Kumpulan mempunyai kawalan ke atas penerima pelaburan disebabkan oleh majoriti hak mengundi. Bagi menyokong anggapan ini, dan apabila, Kumpulan mempunyai majoriti hak mengundi yang kurang atau mempunyai hak yang sama ke atas penerima pelaburan, Kumpulan mempertimbangkan semua keadaan dan fakta yang relevan dalam menilai sama ada Kumpulan mempunyai kuasa ke atas penerima pelaburan, termasuklah –

- (a) pengaturan kontraktual dengan pemegang undi lain penerima pelaburan;
- (b) hak-hak yang timbul daripada pengaturan kontraktual lain; dan
- (c) hak-hak untuk mengundi dan potensi hak mengundi Kumpulan.

Penyatuan syarikat subsidiari dibuat sepenuhnya pada tarikh di mana kawalan telah berpindah kepada Kumpulan sehingga tarikh di mana kawalan ke atas syarikat subsidiari itu berhenti. Dalam penyata kewangan MAJLIS yang berasingan, pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos setelah ditolak kerugian penjejasan nilai terkumpul, jika ada.

Penyata kewangan syarikat subsidiari disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan Kumpulan dan MAJLIS, menggunakan dasar-dasar perakaunan yang konsisten bagi transaksi dan peristiwa-peristiwa yang mempunyai keadaan yang sama. Dasar-dasar perakaunan syarikat subsidiari yang selainnya diselaraskan mengikut keperluan bagi memastikan ia konsisten dengan dasar-dasar yang diterima pakai oleh Kumpulan.

Apabila kawalan ke atas sesebuah syarikat subsidiari itu hilang, Kumpulan akan mengambil kira perkara-perkara berikut –

- (a) menyahiktiraf aset-aset (termasuk muhibah) dan liabiliti-liabiliti syarikat subsidiari pada nilai bawaan mereka;
- (b) menyahiktiraf nilai bawaan mana-mana kepentingan tidak dikawal dalam bekas syarikat subsidiari;
- (c) mengiktiraf jumlah nilai saksama bagi pertimbangan diterima;
- (d) menyahiktiraf perbezaan terjemahan asing terkumpul yang direkodkan dalam ekuiti;
- (e) mengiktiraf jumlah nilai saksama sebarang pelaburan yang dipegang dalam bekas syarikat subsidiari;
- (f) mengiktiraf sebarang lebihan atau defisit dalam lebihan atau kurangan; dan



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**g. Asas penyatuan (sambungan)**

**i. Syarikat subsidiari (sambungan)**

- (g) mengklasifikasikan semula komponen syer induk yang dahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain kepada Penyata Prestasi Kewangan, sekiranya perlu, menurut MPSAS selainnya.

Jika, Kumpulan masih memegang kepentingan ke atas sesebuah bekas syarikat subsidiari, maka, pelaburan tersebut dikira sebagai aset kewangan bermula daripada tarikh entiti itu berhenti daripada menjadi subsidiari, melainkan ia menjadi syarikat bersekutu atau entiti kawalan bersama. Amaun bawaan pelaburan pada tarikh entiti berhenti menjadi subsidiari dianggap sebagai kos pada permulaan pengiraan aset kewangan.

Dalam menyediakan penyata kewangan disatukan, semua aset dan liabiliti intra-kumpulan, ekuiti, pendapatan dan perbelanjaan serta aliran tunai yang melibatkan transaksi antara ahli-ahli Kumpulan, disingkirkan secara sepenuhnya. Kerugian dalam Kumpulan juga disingkirkan tetapi berkemungkinan menunjukkan suatu penjejasan nilai yang memerlukan pengiktirafan di dalam penyata kewangan Kumpulan.

Kepentingan tidak dikawal mewakili bahagian keuntungan atau kerugian serta aset bersih dalam syarikat-syarikat subsidiari yang tidak dimiliki sepenuhnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, oleh Kumpulan. Kepentingan tidak dikawal dibentangkan secara berasingan dalam Penyata Prestasi Kewangan disatukan dan ekuiti atau kumpulan wang dalam Penyata Kedudukan Kewangan disatukan, tetapi berasingan daripada ekuiti atau kumpulan wang pemegang-pemegang saham induk. Kepentingan tidak dikawal diperuntukkan daripada jumlah pendapatan komprehensif, walaupun ini mengakibatkan ia berbaki defisit. Perubahan dalam kepentingan pemilikan syarikat subsidiari, tanpa kehilangan kawalan, diambil kira sebagai transaksi ekuiti di antara Kumpulan dan pemegang-pemegang kepentingan tidak dikawal tersebut. Sebarang perbezaan antara bahagian aset bersih Kumpulan sebelum dan selepas perubahan, dan sebarang pertimbangan yang diterima atau dibayar, diiktiraf dalam ekuiti/kumpulan wang berkaitan.

**ii. Syarikat bersekutu dan aturan usaha sama**

Syarikat bersekutu ialah entiti penerima pelaburan di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan terhadap dasar-dasar kewangan dan operasi penerima pelaburan. Pengaruh signifikan adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam proses penentuan dasar kewangan dan operasi penerima pelaburan, tetapi bukannya kawalan atau kawalan bersama terhadap dasar-dasar berkenaan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)****2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****g. Asas penyatuan (sambungan)****ii. Syarikat bersekutu dan aturan usaha sama (sambungan)**

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak sebarang kerugian penjejasan nilai, jika ada. Kos pelaburan termasuklah kos urus niaga yang berkaitan. Penyata kewangan disatukan merangkumi bahagian Kumpulan dalam jumlah keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu tersebut bermula dari tarikh pengaruh signifikan wujud sehingga pengaruh signifikan tersebut berakhir.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh signifikan terhadap syarikat bersekutu, sebarang kepentingan dalam syarikat bersekutu diukur pada nilai saksama dan jumlah ini dianggap sebagai nilai bawaan aset kewangan. Perbezaan antara nilai saksama tersebut berserta dengan hasil pelupusan berbanding nilai bawaan pelaburan pada tarikh pengaruh signifikan tidak lagi wujud diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Apabila kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkurangan tetapi tidak mengakibatkan kehilangan pengaruh signifikan, sebarang baki kepentingan tidak diukur semula. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pengurangan kepentingan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang sebelumnya diiktiraf dalam pendapatan lain juga dikelaskan semula kepada lebihan atau kurangan apabila aset dan liabiliti dijual.

Aturan usaha sama ialah pengaturan di mana Kumpulan mempunyai kawalan bersama, menerusi kontrak yang dipersetujui antara semua pihak untuk membuat keputusan terhadap aktiviti yang memberi kesan signifikan kepada pulangan yang diperolehi daripada usaha sama tersebut.

Kumpulan dan MAJLIS menerima pakai pengolahan berdasarkan MPSAS 36 dengan mengakaunkan kepentingan dalam usaha sama menggunakan kaedah ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, kepentingan dalam usaha sama pada awalnya diiktiraf pada kos. Amaun bawaan pelaburan diperlakukan bagi perubahan dalam bahagian aset bersih usaha sama milik Kumpulan sejak tarikh pemerolehan. Muhibah berkaitan usaha sama dimasukkan dalam nilai bawaan pelaburan dan tidak dilunaskan mahupun diuji secara individu bagi penjejasan nilai.

Apabila perkongsian kerugian yang ditanggung oleh Kumpulan dalam usaha sama menyamai atau melebihi kepentingannya dalam usaha sama tersebut, termasuk sebarang kepentingan jangka panjang, pada amnya, membentuk sebahagian daripada kepentingan bersih Kumpulan dalam usaha sama, maka, Kumpulan tidak akan mengiktiraf kerugian seterusnya, kecuali Kumpulan menanggung obligasi atau telah membuat pembayaran bagi pihak usaha sama.



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**g. Asas penyatuan (sambungan)**

**ii. Syarikat bersekutu dan aturan usaha sama (sambungan)**

Selepas pelaksanaan kaedah ekuiti, Kumpulan akan menentukan sama ada perlu mengiktiraf sebarang penjejasan nilai kerugian atas pelaburan dalam usaha sama. Kumpulan akan menentukan pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti kepentingan dalam usaha sama mengalami penjejasan nilai. Sekiranya terbukti, Kumpulan akan mengira penjejasan nilai sebagai perbezaan antara jumlah yang boleh diperoleh semula dengan nilai bawaannya.

Apabila Kumpulan kehilangan pengaruh signifikan dalam aturan usaha sama, Kumpulan akan mengukur dan mengiktiraf sebarang pegangan pelaburannya pada nilai saksama. Sebarang perbezaan di antara jumlah bawaan usaha sama terhadap kehilangan pengaruh signifikan atau kawalan bersama dengan nilai saksama pegangan pelaburan dan hasil daripada pelupusan akan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

**iii. Kombinasi perniagaan dan muhibah**

Kombinasi perniagaan dikira menggunakan kaedah pemerolehan. Kos sesuatu pemerolehan diukur sebagai agregat pertukaran yang diukur atas nilai saksama pada tarikh pemerolehan dan jumlah kepentingan tidak dikawal dalam syarikat yang diperoleh. Bagi setiap kombinasi perniagaan, Kumpulan memilih sama ada untuk mengukur kepentingan itu pada nilai saksama atau bahagian aset bersih yang dikenal pasti oleh syarikat yang diperoleh. Kos berkaitan pemerolehan dimasukkan dalam perbelanjaan pentadbiran apabila berlaku.

Apabila Kumpulan memperoleh sesuatu perniagaan, ia membuat penilaian ke atas aset kewangan yang diperoleh dan liabiliti kewangan yang ditanggung untuk pengelasan dan penetapan yang bersesuaian mengikut terma-terma kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan yang berkaitan pada tarikh pemerolehan.

Pada awalnya, muhibah diukur pada kos, sebagai lebihan agregat pertukaran yang dipindahkan dan jumlah diiktiraf bagi kepentingan tidak dikawal dan apa-apa kepentingan yang dipegang sebelumnya, atas perolehan aset bersih yang boleh dikenal pasti dan liabiliti yang ditanggung.

Jika nilai saksama aset bersih yang diperoleh melebihi agregat pertimbangan yang dipindahkan, Kumpulan menilai semula sama ada ia telah mengenal pasti dengan betul semua aset yang diperoleh dan semua liabiliti yang ditanggung dan mengkaji semula prosedur yang digunakan untuk mengukur amaun yang diiktiraf pada tarikh pemerolehan. Jika penilaian semula masih menghasilkan nilai saksama aset bersih yang diperolehi melebihi agregat pertimbangan yang dipindahkan, keuntungan tersebut akan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan disatukan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)****2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****g. Asas penyatuan (sambungan)****iii. Kombinasi perniagaan dan muhibah (sambungan)**

Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos ditolak kerugian penjejasan nilai terkumpul, jika ada. Muhibah disemak semula untuk penjejasan nilai pada setiap tahun, atau dengan lebih kerap, jika terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan amaun bawaan mungkin mengalami penjejasan nilai.

**h. Hartanah, loji dan peralatan****i. Pengiktirafan dan pengiraan**

Pada awalnya, kesemua hartaanah, loji dan peralatan yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran direkodkan pada kos, manakala, hartaanah, loji dan peralatan yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran direkodkan pada nilai saksama pada tarikh perolehan.

Kos atau nilai saksama sesuatu item hartaanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset, jika, dan hanya jika, terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatan berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir masuk kepada Kumpulan serta kos dan nilai saksama aset tersebut dapat dinilai dengan munasabah. Kos termasuklah perbelanjaan langsung yang menjadi punca kepada perolehan aset serta kos-kos lain yang menjadi punca yang membawa aset itu kepada kondisi kerja mengikut kehendak kegunaannya, termasuk kos menanggal dan memindahkan item serta membaik pulih tapak di mana item itu berada. Kos aset dibina sendiri juga termasuk kos bahan dan upahan langsung.

Tanah pegangan warta tidak diiktiraf kerana hak milik yang tidak sempurna.

Perbelanjaan perolehan perisian komputer yang melengkapkan kefungsian peralatan komputer berkaitan dipermodalkan sebagai sebahagian asasi daripada peralatan berkenaan.

Selepas pengiktirafan awal, kesemua hartaanah, loji dan peralatan selain tanah pegangan kekal, diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai terkumpul, jika ada. Manakala, tanah pegangan kekal diukur pada kos ditolak kerugian penjejasan nilai terkumpul, jika ada.

Apa-apa item bernilai kurang daripada RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja) yang tidak memerlukan penyelenggaraan berjadual, atau apa-apa item di bawah kategori perabot, hamparan, hiasan, langsir dan pinggan mangkuk, tanpa mengira kos perolehan asal, tidak diiktiraf sebagai aset. Kos bagi item yang tidak diiktiraf sebagai aset akan diambil kira sebagai perbelanjaan dalam tahun ia diperoleh.



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**h. Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)**

**i. Pengiktirafan dan pengiraan (sambungan)**

Apabila terdapat bahagian penting daripada harta, loji dan peralatan yang mempunyai jangka hayat yang berbeza, ia akan dikira sebagai item berasingan (komponen utama) di bawah harta, loji dan peralatan.

Apabila komponen utama harta, loji dan peralatan perlu diganti secara berkala, Kumpulan mengiktiraf komponen tersebut sebagai aset individu dengan hayat kegunaan tertentu dan mengenakan susut nilai ke atasnya. Begitu juga, apabila pemeriksaan utama dilaksanakan, kosnya diiktiraf dalam amaun bawaan harta, loji dan peralatan sebagai gantian, jika kriteria pengiktirafan dipenuhi. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagaimana dikenakan.

Sebarang kos pengubahsuaian ke atas mana-mana harta, loji dan peralatan yang tidak mengubah struktur asal dianggap sebagai perbelanjaan penyelenggaraan dan tidak dipermodalkan sebagai aset. Nilai perolehan harta, loji dan peralatan yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran diiktiraf sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan, terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, yang memerlukannya diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Harta, loji dan peralatan wakaf ialah aset-aset yang dipegang oleh MAJLIS sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf yang terletak hak di dalam Negeri Perak berdasarkan peruntukan subseksyen 27(1) Enakmen Wakaf.

Pada awalnya, kesemua harta, loji dan peralatan wakaf yang diperoleh daripada urus niaga pertukaran direkodkan pada kos, manakala, harta, loji dan peralatan wakaf yang diperoleh daripada urus niaga bukan pertukaran, boleh direkodkan sama ada pada nilai saksama atau nilai nominal bergantung kepada tujuan dan kegunaannya.

Kos termasuklah harga belian (termasuk duti import dan cukai belian yang tidak boleh dibayar balik selepas ditolak diskaun dagangan dan rebat), sebarang kos langsung untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi mengikut kehendak kegunaannya, termasuk kos menanggall dan memindahkan item serta membaik pulih tapak di mana item itu terletak. Kos aset dibina sendiri juga termasuk kos bahan dan upahan langsung dengan mengambil kira kos optimum operasi biasa. Sebarang kos berlebihan daripada kos optimum operasi biasa dikecualikan daripada kos aset dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh ia berlaku.

Selepas pengiktirafan awal, kesemua harta, loji dan peralatan wakaf diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai terkumpul, jika ada. Manakala, tanah wakaf pegangan kekal diukur pada kos ditolak kerugian penjejasan nilai terkumpul, jika ada.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**h. Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)**

**i. Pengiktirafan dan pengiraan (sambungan)**

Berdasarkan subseksyen 39(1) Enakmen Wakaf, tiada hartaanah, loji dan peralatan wakaf yang boleh dilupuskan kecuali dengan cara *istibdal*. *Istibdal* bermakna penggantian sesuatu aset dengan aset yang lain atau dengan wang tunai yang sama atau lebih tinggi nilainya melalui gantian, tukaran atau apa-apa cara lain yang diharuskan menurut Hukum Syarak.

**ii. Susut nilai**

Nilai bawaan hartaanah, loji dan peralatan disemak untuk penjejasan nilai apabila berlaku peristiwa atau perubahan keadaan yang memberikan petunjuk bahawa, amaun bawaan mungkin tidak dapat diperoleh semula.

Hartaanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf apabila dilupuskan, atau tidak digunakan langsung dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangkakan diperoleh daripada penggunaan atau pelupusannya. Untung atau rugi atas pelupusan mana-mana hartaanah, loji dan peralatan dikenal pasti dengan membandingkan terimaan daripada pelupusan dengan amaun bawaan hartaanah, loji dan peralatan dan diiktiraf bersih masing-masing di dalam "pelbagai pendapatan" atau "perbelanjaan lain" di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Susut nilai diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran hayat penggunaan bagi setiap komponen hartaanah, loji dan peralatan bermula daripada tarikh ia sedia untuk digunakan.

Kumpulan tidak menyusutnilaikan tanah pegangan kekal kerana tiada batasan hayat kegunaan, manakala, tanah pegangan pajakan disusutnilaikan dalam tempoh pajakan yang masih tertinggal. Bangunan dalam proses pembinaan tidak disusutnilaikan kerana ia masih belum sedia untuk digunakan.

Semua hartaanah, loji dan peralatan lain disusunnilaikan mengikut kadar tahunan seperti berikut:

Tanah pegangan pajakan	baki tempoh pajakan
Bangunan di atas tanah pegangan kekal	50 tahun
Bangunan di atas tanah pegangan pajakan	50 tahun atau baki tempoh pajakan, mengikut mana lebih awal
Bangunan-bangunan sementara	10%
Kenderaan	20%
Loji dan peralatan	10%
Perkakas dan alatan pejabat	10% - 25%
Komputer dan perkakasan	25% - 33%



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**h. Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)**

**ii. Susut nilai (sambungan)**

Sejak laporan terakhir dibuat, sekiranya ada petanda bahawa, terdapat perubahan yang ketara pada kadar susut nilai, hayat kegunaan atau nilai sisa sesuatu aset, maka, susut nilai bagi aset berkenaan akan dinilai semula dan diperlaraskan secara prospektif jika bersesuaian.

**iii. Penjejasan nilai aset bukan kewangan**

Kerugian penjejasan nilai diiktiraf apabila amaun boleh pulih sesuatu aset kurang daripada amaun bawaannya dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Amaun boleh pulih bagi aset menjana tunai dan aset tidak menjana tunai ditentukan dengan membandingkan amaun yang lebih tinggi antara amaun bawaan bersih aset berkenaan dengan nilai saksama ditolak kos untuk menjual.

Sekiranya, maklumat yang boleh dirujuk untuk menentukan nilai saksama aset seperti ikatan perjanjian jual beli, urus niaga di pasaran aktif dan maklumat terbaik lain yang boleh menggambarkan nilai terkini aset tidak dapat diperolehi, maka, ujian penjejasan nilai tidak dibuat. Kaedah pengiraan alternatif dalam menentukan amaun boleh pulih berdasarkan pendekatan Nilai Dalam Gunaan seperti kos penggantian disusut nilai, kos pembalikpulihan dan unit perkhidmatan tidak diterima pakai oleh Kumpulan dan MAJLIS kerana diragui dari sudut pematuhan syariah.

**i. Aset biologi**

Aset biologi, kecuali tumbuhan penghasil, ialah aset dalam bentuk haiwan dan tumbuh-tumbuhan hidup daripada aktiviti pertanian yang dijalankan oleh Kumpulan. Aktiviti pertanian ialah pengurusan transformasi biologi dan penuaian aset biologi untuk penjualan atau penukaran kepada keluaran pertanian atau penambahan aset biologi lain. Tumbuhan penghasil ialah tumbuhan hidup yang digunakan dalam pengeluaran atau pembekalan keluaran pertanian, dijangka memberikan penghasilan lebih daripada satu kitaran tempoh dan besar kemungkinan tidak dijual sebagai keluaran pertanian, kecuali dijual secara sampingan dalam bentuk sekerap. Tumbuhan penghasil diukur dan diakaunkan sebagai harta tanah, loji dan peralatan menggunakan MPSAS 17 selaras dengan dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan pada perenggan 2.h.i hingga 2.h.iii. di atas.

Aset biologi diukur pada awalnya dan pada setiap tarikh pelaporan pada nilai saksama ditolak kos untuk menjual. Apabila harga atau nilai yang ditentukan pasaran tiada, dan apabila dipastikan dengan jelas bahawa anggaran alternatif nilai saksama tidak dapat dipercayai, maka, aset biologi tersebut diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai terkumpul, jika ada.

Keluaran pertanian yang dituai daripada aset biologi diukur pada nilai saksama ditolak kos untuk menjual pada masa penuaian. Pengukuran seumpama itu adalah kos pada tarikh tersebut apabila menggunakan MPSAS 12 atau piawaian lain yang terpakai.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)****2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****j. Hartanah pelaburan**

Hartanah pelaburan ialah harta tanah (tanah atau bangunan atau sebahagian daripada tanah atau bangunan atau kedua-duanya sekali) yang dipegang untuk menjana hasil sewaan komersil atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya, tidak diduduki oleh Kumpulan dan bukannya untuk kegunaan pengeluaran atau pembekalan barang dan/ atau perkhidmatan, atau untuk tujuan pentadbiran atau jualan dalam operasi biasa. Ia tidak termasuk harta tanah wakaf dan harta tanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun harta tanah tersebut menjana hasil sewaan atau nilai harta tanah tersebut meningkat.

Pada awalnya, harta tanah pelaburan yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran dikira pada harga kos, manakala, harta tanah pelaburan yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran dikira pada nilai saksama pada tarikh perolehan. Kos termasuklah perbelanjaan langsung yang menjadi punca kepada perolehan harta tanah pelaburan tersebut. Kos harta tanah pelaburan yang dibina sendiri adalah termasuk kos bahan dan upahan langsung serta kos-kos lain yang menjadi punca yang membawa harta tanah pelaburan itu kepada kondisi kerja mengikut kehendak kegunaannya.

Selepas pengiktirafan awal, harta tanah pelaburan diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai terkumpul, jika ada.

Harta tanah pelaburan dinyahiktiraf apabila dilupuskan, atau tidak digunakan langsung dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangkakan diperoleh daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan nilai bawaan bersih diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

**k. Aset dalam kemajuan**

Aset dalam kemajuan dinyatakan pada kos ditolak kerugian penjejasan nilai terkumpul, jika ada, dan tidak disusutnilaikan kerana ia dalam keadaan yang belum sedia untuk digunakan. Kos termasuklah perbelanjaan langsung kerja-kerja pembinaan dan pembangunan aset-aset ketara dan tak ketara termasuklah kos-kos lain yang menjadi punca yang membawa aset-aset tersebut kepada kondisi kerja mengikut kehendak kegunaannya. Aset dalam kemajuan dipindahkan kepada harta tanah, loji dan peralatan atau harta tanah pelaburan atau aset tak ketara, mengikut mana yang bersesuaian, setelah MAJLIS menerima sijil akuan siap atau surat akuan penerimaan yang membuktikan ia telah sedia untuk digunakan.

**I. Perbelanjaan kemajuan tanaman**

Kesemua perbelanjaan berkaitan dengan pembangunan ladang kelapa sawit yang belum matang termasuk perbelanjaan penanaman semula dipermodalkan sebagai perbelanjaan kemajuan tanaman. Perbelanjaan ini dilunaskan setelah dipindahkan kepada harta tanah, loji dan peralatan apabila ladang-ladang berkenaan matang dan mula memberikan hasil pada kadar garis lurus bagi tempoh 20 hingga 25 tahun.



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**m. Aset Tak Ketara**

Aset tak ketara merupakan aset bukan monetari yang boleh dikenal pasti tanpa bentuk fizikal. Aset tak ketara diiktiraf apabila terdapat kemungkinan, bawaha, manfaat ekonomi masa hadapan dan/atau potensi perkhidmatan berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir masuk kepada Kumpulan dan kos atau nilai saksama aset tersebut boleh diukur dengan munasabah.

Pada awalnya, aset tak ketara yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran dikira pada kos, manakala, aset tak ketara yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian penjejasan nilai terkumpul, sekiranya ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dibangunkan secara dalaman diambil kira sebagai perbelanjaan dalam tahun ia berlaku.

Aset tak ketara dinilai sama ada tempoh hayat boleh gunanya terhad ataupun tidak dapat ditentukan. Aset tak ketara dengan hayat tidak dapat ditentukan tidak dilunaskan tetapi perlu diuji untuk penjejasan nilai sekiranya terdapat sebarang petunjuk. Penilaian hayat tidak dapat ditentukan disemak semula setiap tahun bagi menentukan sama ada hayat tidak dapat ditentukan itu boleh dikekalkan ataupun tidak. Jika tidak, perubahan dalam hayat boleh guna daripada tidak dapat ditentukan kepada terhad dilaksanakan secara prospektif.

Aset tak ketara dengan tempoh hayat yang terhad dilunaskan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan hayat boleh gunanya dan dinilai untuk penjejasan apabila terdapat sebarang petunjuk. Perbelanjaan pelunasan ke atas aset tak ketara diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan di bawah kategori perbelanjaan yang konsisten dengan fungsi aset tak ketara.

Sejak laporan terakhir dibuat, sekiranya ada petanda bawaha, terdapat perubahan yang ketara pada kadar pelunasan, hayat kegunaan atau nilai sisa sesuatu aset tak ketara, maka, pelunasan bagi aset berkenaan akan dinilai semula dan diperlaraskan secara prospektif jika bersesuaian.

Keuntungan atau kerugian daripada penyahiktirafan aset tak ketara ditentukan dengan mengukur perbezaan di antara nilai pelupusan bersih dan nilai bawaan aset tersebut serta diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila ia dinyahiktiraf.

**n. Aset kewangan**

**i. Tarikh pengiktirafan**

Semua aset kewangan pada awalnya diiktiraf pada tarikh urus niaga, iaitu, pada tarikh Kumpulan dan MAJLIS menjadi pihak berkaitan kepada peruntukan-peruntukan kontraktual instrumen tersebut. Ini termasuklah dagangan dengan cara yang lazim, belian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam kerangka masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di pasaran.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)****2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****n. Aset kewangan (sambungan)****ii. Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya**

Kumpulan dan MAJLIS mengkategorikan aset kewangan seperti berikut –

- Pembiayaan dan belum terima;
- Nilai saksama melalui lebihan atau kurangan;
- Dipegang hingga matang; dan
- Sedia untuk dijual

Pembiayaan dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai bayaran dalam jumlah yang tetap atau yang boleh dipastikan dan tidak tercatat dalam pasaran aktif. Aset kewangan ini pada awalnya dikritiraf pada kos dan, selanjutnya dikira pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif ditolak kerugian penjejasan nilai, jika ada. Pembiayaan dan belum terima yang dikeluarkan dengan tempoh kurang daripada dua belas bulan diiktiraf pada nilai nominalnya.

Aset kewangan dikategorikan sebagai nilai saksama melalui lebihan atau kurangan dan yang dipegang untuk dagangan direkodkan pada nilai saksama dengan untung atau rugi diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. Aset kewangan kategori ini pada lazimnya dipegang dengan tujuan dagangan dalam jangka pendek. Aset kewangan juga boleh ditetapkan dalam kategori ini jika pengolahan perakaunan menghasilkan maklumat yang lebih relevan kerana ia boleh mengurangkan ketidakpadanan perakaunan dengan liabiliti berkaitan secara signifikan atau ia adalah sebahagian daripada kumpulan aset kewangan yang diuruskan dan dinilai menggunakan asas nilai saksama.

Untung atau rugi daripada caj keuntungan, tukaran asing dan pergerakan lain ke atas nilai saksama dilaporkan secara berasingan dalam Penyata Prestasi Kewangan. Kos urus niaga dibelanjakan apabila ia ditanggung.

Aset kewangan dipegang hingga matang adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai bayaran dalam jumlah yang tetap atau boleh dipastikan dengan tempoh matang yang telah ditentukan dan Kumpulan mempunyai hasrat dan kemampuan untuk memegang aset kewangan tersebut sehingga matang. Tertakluk kepada pematuhan Hukum Syarak, aset kewangan ini diukur selanjutnya pada kos terlunas, menggunakan kadar keuntungan efektif, ditolak kerugian penjejasan nilai, jika ada. Sebarang penjualan atau pengkelasan semula sebahagian aset kewangan dipegang hingga matang dalam jumlah melebihi nilai material yang masih agak jauh dari tempoh matang akan mengakibatkan pengkelasan semula kesemua aset kewangan dipegang hingga matang kepada aset kewangan sedia untuk dijual.



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**n. Aset kewangan (sambungan)**

**ii. Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya (sambungan)**

Aset kewangan sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang tidak dikelaskan dalam kategori lain atau yang dipilih untuk dikelaskan di bawah kategori ini. Pelaburan dalam instrumen ekuiti disebut harga, pada awalnya dinyatakan pada nilai saksama ditambah dengan kos urus niaga. Berikutnya, ia direkodkan pada nilai saksama dengan merujuk kepada harga pasaran yang tercatat dalam pasaran aktif. Sebarang perubahan nilai saksama menghasilkan untung atau rugi, hendaklah diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti.

Bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak disebut harga atau nilai saksamanya tidak dapat diukur dengan munasabah akan dibawa pada kos ditolak kerugian penjejasan nilai, sekiranya ada. Kerugian penjejasan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. Apabila dinyahiktiraf, untung atau rugi nilai saksama kumulatif yang sebelum ini diiktiraf dalam aset/ekuiti akan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Nilai saksama aset kewangan yang didagangkan dalam pasaran aktif adalah berdasarkan harga pasaran tercatat pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Nilai saksama bagi aset kewangan tak disebut harga ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian seperti urus niaga telus, rujukan terhadap instrumen lain yang mempunyai ciri-ciri yang serupa, model-model penentuan harga dan nilai aset bersih ketara.

**iii. Penyahiktirafan**

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila –

- (a) Hak-hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh; atau
- (b) Kumpulan dan MAJLIS telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan atau telah menanggung kewajipan untuk membayar sepenuhnya aliran tunai yang diterima tanpa kelewatan ketara kepada pihak ketiga di bawah pengaturan “serah semua”, dan salah satu daripada berikut –
  - Kumpulan dan MAJLIS telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset kewangan; atau
  - Kumpulan dan MAJLIS tidak memindahkan mahupun mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset kewangan, tetapi telah memindahkan kawalan ke atas aset kewangan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**iii. Penyahiktirafan (sambungan)**

Apabila Kumpulan dan MAJLIS memindahkan hak untuk menerima aliran tunai daripada sesuatu aset kewangan atau membuat pengaturan “serah semua”, Kumpulan dan MAJLIS akan menilai sejauh mana risiko dan ganjaran pemilikan telah dikekalkan. Apabila Kumpulan dan MAJLIS tidak memindahkan mahupun mengekalkan sebahagian besar risiko dan gajaran serta tidak memindahkan kawalan, aset kewangan itu diiktiraf selagi terdapat penglibatan berterusan Kumpulan dan MAJLIS dalam aset kewangan tersebut. Dalam hal ini, Kumpulan dan MAJLIS juga mengiktiraf liabiliti kewangan yang berkaitan. Pemindahan aset dan liabiliti kewangan yang berkaitan diukur pada asas yang menggambarkan hak-hak dan kewajipan-kewajipan yang dikekalkan oleh Kumpulan dan MAJLIS.

**iv. Penjejasan nilai aset kewangan**

Kumpulan dan MAJLIS menilai pada setiap tarikh pelaporan, sama ada terdapat bukti jelas bahawa sesuatu aset kewangan termasuk satu atau sekumpulan sekuriti (selain aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan) mengalami penjejasan nilai. Aset kewangan dianggap terjejas nilai, jika dan hanya jika, terdapat bukti jelas nilainya telah terjejas akibat satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset tersebut (peristiwa yang mendarangkan kerugian yang nyata) dan peristiwa berkenaan mendarangkan impak yang signifikan terhadap aliran tunai masa hadapan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan tepat.

**o. Liabiliti kewangan**

Liabiliti kewangan pada awalnya diiktiraf pada tarikh urus niaga, iaitu, tarikh Kumpulan dan MAJLIS menjadi pihak yang terlibat dengan peruntukan kontrak instrumen kewangan berkaitan. Pada awalnya liabiliti kewangan dinyatakan pada nilai saksama, selepas ditolak kos urus niaga langsung yang dikenakan, dan diukur selanjutnya pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif, atau pada nilai bawaannya, tertakluk kepada kaedah pengukuran yang mematuhi Hukum Syarak.

Liabiliti kewangan yang mempunyai tempoh kurang daripada dua belas bulan diiktiraf pada nilai nominalnya. Liabiliti-liabiliti kewangan lain dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama bagi pertimbangan yang akan dibayar pada masa hadapan untuk barang dan perkhidmatan yang diterima.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila kewajipan di bawah liabiliti tersebut dilepaskan atau dibatalkan atau luput. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada memberi pembiayaan yang sama mengikut syarat-syarat berlainan yang ketara, atau terma liabiliti sedia ada sebahagian besarnya telah diubah suai, maka, pertukaran atau perubahan tersebut dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru. Perbezaan di antara nilai bawaan liabiliti kewangan asal dan pertimbangan yang dibayar diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**o. Liabiliti kewangan (sambungan)**

Kontrak jaminan kewangan ialah kontrak yang menghendaki pemberi jaminan membuat bayaran ganti rugi yang telah ditetapkan kepada penerima jaminan bagi kerugian yang ditanggung disebabkan penghutang gagal membuat bayaran mengikut tempoh dan syarat-syarat asal atau pindaan bagi sesuatu instrumen kewangan. Jaminan kewangan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh jaminan diberi. Selepas itu, setiap jaminan diukur pada nilai yang lebih tinggi antara anggaran terbaik belanja yang diperlukan untuk menyelesaikan jaminan tersebut pada tarikh pelaporan dengan amaun yang diiktiraf pada awalnya, ditolak pelunasan terkumpul. Apabila penyelesaian kontrak jaminan kewangan menjadi hampir pasti, suatu anggaran bagi jumlah obligasi dibuat. Jika, jumlah dibawa bagi kontrak jaminan kewangan adalah lebih rendah daripada jumlah obligasi, nilai dibawa diselaraskan kepada jumlah obligasi dan diperakaunkan sebagai peruntukan.

**p. Inventori**

Inventori dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh realis bersih. Nilai boleh realis bersih mewakili harga jualan yang dianggarkan di dalam proses perniagaan yang lazim ditolak anggaran kos-kos jualan dan kos pengedaran dan kos-kos lain yang dianggarkan untuk menjual inventori. Inventori yang diperoleh tanpa sebarang kos, atau, diperoleh pada pertimbangan nominal, diandaikan sebagai nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Kos inventori terdiri daripada kos belian, kos pertukaran dan kos lain yang ditanggung untuk membawa inventori-inventori tersebut ke lokasi dan berada dalam keadaan sekarang, dikira menggunakan kaedah masuk dulu keluar dulu.

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapatnya inventori yang terjejas nilai dengan membandingkan amaun bawaan setiap item inventori atau kumpulan item yang sama, dengan harga jualan setelah ditolak kos untuk menyiapkan dan menjualnya. Jika, sesuatu item inventori atau kumpulan item yang sama itu terjejas, Kumpulan akan mengurangkan amaun bawaan inventori atau kumpulan item yang sama tersebut kepada harga jualan setelah ditolak kos untuk menyiapkan dan menjualnya. Pengurangan tersebut merupakan kerugian penjejasan nilai dan diiktiraf serta-merta di dalam lebihan atau kurangan.

Sekiranya, tidak praktikal untuk mengenal pasti harga jualan setelah ditolak kos untuk menyiapkan dan menjual inventori berdasarkan item demi item, maka, item inventori yang berkaitan dengan barisan produk yang sama, yang mempunyai tujuan atau kegunaan akhir yang sama dan dikeluarkan serta dipasarkan pada kawasan geografi yang sama dikumpulkan secara bersekali bagi tujuan menilai penjejasan nilai.

**q. Tunai dan kesetaraan tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank, tunai dalam transit, deposit patuh syariah dengan institusi kewangan berlesen, wang panggilan dan pelaburan patuh syariah berkecairan tinggi dengan tempoh matang kurang daripada dua belas bulan, yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara dan sedia untuk ditukar kepada amaun tunai yang diketahui.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)****2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****r. Penjejasan nilai aset bukan kewangan**

Amaun-amaun bawaan aset-aset bukan kewangan (contohnya hartanah, loji dan peralatan dan hartanah pelaburan) dikaji pada setiap akhir tempoh laporan untuk mengenal pasti sama ada wujud tanda-tanda penjejasan nilai. Jika, wujud tanda-tanda tersebut, amaun boleh pulih bagi aset-aset berkenaan dianggarkan dan kemudian dibandingkan dengan amaun bawaan. Jika, amaun boleh pulih yang dianggarkan tersebut lebih rendah, maka, amaun bawaan akan dikurangkan kepada amaun boleh pulih seperti yang dianggarkan itu dan kerugian penjejasan nilai diiktiraf serta-merta pada lebihan atau kurangan.

**s. Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi undang-undang atau obligasi semasa yang konstruktif akibat peristiwa lampau, apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, dan apabila anggaran yang tepat dapat dibuat terhadap jumlah tersebut. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan. Jumlah yang diiktiraf sebagai peruntukan adalah anggaran terbaik perbelanjaan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi masa kini pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Peruntukan dikaji semula pada akhir setiap tahun pelaporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa terbaik.

**t. Cukai**

Cukai pendapatan syarikat subsidiari ke atas keuntungan atau kerugian untuk tahun semasa merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar untuk pendapatan boleh dicukai tahun semasa, dikira berdasarkan kadar cukai yang telah berkuat kuasa pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya menggunakan kaedah liabiliti bagi perbezaan sementara di antara asas-asas cukai bagi aset dan liabiliti serta nilai bawaan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf hanya setakat mana ianya boleh digunakan ke atas keuntungan masa hadapan yang boleh dicukai. Aset cukai tertunda dikaji semula pada akhir setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan sehingga ke tahap tiada lagi kemungkinan bahawa faedah cukai berkaitan akan direalisasikan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, elaun modal yang tidak diserap, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna hingga ke tahap terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia terhadap mana-mana perbezaan sementara boleh ditolak, elaun modal yang tidak diserap, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna, yang boleh digunakan.



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**t. Cukai (sambungan)**

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya ia wujud daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga selain kombinasi perniagaan yang pada masa tersebut, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan ataupun keuntungan boleh dicukai. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

**u. Manfaat kakitangan**

**i. Manfaat jangka pendek**

Upah, gaji, bonus dan caruman kepada institusi keselamatan sosial dan bayaran manfaat kepada kakitangan kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan akan menambahkan hak untuk pampasan ketidakhadiran akan datang dan pampasan ketidakhadiran yang tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

**ii. Pelan caruman tetap**

MAJLIS membuat caruman secara tetap kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi kakitangan bertaraf kontrak atau kakitangan bertaraf tetap yang tidak memilih skim perkhidmatan berpencen. Manakala, bagi kakitangan bertaraf tetap yang memilih skim perkhidmatan berpencen, caruman dibuat secara tetap kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

Syarikat subsidiari membuat caruman secara tetap kepada KWSP dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi kakitangannya, mengikut mana yang berkaitan. Kesemua caruman tersebut dicaj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

**iii. Manfaat selepas persaraan**

Pelan caruman terperinci ialah pelan persaraan yang mana Kumpulan mencarum secara tetap ke dalam entiti berasingan dan Kumpulan tiada kewajipan dari segi undang-undang atau kewajipan konstruktif untuk mencarum lagi sekiranya tabung tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar semua manfaat kakitangan yang berkaitan dengan perkhidmatan semasa dan sebelumnya. Caruman Kumpulan kepada pelan caruman terperinci iaitu, KWSP, PERKESO dan pelan caruman yang ditubuhkan khusus untuk pekhidmat kerajaan iaitu, KWAP, diambil kira di dalam Penyata Prestasi Kewangan pada tempoh berkenaan. Apabila caruman dibayar, Kumpulan tidak mempunyai sebarang tanggungan lagi. Manfaat kakitangan selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak diiktiraf apabila kakitangan tersebut menamatkan perkhidmatannya.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**u. Manfaat kakitangan (sambungan)**

**iii. Manfaat selepas persaraan (sambungan)**

Bagi kakitangan MAJLIS bertaraf tetap, sama ada memilih skim perkhidmatan berpencen ataupun tidak, yang telah sampai umur persaraan layak menerima manfaat berbentuk kewangan bagi menggantikan cuti rehat yang tidak diambil di sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Manfaat ini dinamakan sebagai Ganjaran Cuti Rehat (GCR) dikira berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan diterima pakai oleh MAJLIS. Manakala, bagi kakitangan MAJLIS bertaraf kontrak yang telah menamatkan perkhidmatan dengan memuaskan, layak menerima Ganjaran Kontrak (GK) yang dikira berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan diterima pakai oleh MAJLIS.

MAJLIS tidak mengklasifikasi GCR dan GK sebagai liabiliti dan hanya menyediakan peruntukan di dalam bajet tahunan. Pembayaran dibuat berdasarkan perbelanjaan sebenar dan diambil kira di dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku. Amalan ini tidak konsisten dengan piawaian yang diperuntukkan dalam MPSAS dan MAJLIS memilih untuk menyimpang daripada piawaian tersebut berdasarkan penjelasan pada para 2.a.i. di atas.

**v. Pengiktirafan hasil**

Hasil diiktiraf hingga ke tahap di mana wujudnya kemungkinan manfaat ekonomi dan potensi perkhidmatan, sama ada berkaitan dengan sesuatu urus niaga pertukaran atau urus niaga bukan pertukaran, akan mengalir kepada Kumpulan dan MAJLIS, dan hasil tersebut boleh dianggarkan dengan munasabah. Hasil dinilai pada nilai wajar balasan diterima menggunakan asas akruan, melainkan apabila akruan tersebut tidak boleh ditentukan dengan tahap kepastian yang munasabah atau apabila penganggarannya tidak praktikal. Hasil yang tidak boleh diakrukan, diiktiraf berdasarkan tunai yang diterima pada tarikh urus niaga.

Aliran masuk urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset, diiktiraf sebagai hasil setakat mana obligasi atau sekatan yang menyentuh aset tersebut diselesaikan. Sekiranya tidak selesai, aliran masuk tersebut diiktiraf sebagai tertunda dan diklasifikasikan sebagai liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan sehingga diselesaikan. Sekiranya, obligasi atau sekatan yang menyentuh aset tersebut selesai, amaun bawaan liabiliti dinyahiktiraf dan amaun yang sama diiktiraf sebagai hasil.

**i. Pungutan zakat**

Zakat ialah kadar tertentu daripada beberapa jenis harta yang wajib dikeluarkan kepada asnaf-asnaf yang berhak menerimanya mengikut Hukum Syarak. MAJLIS berkuasa memungut zakat yang kena dibayar oleh semua badan dan orang Islam di dalam Negeri Perak berdasarkan subsekyen 75(1) Enakmen Pentadbiran. Pungutan zakat diiktiraf apabila diterima.



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**v. Pengiktirafan hasil (sambungan)**

**ii. Sewaan hartanah**

Hasil sewaan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan secara terakru pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan yang diberikan, sekiranya ada, diiktiraf sama rata sepanjang tempoh pajakan sebagai pengurangan kepada jumlah hasil sewaan.

**iii. Hasil faraid**

Faraid ialah pembahagian harta pusaka selepas kematian seseorang yang beragama Islam seperti ditetapkan di bawah Hukum Syarak kepada ahli waris yang sah dan layak. MAJLIS menerima bahagian yang tidak dihabisi ahli waris dan diiktiraf apabila diterima.

**iv. Jualan buah kelapa sawit**

Pendapatan daripada jualan buah kelapa sawit diiktiraf oleh Kumpulan pada nilai saksama yang diperoleh, apabila risiko yang ketara dan pulangan hak milik telah berpindah kepada pembeli.

**v. Keuntungan deposit simpanan dan deposit bertempoh patuh syariah**

Pendapatan daripada hibah dan keuntungan ke atas deposit simpanan dan deposit bertempoh patuh syariah pada institusi-institusi kewangan berlesen diiktiraf oleh Kumpulan dan MAJLIS apabila diterima.

**vi. Keuntungan pelaburan**

Hasil dividen daripada pelaburan diiktiraf apabila hak untuk menerima dividen adalah pasti dan disahkan oleh Pendaftar Syarikat. Keuntungan atas urus niaga saham, sekuriti hutang, instrumen kewangan dan simpanan di pasaran wang diambil kira atas asas akruan.

**vii. Pendapatan daripada perkhidmatan pengurusan**

Pendapatan daripada perkhidmatan diiktiraf secara terakru oleh Kumpulan apabila perkhidmatan diberikan dan invois dikeluarkan, bersih setelah ditolak diskaun. Manakala, yuran pengurusan ladang-ladang pula diiktiraf berdasarkan asas amaun diterima atau akan diterima.

**viii. Pendapatan daripada perkhidmatan perubatan dan kesihatan**

Pendapatan daripada perkhidmatan profesional dan jualan ubat-ubatan diiktiraf semasa pelaksanaan perkhidmatan dan invois dikeluarkan kepada pelanggan, bersih setelah ditolak diskaun.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)****2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****w. Perbelanjaan dan kos pembiayaan**

Perbelanjaan diiktiraf dalam tempoh ia berlaku atau dikenakan.

Kos pembiayaan terdiri daripada caj keuntungan dan kos lain yang ditanggung oleh Kumpulan dan MAJLIS berhubung dana pembiayaan yang diterima. Kos pembiayaan diiktiraf menggunakan kadar pulangan efektif berdasarkan amaun yang telah dipersetujui dalam perjanjian pembiayaan.

**x. Aset dan liabiliti luar jangka**

Kumpulan dan MAJLIS tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya di dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka merupakan jangkaan obligasi disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya boleh disahkan sekiranya berlaku satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana ianya tidak dijangka dan akan menyebabkan aliran keluar sumber-sumber yang diperlukan bagi menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti luar jangka juga wujud bagi kes-kes yang jarang berlaku di mana liabiliti tidak boleh diiktiraf kerana ianya tidak dapat diukur secara munasabah.

Aset luar jangka merupakan aset disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya akan disahkan, sekiranya berlaku satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan. Kumpulan tidak akan mengiktiraf aset luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya apabila pengaliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan tetapi tidak pasti.



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN**

**KUMPULAN**

	Aset biologi penghasil RM	Tanah dan Bangunan RM	Kenderaan RM	Peralatan pejabat, lekapan dan lengkapkan RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>					
Pada 1 Januari 2019	36,478,765	65,253,289	4,485,210	21,627,747	127,845,011
Pengelasan	-	20,944	-	990,938	1,011,882
Pengelasan MFRS 141 (Nota 8)	21,681,053	-	-	-	21,681,053
Tambahan	-	14,225,985	91,148	1,052,647	15,369,780
Hapus kira	-	(1,610)	(99,087)	(135,000)	(235,697)
Pindahan daripada aset dalam kemajuan (Nota 7)	-	-	-	887,000	887,000
 Pada 31 Disember 2019/1 Januari 2020	 58,159,818	 79,498,608	 4,477,271	 24,423,332	 166,559,029
Pengelasan	-	(156,000)	-	44,290	(111,710)
Pengelasan MFRS 141 (Nota 8)	5,584,192	-	-	-	5,584,192
Tambahan	-	1,035,519	330,869	1,526,573	2,892,961
Hapus kira	-	-	(336,494)	306,809	(29,685)
Pindahan daripada aset dalam kemajuan (Nota 7)	-	13,645,477	-	-	13,645,477
 Pada 31 Disember 2020	 63,744,010	 94,023,604	 4,471,646	 26,301,004	 188,540,264
 <b>Susut nilai</b>					
Pada 1 Januari 2019;					
Susut nilai terkumpul	12,193,067	2,259,665	2,891,324	17,179,998	34,524,054
Susut nilai bagi tahun	2,183,473	889,984	514,236	2,341,745	5,929,439
Hapus kira	-	(41)	(99,086)	(94,500)	(193,627)
 Pada 31 Disember 2019/1 Januari 2020;	 14,376,540	 3,149,608	 3,306,474	 19,427,243	 40,259,865
Susut nilai terkumpul	2,594,153	1,092,201	455,240	2,272,661	6,414,255
Susut nilai bagi tahun	-	-	(336,493)	(392,969)	(729,462)
Hapus kira					
 Pada 31 Disember 2020;	 16,970,693	 4,241,809	 3,425,221	 21,306,935	 45,944,658
 <b>Amaun bawaan</b>					
Pada 31 Disember 2019	43,783,278	76,349,000	1,170,798	4,996,089	126,299,164
Pada 31 Disember 2020	46,773,317	89,781,795	1,046,425	4,994,069	142,595,606

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBWER 2020 (SAMBUNGAN)**

**3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)**

**MAJLIS**

	Tanah dan Bangunan RM	Kenderaan RM	Peralatan pejabat, lekapan dan lengkapan RM	Jumlah RM
<b><u>Kos</u></b>				
Pada 1 Januari 2019	3,521,816	2,453,479	3,117,103	9,092,398
Tambahan	4,535	91,148	216,777	312,460
Hapus kira	-	(99,087)	(135,000)	(234,087)
Pindahan daripada aset dalam kemajuan (Nota 7)	-	-	887,000	887,000
Pada 31 Disember 2019/1 Januari 2020	3,526,351	2,445,540	4,085,880	10,057,771
Tambahan	483	-	162,890	163,373
Hapus kira	-	(5,564)	(43,021)	(48,585)
Pindahan daripada aset dalam kemajuan (Nota 7)	13,645,477			13,645,477
Pada 31 Disember 2020	17,172,311	2,439,976	4,205,749	23,818,036
 <b><u>Susut nilai</u></b>				
Pada 1 Januari 2019;				
Susut nilai terkumpul	112,722	1,511,657	2,603,448	4,227,827
Susut nilai bagi tahun	340,664	346,723	296,705	984,092
Hapus kira	-	(99,086)	(94,500)	(193,586)
Pada 31 Disember 2019/1 Januari 2020	453,386	1,759,294	2,805,653	5,018,333
Susut nilai terkumpul	67,755	291,067	301,623	660,445
Susut nilai bagi tahun	-	(5,563)	(43,001)	(48,564)
Hapus kira				
Pada 31 Disember 2020	521,141	2,044,798	3,064,275	5,630,214
 <b><u>Amaun bawaan</u></b>				
Pada 31 Disember 2019	3,072,965	686,246	1,280,227	5,039,438
Pada 31 Disember 2020	16,651,170	395,178	1,141,474	18,187,822



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**4. HARTANAH PELABURAN**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Pada 1 Januari	92,089,789	96,193,931	70,285,516	73,933,493
Pengelasan	57,200	-	-	-
Perubahan dalam penilaian	(715,551)	(2,976,599)	(715,551)	(2,976,599)
Susut nilai	(1,127,044)	(1,127,543)	(670,877)	(671,378)
Pada 31 Disember	90,304,394	92,089,789	68,899,088	70,285,516

Termasuk di atas adalah:

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Pada kos/ nilai saksama;				
Tanah	74,339,847	75,318,365	57,336,854	58,539,712
Bangunan	15,964,547	16,771,424	11,562,234	11,745,804
	90,304,394	92,089,789	68,899,088	70,285,516

Nilai saksama hartaanah pelaburan yang diperoleh secara bukan pertukaran ditentukan menerusi penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, atau, oleh penilai-penilai bebas yang memegang kelayakan profesional yang diiktiraf, atau, menerusi pengalaman terkini pihak pengurusan terhadap lokasi serta kategori hartaanah yang dinilai pada tarikh pemerolehan. Nilai saksama yang didapati daripada mana-mana satu kaedah yang dinyatakan, merupakan kos anggapan bagi aset berkenaan.

Pendapatan sewaan yang dijana daripada hartaanah pelaburan berserta kos operasi langsung adalah seperti berikut:

	<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Pendapatan sewaan	2,179,244	2,317,541
Perbelanjaan operasi langsung	(1,078,942)	(968,202)

**5. ASET TAK KETARA**

**MAJLIS**

**Kos**

Pada 31 Disember	1,241,080	1,241,080
Tambahan dalam tahun	2,500	-
Pada 31 Disember	1,243,580	1,241,080

**Pelunasan terkumpul**

Pada 1 Januari	913,013	694,955
Pelunasan dalam tahun	210,958	218,058
Pada 31 Disember	1,123,971	913,013
Nilai buku bersih	119,609	328,067

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBWER 2020 (SAMBUNGAN)**

**6. MUHIBAH**

<b>KUMPULAN</b>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
<b>Kos</b> Pada 31 Disember	8,994,000	8,994,000

Muhibah yang dinyatakan pada kos, mewakili lebihan imbalan dan nilai saksama pegangan kepentingan terdahulu atas bahagian syarikat subsidiari dalam nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti kontingen yang dikenal pasti dalam syarikat-syarikat subsidiarinya pada tarikh pemerolehan.

Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos ditolak penjejasan nilai terkumpul, jika ada. Syarikat subsidiari memilih untuk menggunakan kaedah unit janaan tunai dalam melakukan ujian ke atas penjejasan nilai.

**7. ASET DALAM KEMAJUAN**

<b>Kos</b>	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Pada 1 Januari	17,751,627	18,618,769	16,768,835	17,299,370
Tambahan dalam tahun	5,655,045	1,062,381	5,240,498	356,465
Pengelasan	(811,237)	(1,011,882)	-	-
Tolak: Pindahan kepada harta tanah, loji dan peralatan	(13,645,477)	(887,000)	(13,645,477)	(887,000)
Tolak: Pelupusan	(103,799)	(30,640)	-	-
Pada 31 Disember	8,846,159	17,751,627	8,363,856	16,768,835

**8. PERBELANJAAN KEMAJUAN TANAMAN**

<b>KUMPULAN</b>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
<b>Kos</b>		
Pada 1 Januari	15,592,450	29,607,044
Tambahan dalam tahun	3,146,370	7,666,459
Pengelasan akaun	1,950	-
Pengelasan MFRS 141	(5,584,192)	(21,681,053)
Pada 31 Disember	13,156,578	15,592,450

[ DITUBUHKAN DI BAWAH ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004 ]



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**9. PELABURAN**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
<b>Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>Pelaburan di Malaysia:</b>				
Sukuk	23,599,310	22,457,492	-	-
Deposit pasaran wang	16,662,263	17,232,814	-	-
	<b>40,261,573</b>	<b>39,690,306</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>Aset kewangan sedia untuk dijual</b>				
<b>Pelaburan di Malaysia:</b>				
Saham tersiar harga	1,322,400	1,566,020	1,322,400	1,566,020
Unit amanah	13,011,669	12,932,164	13,011,669	12,932,164
Saham tak tersiar harga	8,199	8,199	8,199	8,199
	<b>14,342,268</b>	<b>14,506,383</b>	<b>14,342,268</b>	<b>14,506,383</b>
Pada 31 Disember	<b>54,603,841</b>	<b>54,196,688</b>	<b>14,342,268</b>	<b>14,506,383</b>
Keuntungan nilai saksama diiktiraf dalam rizab nilai saksama	<b>165,531</b>	<b>408,701</b>	<b>165,531</b>	<b>408,701</b>

**10. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI**

	<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pada harga kos:		
Saham tak tersiar harga	<b>20,000,000</b>	<b>20,000,000</b>

Butiran bagi syarikat subsidiari yang ditubuhkan di Malaysia adalah seperti berikut:

Nama	Tahun Ditubuhkan	Kegiatan Utama	Kepentingan efektif	
			<b>2020</b>	<b>2019</b>
PKEINPK Sdn. Bhd.	2012	Mengendalikan kerja-kerja pembangunan dan kemajuan dalam bidang pertanian, perumahan, pembuatan, perlombongan dan perdagangan	100%	100%

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**11. ASET CUKAI TERTUNDA**

<b>KUMPULAN</b>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Aset dan liabiliti cukai tertunda yang dikenal pasti (sebelum diimbangi) seperti berikut:		
- Aset cukai tertunda	10,879,346	11,409,622
- Liabiliti cukai tertunda	(1,069,585)	(1,731,814)
Bersih pada 31 Disember	<u>9,809,761</u>	<u>9,677,808</u>
Aset cukai tertunda yang dibentangkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan	<u>9,809,761</u>	<u>9,677,808</u>

**12. INVENTORI**

<b>KUMPULAN</b>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
<b>Kos</b>		
Baja dan bahan gunaan	153,892	397,885
Ubat dan peralatan perubatan	126,502	143,629
<b>Nilai saksama tolak kos jualan</b>		
Buah tandan segar	<u>9,393,125</u>	<u>7,518,936</u>
Pada 31 Disember	<u>9,673,519</u>	<u>8,060,450</u>

**13. PENGHUTANG**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Sewaan ruang pejabat Kompleks Islam Darul Ridzuan (KIDR)	121,161	21,911	121,161	21,911
Sewaan bangunan baitulmal	256,341	271,628	256,341	271,628
Sewaan tanah baitulmal	689,299	693,293	689,299	693,293
Penghutang perniagaan	4,628,067	4,114,668	-	-
	5,694,868	5,101,500	1,066,801	986,832
Tolak: Peruntukan hutang rugu	(57,021)	(114,312)	(28,738)	-
Tolak: Jangkaan kerugian kredit	(5,917)	(6,614)	-	-
Pada 31 Disember	<u>5,631,930</u>	<u>4,980,574</u>	<u>1,038,063</u>	<u>986,832</u>



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNCAN)**

**14. PELBAGAI PENGHUTANG**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pelbagai penghutang	2,111,854	2,883,729	167,399	163,944
Pendahuluan	2,805,304	358,372	141,377	57,558
Pinjaman kenderaan	270,539	311,223	270,539	311,223
Pinjaman komputer	77,293	84,939	77,293	84,939
Pengelasan akaun	156,000	-	-	-
	5,420,990	3,638,263	656,608	617,664
Tolak: Peruntukan hutang rugu	(467,280)	(467,280)	-	-
Pada 31 Disember	4,953,710	3,170,983	656,608	617,664

**15. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pelaburan dalam deposit bertempoh patuh syariah	154,800,000	158,485,994	154,800,000	158,462,696

**16. WANG TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Zakat	13,927,357	12,231,971	13,927,357	12,231,971
Sumber Am	15,022,718	3,277,553	11,348,702	1,399,554
Wakaf	2,801,209	3,855,493	2,801,209	3,855,493
Amanah	1,488,119	554,421	1,488,119	554,421
Akaun Pelbagai	2,229,074	1,926,481	2,229,074	1,926,481
Pada 31 Disember	35,468,477	21,845,919	31,794,461	19,967,920

**17. KUMPULAN WANG BAITULMAL**

<b>Dana:</b>	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Zakat	160,572,230	156,444,011	160,572,230	156,444,011
Wakaf	19,127,942	9,876,011	19,127,942	9,876,011
Sumber am	137,527,324	132,958,751	96,656,614	96,654,582
Amanah	15,686,886	12,809,217	15,686,886	12,809,217
Pada 31 Disember	332,914,382	312,087,990	292,043,672	275,783,821

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**18. RIZAB LAIN**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Rizab nilai saksama (Nota 9)	165,531	408,701	165,531	408,701
Rizab pemindahmiliki asset	161,338,240	161,338,240	-	-
Pada 31 Disember	161,503,771	161,746,941	165,531	408,701

Rizab pemindahmiliki asset merupakan rizab yang timbul daripada urusan pemindahmiliki asset-asset sedia ada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak kepada syarikat subsidiari, tanpa sebarang bayaran imbalan, menerusi perjanjian pemindahmiliki yang dimetrai pada 14 Februari 2013. Urusan pemindahmiliki asset-aset tersebut telah dianggap selesai pada 1 Mac 2013.

**19. PINJAMAN JANGKA PANJANG**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Baki pada 1 Januari	15,011,456	16,621,605	15,011,456	16,621,605
Tolak: Ansuran dibayar dalam tahun	(1,041,667)	(1,610,149)	(1,041,667)	(1,610,149)
	13,969,789	15,011,456	13,969,789	15,011,456
Ansuran perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	1,719,062	1,356,384	1,719,062	1,356,384
Ansuran perlu dibayar selepas tempoh 12 bulan	12,250,727	13,655,072	12,250,727	13,655,072
Pada 31 Disember	13,969,789	15,011,456	13,969,789	15,011,456

**20. PEMIUTANG**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Pemiutang perniagaan	2,373,501	1,692,004	-	-
Perbelanjaan pembangunan	6,234,035	9,291,222	6,234,035	9,291,222
Perbelanjaan mengurus	5,067,399	5,605,393	5,067,399	5,605,393
Pada 31 Disember	13,674,935	16,588,619	11,301,434	14,896,615



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**21. PELBAGAI PEMIUTANG**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Pelbagai pemiutang	2,398,033	2,733,057	396,227	540,352
Pertaruhan deposit	1,064,925	1,182,628	325,122	322,406
Bonus gaji terakru	457,988	843,715	-	-
Peruntukan pembahagian keuntungan	12,689,535	11,279,107	-	-
Pada 31 Disember	16,610,481	16,038,507	721,349	862,758

**22. PUNGUTAN ZAKAT**

	<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Zakat Fitrah	9,918,495	9,538,619
Zakat Harta	131,045,916	130,927,820
Zakat Perniagaan	49,546,824	58,853,531
Zakat Tanaman	1,122,345	2,315,801
	<b>191,633,580</b>	<b>201,635,771</b>

**23. PENGAGIHAN ZAKAT SECARA WAKALAH**

	<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Upahan langsung kepada amil/ ejen zakat	5,487,206	6,055,617
Agihan sendiri pembayar zakat kepada asnaf:		
– miskin	8,379,523	7,825,316
– ghorimin	3,594,564	4,217,528
– fisabilillah	8,215,674	7,891,646
	<b>25,676,967</b>	<b>25,990,107</b>

**24. PINDAHAN KEPADA DANA SUMBER AM (ASNAF AMIL)**

	<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Emolumen	12,214,691	11,518,565
Perkhidmatan dan bekalan	6,738,068	7,275,368
Inventori dan aset bernilai rendah	1,585,497	1,561,316
Perbelanjaan lain	1,358,960	1,030,461
Susut nilai	804,357	1,105,317
	<b>22,701,573</b>	<b>22,491,027</b>

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**25. PENGAGIHAN ZAKAT (ASNAF SELAIN AMIL)**

	<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Fakir dan Miskin	105,460,326	107,898,615
Muallaf	5,188,963	6,549,255
Ghorimin	661,537	903,860
Ibnu Sabil	463,638	444,565
Fisabilillah	30,571,554	32,871,411
	<b>142,346,018</b>	<b>148,667,706</b>

**26. PENDAPATAN OPERASI**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Sewaan hartaanah	2,179,244	2,317,541	2,179,244	2,317,541
Jualan buah kelapa sawit	39,632,650	25,959,506	-	-
Perkhidmatan perubatan dan kesihatan	8,065,461	5,864,981	-	-
	<b>49,877,355</b>	<b>34,142,028</b>	<b>2,179,244</b>	<b>2,317,541</b>

**27. PENDAPATAN-PENDAPATAN LAIN**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Sumbangan Kerajaan Negeri	435,553	250,000	435,553	250,000
Baitulmal am	596,398	339,248	596,398	339,248
Keuntungan pelaburan	1,165,636	1,526,974	3,665,636	4,326,974
Hasil faraid	337,933	286,367	337,933	286,367
Pelbagai pendapatan	4,058,113	3,043,141	2,499,226	1,555,071
Hibah simpanan semasa	1,619,895	2,512,940	35,173	76,727
	<b>8,213,528</b>	<b>7,958,670</b>	<b>7,569,919</b>	<b>6,834,387</b>

**28. PERBELANJAAN PENTADBIRAN**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Emolumen	20,519,895	19,280,576	15,662,593	14,566,066
Bekalan dan perkhidmatan	12,896,128	13,623,147	12,896,128	13,623,147
Perbelanjaan lain	4,995,970	4,002,272	1,653,369	1,400,385
Susut nilai	4,134,406	4,143,970	1,492,808	1,824,055
Peruntukan hutang ragu	28,738	-	28,738	-
	<b>42,575,137</b>	<b>41,049,965</b>	<b>31,733,636</b>	<b>31,413,653</b>



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**29. FISABILILLAH**

	<u>MAJLIS</u>	
	<u>2020</u>	<u>2019</u>
	RM	RM
Dermasiswa dan Bantuan Am Pelajaran	14,338,521	17,562,002
Bantuan Per Kapita Sekolah Agama Rakyat	4,983,960	4,925,056
Elaun guru kelas pengajian Al-Quran	1,750,129	1,653,086
Insentif mubaligh dan guru kelas Muallaf	2,510,434	2,719,699
Promosi dan dakwah zakat	1,023,541	530,888
Pembangunan Islam	865,000	1,724,000
Pembangunan modal insan	692,813	376,243
Bantuan bencana	1,791,064	315,240
Bantuan anak yatim	486,800	686,400
Sumbangan kepada pasukan keselamatan	56,317	45,762
Bantuan kepada Universiti Sultan Azlan Shah	300,000	300,000
Bantuan Fisabilillah yang lain	1,772,975	2,033,035
Agihan secara wakalah	8,215,674	7,891,646
	38,787,228	40,763,057

**30. DANA WAKAF**

Ini merupakan dana Kumpulan Wang Wakaf yang ditubuhkan di bawah subseksyen 34(1) Enakmen Wakaf. Pengkelasan harta wakaf sama ada Wakaf Am atau Wakaf Khas didaftarkan menurut subseksyen 7(3) Enakmen Wakaf.

	<u>MAJLIS</u>	
	<u>2020</u>	<u>2019</u>
	RM	RM
Wakaf khas	2,910,942	1,983,891
Wakaf am	6,390,461	434,718
Pada 31 Disember	9,301,403	2,418,609

**31. PENDEDADAHAN PIHAK BERKAITAN**

Bagi tujuan penyediaan penyata kewangan ini, pihak-pihak dianggap berkaitan dengan Kumpulan jika Kumpulan mempunyai kemampuan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal dan mempunyai pengaruh penting dalam membuat keputusan kewangan, atau sebaliknya. Pihak berkaitan mungkin terdiri daripada individu atau entiti-entiti lain.

Kumpulan mempunyai hubung kait secara langsung dengan syarikat subsidiari (Nota 11). Selain itu, pihak berkaitan juga merangkumi personel pengurusan utama didefinisikan sebagai mereka yang mempunyai kuasa atau tanggungjawab dalam merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Kumpulan secara langsung atau tidak langsung. Personel pengurusan utama termasuklah semua anggota MAJLIS, semua pengarah, ketua-ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai pengurusan utama Kumpulan dan MAJLIS.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBOK 2020 (SAMBUNGAN)**

**31. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
<b>(a) Syarikat subsidiari</b>				
Dividen	-	-	2,500,000	2,800,000
Pajakan tanah	830,000	830,000	680,000	530,000
Pendapatan lain	50,743	50,743	-	-
	<b>50,743</b>	<b>50,743</b>		
<b>(b) Personel pengurusan utama</b>				
Anggota MAJLIS dan Lembaga Pengarah	829,200	839,200	465,400	483,000
Pegawai pengurusan utama	3,062,538	2,591,359	1,106,632	1,000,502
	<b>3,062,538</b>	<b>2,591,359</b>	<b>1,106,632</b>	<b>1,000,502</b>

**32. PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN DAN PENYATAAN SEMULA MAKLUMAT PERBANDINGAN**

Susulan peralihan kepada pemakaian piawaian perakaunan MPSAS mulai 1 Januari 2019, MAJLIS telah membuat beberapa pindaan ke atas dasar-dasar perakaunan sedia ada secara berperingkat-peringkat selaras dengan relief pengecualian yang dibenarkan dalam tempoh peralihan sebagaimana dinyatakan pada perenggan 36-134 MPSAS 33. MAJLIS mengambil peluang ke atas pengecualian-pengecualian tersebut sewaktu menyediakan penyata kewangan semasa sehingga tempoh peralihan tersebut berakhir.

Sifat dan kesan daripada perubahan dasar-dasar perakaunan dan penyataan semula maklumat perbandingan diterangkan seperti berikut –

**(i) MPSAS 16 Hartanah Pelaburan – kaedah pengukuran selepas pengiktirafan awal berdasarkan model kos**

Pindaan kaedah pengukuran aset selepas pengiktirafan awal daripada model penilaian semula kepada model kos telah dilaksanakan mulai tahun kewangan 2019. Berdasarkan model kos, kesemua aset dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul mengikut dasar perakaunan yang dijelaskan pada perenggan 2.j. di atas.

Bagaimanapun, sehingga ke tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, hartaanah pelaburan tidak diperuntukkan susut nilai secara menyeluruh kerana pengukuran yang tepat tidak dapat dibuat berikutan maklumat usia guna yang belum dikemas kini sepenuhnya. Pelarasan susut nilai dalam tahun telah dibuat secara prospektif melibatkan sebahagian hartaanah yang telah dikenal pasti tempoh usia gunanya.



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**32. PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN DAN PENYATAAN SEMULA  
MAKLUMAT PERBANDINGAN (SAMBUNGAN)**

**(ii) Penyataan semula kesilapan secara retrospektif**

Pembetulan kesilapan asas bagi tahun 2018 dan 2019 melibatkan ketinggalan dalam pengiktirafan aset apabila perolehan yang dibuat bagi tahun-tahun berkenaan telah tersilap diiktiraf sebagai belanja. Selain itu, pelarasan juga dibuat bagi memperbetulkan kesilapan asas dalam memperuntukkan akruan bagi penghutang dan pemutang serta memperlakukan semula baki bank bagi tahun 2018 dan 2019.

Baki-baki akaun bagi tahun 2018 dan 2019 telah dinyatakan semula secara retrospektif berdasarkan MPSAS 3 seperti berikut –

	<b>2019</b>		<b>2018</b>	
	<b>Dinyatakan semula</b> <b>RM</b>	<b>Telah dinyatakan</b> <b>RM</b>	<b>Dinyatakan semula</b> <b>RM</b>	<b>Telah dinyatakan</b> <b>RM</b>
Hartanah, loji dan peralatan	5,039,438	5,299,948	4,864,571	4,864,571
Hartanah pelaburan	70,285,516	70,252,147	73,933,493	73,897,915
Aset dalam kemajuan	16,768,835	5,975,264	17,299,370	6,862,264
Penghutang	986,832	963,987	1,254,957	1,236,967
Pelbagai penghutang	617,664	913,262	472,364	767,963
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	158,462,696	158,300,000	158,607,724	158,450,000
Wang tunai di tangan dan di bank	19,967,920	19,938,140	11,566,762	11,564,807
Pemutang	14,896,615	16,758,587	15,564,353	17,238,478
Pelbagai pemutang	862,758	866,470	583,809	583,809

**(iii) Kesan kewangan berikutan perubahan dalam dasar-dasar perakaunan dan penyataan semula maklumat perbandingan**

Berikut dinyatakan penyesuaian Penyata Kedudukan Kewangan bagi (a) Kumpulan dan (b) MAJLIS pada 1 Januari 2019 dan 31 Disember 2019 berdasarkan pelarasan yang dijelaskan pada Nota 32(ii) di atas –

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**32. PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN DAN PENYATAAN SEMULA MAKLUMAT PERBANDINGAN (SAMBUNGAN)**

(iii) Kesan kewangan berikutan perubahan dalam dasar-dasar perakaunan dan penyataan semula maklumat perbandingan

	Pada 1.1.2019 (seperti dinyatakan sebelumnya) RM	Pelarasan berdasarkan Nota 32(ii) RM	Pada 1.1.2019 (dinyatakan semula) RM
<b>(a) Kumpulan</b>			
<b>Aset-aset</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	93,320,957	-	93,320,957
Hartanah pelaburan	96,158,354	35,577	96,193,931
Aset tak ketara	546,125	-	546,125
Muhibah	8,994,000	-	8,994,000
Aset dalam kemajuan	8,181,663	10,437,106	18,618,769
Perbelanjaan kemajuan tanaman	29,607,044	-	29,607,044
Pelaburan	52,593,557	-	52,593,557
Aset cukai tertunda	1,359,759	-	1,359,759
Inventori	4,274,141	-	4,274,141
Penghutang	4,048,187	17,990	4,066,177
Pelbagai penghutang	23,767,545	(295,598)	23,471,947
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	158,471,921	157,724	158,629,645
Wang tunai di tangan dan di bank	15,639,920	1,955	15,641,875
<b>Jumlah aset</b>	<b>496,963,173</b>	<b>10,354,754</b>	<b>507,317,927</b>
<b>Dana</b>			
Kumpulan wang baitulmal	285,501,081	12,028,879	297,529,960
Rizab lain	161,338,240	-	161,338,240
<b>Jumlah dana</b>	<b>446,839,321</b>	<b>12,028,879</b>	<b>458,868,200</b>
<b>Liabiliti-liabiliti</b>			
Pinjaman jangka panjang	15,011,456	-	15,011,456
Pinjaman jangka pendek	1,610,149	-	1,610,149
Pemutang	19,077,231	(1,674,126)	17,403,105
Pelbagai pemutang	14,425,016	-	14,425,016
<b>Jumlah liabiliti</b>	<b>50,123,852</b>	<b>(1,674,126)</b>	<b>48,449,726</b>
<b>Jumlah dana dan liabiliti</b>	<b>496,963,173</b>	<b>10,354,754</b>	<b>507,317,927</b>

[ DITUBUHKAN DI BAWAH ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004 ]



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBESER 2020 (SAMBUNGAN)**

**32. PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN DAN PENYATAAN SEMULA MAKLUMAT PERBANDINGAN (SAMBUNGAN)**

**(iv) Kesan kewangan berikutan perubahan dalam dasar-dasar perakaunan dan penyataan semula maklumat perbandingan (sambungan)**

Berikut dinyatakan penyesuaian Penyata Kedudukan Kewangan bagi (a) Kumpulan dan (b) MAJLIS pada 1 Januari 2019 dan 31 Disember 2019 berdasarkan pelarasan yang dijelaskan pada Nota 32(ii) di atas (sambungan) –

	<b>(a) Kumpulan</b>	<b>Pada</b> <b>31.12.2019</b> <b>(seperti</b> <b>dinyatakan</b> <b>sebelumnya)</b>	<b>Pelarasan</b> <b>berdasarkan</b> <b>Nota 32(ii)</b>	<b>Pada</b> <b>31.12.2019</b> <b>(dinyatakan</b> <b>semula)</b>
		<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>Aset-aset</b>				
Hartanah, loji dan peralatan	126,559,674	(260,510)	126,299,164	
Hartanah pelaburan	92,056,419	33,370	92,089,789	
Aset tak ketara	328,067	-	328,067	
Muhibah	8,994,000	-	8,994,000	
Aset dalam kemajuan	6,958,056	10,793,571	17,751,627	
Perbelanjaan kemajuan tanaman	15,592,450	-	15,592,450	
Pelaburan	54,196,688	-	54,196,688	
Aset cukai tertunda	9,677,808	-	9,677,808	
Inventori	8,060,450	-	8,060,450	
Penghutang	4,957,729	22,845	4,980,574	
Pelbagai penghutang	3,466,581	(295,598)	3,170,983	
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	158,323,298	162,696	158,485,994	
Wang tunai di tangan dan di bank	21,816,139	29,780	21,845,919	
<b>Jumlah aset</b>	<b>510,987,359</b>	<b>10,486,154</b>	<b>521,473,513</b>	
<b>Dana</b>				
Kumpulan wang baitulmal	299,736,152	12,351,838	312,087,990	
Rizab lain	161,746,941	-	161,746,941	
<b>Jumlah dana</b>	<b>461,483,093</b>	<b>12,351,838</b>	<b>473,834,931</b>	
<b>Liabiliti-liabiliti</b>				
Pinjaman jangka Panjang	13,655,072	-	13,655,072	
Pinjaman jangka pendek	1,356,384	-	1,356,384	
Pemutang	18,450,591	(1,861,972)	16,588,619	
Pelbagai pemutang	16,042,219	(3,712)	16,038,507	
<b>Jumlah liabiliti</b>	<b>49,504,266</b>	<b>(1,865,684)</b>	<b>47,638,582</b>	
<b>Jumlah dana dan liabiliti</b>	<b>510,987,359</b>	<b>10,486,154</b>	<b>521,473,513</b>	

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBESR 2020 (SAMBUNGAN)**

**32. PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN DAN PENYATAAN SEMULA MAKLUMAT PERBANDINGAN (SAMBUNGAN)**

**(vi) Kesan kewangan berikutan perubahan dalam dasar-dasar perakaunan dan penyataan semula maklumat perbandingan (sambungan)**

Berikut dinyatakan penyesuaian Penyata Kedudukan Kewangan bagi (a) Kumpulan dan (b) MAJLIS pada 1 Januari 2019 dan 31 Disember 2019 berdasarkan pelarasan yang dijelaskan pada Nota 32(ii) di atas (sambungan) –

	Pada 1.1.2019 (seperti dinyatakan sebelumnya) RM	Pelarasan berdasarkan Nota 32(ii) RM	Pada 1.1.2019 (dinyatakan semula) RM
	(b) MAJLIS		
<b>Aset-aset</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	4,864,571	-	4,864,571
Hartanah pelaburan	73,897,915	35,578	73,933,493
Aset tak ketara	546,125	-	546,125
Aset dalam kemajuan	6,862,264	10,437,106	17,299,370
Pelaburan dalam subsidiary	20,000,000	-	20,000,000
Pelaburan	14,335,406	-	14,335,406
Penghutang	1,236,967	17,990	1,254,957
Pelbagai penghutang	767,963	(295,599)	472,364
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	158,450,000	157,724	158,607,724
Wang tunai di tangan dan di bank	11,564,807	1,955	11,566,762
<b>Jumlah aset</b>	<b>292,526,018</b>	<b>10,354,754</b>	<b>302,880,772</b>
<b>Dana</b>			
Kumpulan wang baitulmal	258,082,126	12,028,880	270,111,005
Rizab lain	-	-	-
<b>Jumlah dana</b>	<b>258,082,126</b>	<b>12,028,880</b>	<b>270,111,005</b>
<b>Liabiliti-liabiliti</b>			
Pinjaman jangka panjang	15,011,456	-	15,011,456
Pinjaman jangka pendek	1,610,149	-	1,610,149
Pembiutang	17,238,478	(1,674,126)	15,564,353
Pelbagai pembiutang	583,809	-	583,809
<b>Jumlah liabiliti</b>	<b>34,443,892</b>	<b>(1,674,126)</b>	<b>32,769,767</b>
<b>Jumlah dana dan liabiliti</b>	<b>292,526,018</b>	<b>10,354,754</b>	<b>302,880,772</b>



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBESR 2020 (SAMBUNGAN)**

**32. PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN DAN PENYATAAN SEMULA  
MAKLUMAT PERBANDINGAN (SAMBUNGAN)**

**(vi) Kesan kewangan berikutan perubahan dalam dasar-dasar perakaunan dan  
penyataan semula maklumat perbandingan (sambungan)**

Berikut dinyatakan penyesuaian Penyata Kedudukan Kewangan bagi (a) Kumpulan dan (b) MAJLIS pada 1 Januari 2019 dan 31 Disember 2019 berdasarkan pelarasian yang dijelaskan pada Nota 32(ii) di atas (sambungan) –

<b>(b) MAJLIS</b>	<b>Pada 31.12.2019 (seperti dinyatakan sebelumnya)</b>	<b>Pelarasian berdasarkan Nota 32(ii)</b>	<b>Pada 31.12.2019 (dinyatakan semula)</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>Aset-aset</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	5,299,948	(260,510)	5,039,438
Hartanah pelaburan	70,252,146	33,370	70,285,516
Aset tak ketara	328,067	-	328,067
Aset dalam kemajuan	5,975,264	10,793,571	16,768,835
Pelaburan dalam subsidiari	20,000,000	-	20,000,000
Pelaburan	14,506,383	-	14,506,383
Penghutang	963,987	22,845	986,832
Pelbagai penghutang	913,262	(295,598)	617,664
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	158,300,000	162,696	158,462,696
Wang tunai di tangan dan di bank	19,938,140	29,780	19,967,920
<b>Jumlah aset</b>	<b>296,477,197</b>	<b>10,486,154</b>	<b>306,963,351</b>
<b>Dana</b>			
Kumpulan wang baitulmal	263,431,983	12,351,838	275,783,821
Rizab lain	408,701	-	408,701
<b>Jumlah dana</b>	<b>263,840,684</b>	<b>12,351,838</b>	<b>276,192,522</b>
<b>Liabiliti-liabiliti</b>			
Pinjaman jangka panjang	13,655,072	-	13,655,072
Pinjaman jangka pendek	1,356,384	-	1,356,384
Pemutang	16,758,587	(1,861,972)	14,896,615
Pelbagai pemutang	866,470	(3,712)	862,758
<b>Jumlah liabiliti</b>	<b>32,636,513</b>	<b>(1,865,684)</b>	<b>30,770,829</b>
<b>Jumlah dana dan liabiliti</b>	<b>296,477,197</b>	<b>10,486,154</b>	<b>306,963,351</b>

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**33. NILAI SAKSAMA ASET DAN LIABILITI KEWANGAN**

Instrumen kewangan merangkumi aset kewangan, liabiliti kewangan dan juga instrumen yang tidak dicatat dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Nilai saksama adalah jumlah yang membolehkan instrumen itu ditukarkan atau liabiliti diselesaikan antara pihak-pihak yang berpengetahuan dan bersetuju melaksanakan urus niaga secara telus. Penilaian instrumen kewangan ditentukan dengan merujuk kepada sebutan harganya dalam pasaran aktif atau menggunakan teknik-teknik penilaian berdasarkan input pemerhatian dan bukan pemerhatian. Pertimbangan pengurusan digunakan dalam memilih dan mengguna pakai parameter bersesuaian, andaian dan teknik-teknik permodelan yang berkaitan berlandaskan kepada pematuhan Hukum Syarak. Maklumat yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini adalah anggaran nilai saksama pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Nilai saksama instrumen kewangan Kumpulan dan MAJLIS yang merangkumi tunai dan kesetaraan tunai, deposit dan simpanan di bank serta institusi kewangan lain termasuklah pinjaman jangka pendek adalah tidak begitu sensitif dengan perubahan dalam kadar keuntungan pasaran disebabkan tempoh matang yang terhad bagi instrumen kewangan tersebut. Oleh itu, jumlah dibawa bagi aset dan liabiliti kewangan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dianggap hampir menyamai nilai saksama.

Nilai saksama adalah berdasarkan kaedah dan andaian seperti berikut –

**(a) Deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan lain**

Bagi kesemua deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan lain atau apa-apa instrumen kewangan lain yang mempunyai risiko kredit yang serupa, jumlah dibawa adalah dianggap anggaran munasabah bagi nilai saksama.

**(b) Aset kewangan dipegang untuk dagangan dan aset kewangan sedia untuk dijual**

Anggaran nilai saksama secara amnya berdasarkan kepada harga pasaran disebut harga dan boleh diperhatikan. Jika, tidak terdapat pasaran tersedia bagi sekuriti tertentu, nilai saksama dianggarkan dengan merujuk kepada kadar pulangan indikatif pasaran atau aset ketara bersih syarikat dalam mana pelaburan itu dibuat.

**(c) Pembiayaan**

Nilai saksama adalah berdasarkan amaun yang dipersetujui dalam kontrak perjanjian pembiayaan yang dimasuki, yang mewakili jumlah dibawa, selepas ditolak kerugian penjejasan nilai, jika ada, yang merupakan jumlah yang akan diperoleh.

**(d) Deposit daripada pelanggan**

Nilai saksama bagi deposit ini dianggap hampir menyamai jumlah dibawa kerana bersifat jangka pendek.

**(e) Bil dan penerimaan belum bayar**

Anggaran nilai saksama bagi kesemua bil dan penerimaan belum bayar dianggap hampir menyamai jumlah yang dibawa.



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**34. DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN**

Risiko adalah sebahagian daripada komponen perniagaan dan pengoperasian Kumpulan. Pengurusan risiko penting dalam mengimbangi tahap-tahap risiko yang perlu diambil selaras dengan tahap ganjaran yang diharapkan, dan, pada masa yang sama, mengekalkan serta mengukuhkan kedudukan kewangan dan dana Kumpulan. Pihak pengurusan akan terus memantapkan rangka kerja pengurusan risiko secara lebih berkesan dan berhemat untuk disepadukan dalam urusan kerja dan perniagaan bagi memberi lebih nilai kepada Kumpulan. Kumpulan terdedah kepada risiko-risiko berikut yang timbul daripada pelaburan dalam instrumen-instrumen kewangan –

**(a) Risiko kredit**

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan kepada Kumpulan jika pelanggan atau rakan niaga kepada instrumen kewangan gagal memenuhi obligasi mereka. Pendedahan Kumpulan kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada pelaburan dalam instrumen-instrumen kewangan dan penghutang perniagaan. Pendedahan juga timbul daripada pinjaman dan pendahuluan kepada subsidiari dan jaminan kewangan yang diberikan kepada bank untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada subsidiari.

**(i) Pelaburan dalam instrumen kewangan**

Risiko pelaburan yang timbul daripada urus niaga dan aktiviti-aktiviti pelaburan dipantau dengan menyediakan garis panduan bagi had pelaburan yang dibenarkan bagi instrumen yang diterbitkan oleh mana-mana entiti persendirian.

Pelaburan dibenarkan hanya untuk sekuriti mudah cair dan hanya dengan rakan niaga yang mempunyai penarafan kredit yang sama atau lebih baik daripada Kumpulan.

**(ii) Penghutang perniagaan**

Pengurusan Kumpulan mempunyai dasar pengurusan kredit di mana pendedahan kepada risiko kredit dipantau secara berterusan. Penilaian kredit dilaksanakan terhadap kesemua pelanggan yang memohon kredit bagi jumlah dan jangka masa tertentu, yang pada kelazimannya, jaminan kewangan diberikan oleh pihak bank, pemegang saham atau lembaga pengarah pelanggan.

Pada akhir tempoh pelaporan, pendedahan maksimum kepada risiko kredit yang timbul daripada penghutang diwakili oleh jumlah bawaan dalam penyata kedudukan kewangan.

Pihak pengurusan telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan jumlah penghutang yang belum melebihi tempoh kredit atau belum dijejas nilai dinyatakan pada nilai boleh realis. Sebahagian besar jumlah penghutang adalah pelanggan tetap yang telah berurus niaga dengan Kumpulan. Kumpulan menggunakan analisis pengumuran untuk memantau kualiti kredit penghutang. Sebarang penghutang yang mempunyai baki tertunggak yang signifikan melebihi 60 hari dianggap mempunyai risiko kredit yang lebih tinggi, dipantau secara khusus.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**34. DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

**(a) Risiko kredit (sambungan)**

**(ii) Penghutang perniagaan (sambungan)**

Pengumuran penghutang perniagaan pada akhir tempoh pelaporan adalah seperti berikut –

<b>Kumpulan</b>	<b>Peratus jangkaan kerugian</b>	<b>Peruntukan hutang rugu</b>		<b>Penjejasan nilai</b>	<b>Bersih</b>
		<b>Kasar</b>	<b>RM</b>		
<b>2020</b>	<b>%</b>				
0 – 30 hari	1	4,426,522	-	(4,167)	4,422,355
31 – 91 hari	1	150,708	-	(1,507)	149,201
01 – 360 hari	1	24,276	-	(243)	24,033
Melebihi 360 hari	1	26,559	(28,281)	-	(1,722)
		4,628,065	(28,281)	(5,917)	4,593,867
<b>2019</b>					
0 – 30 hari	1	3,701,074	-	(3,762)	3,697,312
31 – 91 hari	1	276,142	-	(2,638)	273,504
91 – 180 hari	1	16,945		(169)	16,776
01 – 360 hari	1	4,494	-	(45)	4,449
Melebihi 360 hari	1	116,013	(114,313)	-	1,700
		4,114,668	(114,313)	(6,614)	3,993,741

**(b) Risiko pasaran**

Risiko pasaran adalah risiko perubahan harga dan kadar pasaran yang boleh mempengaruhi kedudukan kewangan atau aliran tunai Kumpulan. Perubahan yang signifikan atau mendadak boleh menjelaskan kedudukan kecairan atau dana Kumpulan. Kumpulan terdedah kepada risiko pasaran apabila berlaku kemerosotan pasaran saham yang mengakibatkan penurunan nilai saham yang dipegang. Bagi menangani risiko ini, Kumpulan mempelbagai portfolio pelaburan kepada saham-saham amanah, instrumen pelaburan berisiko rendah dan deposit bertempoh.

**(c) Risiko kecairan**

Risiko kecairan adalah risiko di mana Kumpulan tidak mempunyai sumber kewangan yang cukup untuk memenuhi obligasi kewangan apabila bayaran atau penyelesaian obligasi perlu dilaksanakan pada masanya. Risiko ini boleh berlaku disebabkan ketidaksepadanan masa antara keperluan memenuhi obligasi dengan ketersediaan aliran tunai. Pendedahan Kumpulan terhadap risiko kecairan timbul terutamanya daripada pembiutang perniagaan dan deposit.



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**34. DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

**(c) Risiko kecairan (sambungan)**

Pengurusan kecairan dilaksanakan dengan memastikan tahap tunai dan kesetaraan tunai serta kemudahan pembiayaan yang mencukupi bagi membolehkan Kumpulan mengekalkan kedudukan kecairan yang kukuh serta mengurus profil kecairan aset, liabiliti dan komitmennya bagi memastikan aliran tunai seimbang dan kesemua obligasi dapat dipenuhi apabila tiba masanya.

**(d) Risiko ketidakpatuhan syariah**

Risiko ketidakpatuhan syariah timbul apabila sekuriti-sekuriti patuh syariah yang dimiliki oleh Kumpulan di dalam portfolio pelaburan patuh syariah bertukar status kepada tidak patuh syariah berdasarkan penilaian semula oleh Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

**35. KOMITMEN MODAL**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAJLIS</b>	
	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Dikontrakkan tetapi belum diakaunkan;				
– Hartanah, loji dan peralatan	25,000,000	262,465	-	-
– Pelaburan harta tanah	-	1,039,411	-	-
– Perbelanjaan pembangunan ladang	2,039,697	6,295,608	-	-
– Kos pembangunan harta tanah	158,400	-	-	-
	<b>27,198,097</b>	<b>7,597,484</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
Diluluskan tetapi belum dikontrakkan;				
– Hartanah, loji dan peralatan	1,508,310	816,762	-	-
– Pelaburan harta tanah	1,000,000	-	-	-
– Perbelanjaan pembangunan ladang	1,407,645	-	-	-
– Kos pembangunan harta tanah	3,724,000	-	-	-
	<b>7,639,955</b>	<b>816,762</b>	<b>-</b>	<b>-</b>

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)****36. PERISTIWA PENTING**

Penularan pandemik Covid-19 telah mengakibatkan krisis global yang memberi kesan rantaian sejagat bukan sahaja dalam isu keselamatan dan kesihatan malah memberi kesan signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi sedunia. Kebanyakan sektor ekonomi terjejas dengan begitu ketara dan mengalami penguncupan pada tahun 2020 termasuk Malaysia.

Langkah pembendungan tegas yang diamalkan oleh Kerajaan terutamanya sekatan pergerakan merentas sempadan dan kesan penjarakan fizikal telah menjelaskan pertumbuhan ekonomi. Kebanyakan sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan lemah akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan diikuti PKP Bersyarat dan PKP Pemulihan secara berperingkat. Selain itu, Kerajaan juga melaksanakan Prosedur Operasi Standard (SOP) khusus mengikut sektor tertentu dalam usaha membendung penularan pandemik Covid-19 dan pada masa yang sama merangsang pemulihan ekonomi. Meskipun, keadaan semakin pulih, dengan kelonggaran sekatan pergerakan secara beransur-ansur, namun, masih wujud ketidakpastian yang tinggi terhadap trajektori pertumbuhan dan penilaian inflasi pada masa hadapan, dan sentimen ini turut dirasai seluruh negara.

Susulan inisiatif pemulihan ekonomi yang dilancarkan Kerajaan seperti Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), Kita Prihatin (Pakej Rangsangan Ekonomi Kita Prihatin), Permai (Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia) dan Bajet 2021 termasuklah Pelan Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, negara kini berada pada landasan pemulihan dan dijangka memberi impak positif pada masa hadapan.

Namun, selepas tarikh lembaran imbangan, negara masih belum terlepas daripada penularan pandemik Covid-19. Berikutan itu, impak ketidaktentuan ekonomi terhadap tinjauan dan prospek MAJLIS pada masa hadapan tidak dapat dianggarkan dengan munasabah. Bagaimanapun, MAJLIS akan terus memantau dan mengikuti perkembangan situasi pandemik Covid-19 serta menilai impaknya, jika ada, yang berkemungkinan bakal memberi kesan terhadap persembahan penyata kewangan tahun 2021.



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat Berteguran**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan. Penyata Kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan Zakat, Penyata Prestasi Kewangan Wakaf, Penyata Prestasi Kewangan Sumber Am Baitulmal, Penyata Perubahan Dana Bersih, Penyata Pungutan dan Agihan Zakat Sebenar serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 64 hingga 118.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

**Asas Kepada Pendapat Berteguran**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

**a. Hartanah, Loji dan Peralatan**

Baki hartanah, loji dan peralatan pada tahun 2020 adalah termasuk kos bangunan Asrama Universiti Sultan Azlan Shah berjumlah RM13,645,477. Bangunan Asrama Universiti Sultan Azlan Shah ini telah sedia digunakan pada tahun 2017. Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan tidak merekodkan susut nilai bangunan berjumlah RM818,730 sejak tahun 2017 menyebabkan nilai bangunan tersebut telah terlebih nyata dengan jumlah yang sama.

### **b. Hartanah Pelaburan**

Baki harta tanah pelaburan adalah termasuk lapan lot tanah yang telah dilupuskan dengan nilai RM480,375 berbanding kos tanah RM22,606. Perkara ini menyebabkan tanah tersebut telah terlebih dilupuskan dan menjadikan harta tanah pelaburan terkurang nyata sejumlah RM457,769.

### **c. Aset Dalam Kemajuan**

- i. Bayaran perunding bagi dua projek iaitu Pembinaan Pejabat Pentadbiran Daerah Teluk Intan dan Pembinaan Pusat Hemodialisis Wakaf di Manjung berjumlah RM358,813 tidak direkodkan sebagai aset dalam kemajuan. Perkara ini menyebabkan aset dalam kemajuan terkurang nyata dengan jumlah yang sama.
- ii. Bayaran bagi projek pembinaan Blok Pentadbiran dan Asrama Sekolah Menengah Agama Rakyat Orang Asli Nurul Hidayah, Kampung Kenang Baru adalah berjumlah RM4,103,756. Bagaimanapun, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan hanya mengiktiraf sejumlah RM3,189,735 menyebabkan aset dalam kemajuan sejumlah RM914,021 terkurang nyata.

### **d. Penghutang**

Termasuk dalam jumlah penghutang adalah tiga penghutang jualan tanah berjumlah RM121,901 yang telah dibatalkan menyebabkan penghutang terlebih nyata dengan jumlah yang sama.

### **Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Majlis, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### Tanggungjawab Anggota Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Anggota Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan, Anggota Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai perseimbahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan termasuk pendedahannya dan sama ada Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, saya juga melaporkan:

- a. Syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya telah dinyatakan di Nota 10 dalam penyata kewangan.
- b. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 untuk disimpan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

### Hal-hal Lain

Saya ingin menarik perhatian terhadap kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan isu kawalan dalaman dan teknologi maklumat berkaitan dengan sistem perakaunan dan kewangan yang diguna pakai seperti dalam Surat Pengurusan. Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan disarankan untuk menangani isu kawalan kualiti bagi memastikan penyata kewangan adalah tepat dan betul. Isu kawalan dalaman perlu diambil tindakan untuk mengurangkan risiko fraud dan salah nyata. Antara isu yang dibangkitkan meliputi perbezaan baki antara imbalan duga dan lejar, perbezaan amaun perbelanjaan antara laporan prestasi perbelanjaan dan lejar, ketiadaan maklumat baucar bayaran dalam lejar am dan perbelanjaan tanpa peruntukan.

Sijil ini dibuat untuk Anggota Majlis berdasarkan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



**(AZUNAN BIN DAUD C.A (M))**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA  
8 OKTOBER 2021



### PENYATA ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK

Kami, **Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini** dan **Toh Seri Lela Paduka Dr. Khalid bin Ismail**, yang merupakan dua orang Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAJLIS), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan Penyata Prestasi Kewangan Zakat, Penyata Prestasi Kewangan Wakaf, Penyata Prestasi Kewangan Sumber Am Baitulmal, Penyata Perubahan Dana Bersih dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini, berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan MAJLIS pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya, serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak MAJLIS, selaras dengan ketetapan Persidangan MAJLIS Kali Ke-217 bertarikh 22 April 2021.



**DATO' SERI MOHD. ANNUAR BIN ZAINI**  
Yang Dipertua



**TOH SERI LELA PADUKA DR. KHALID BIN ISMAIL**  
Anggota MAJLIS

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS  
PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

Saya, **Shahrul Azam bin Shaari**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dengan ikhlas mengakui bahawa, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan Zakat, Penyata Prestasi Kewangan Wakaf, Penyata Prestasi Kewangan Sumber Am Baitulmal, Penyata Perubahan Dana Bersih dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini, berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa, ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama )  
di atas, **Shahrul Azam bin Shaari, No. Kad** )  
**Pengenalan 730818-08-5085, di Ipoh, Perak Darul** )  
**Ridzuan,** ) .....


pada **23 APR 2021**

Dihadapan saya ;



SHIMA & CO  
Peguambela & Peguamcara  
14A, Jalan Meru Bestari A4  
Medan Meru Bestari, Bandar Meru Raya  
30020 Ipoh, Perak.  
Tel: 05-525 3534

جامعة السلطان محمد الخامس



جامعة السلطان محمد الخامس  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK



# PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

---

# PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

## PENGENALAN

Penyataan ini disediakan berpandukan Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman - Garis Panduan bagi Pengarah Penerbit Tersenarai (Garis Panduan) yang dikeluarkan pada 31 Disember 2012. Garis Panduan ini memberi panduan kepada syarikat-syarikat bagi mematuhi perenggan 15.26(B) Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia dan Prinsip 6 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang dikeluarkan pada Mac 2012. Sebagai sebuah badan berkanun, tidak ada keperluan bagi Pengurusan MAIPk untuk mematuhi garis panduan tersebut. Bagaimanapun, Pengurusan MAIPk berpegang teguh kepada ketetapan untuk mengikuti amalan tadbir urus yang baik dan telah memilih untuk mematuhi mengikut framework pelaporan Pengurusan MAIPk. Penyataan ini menggariskan jenis dan skop sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Pengurusan MAIPk sepanjang tahun kewangan dalam tinjauan ini.

## TANGGUNGJAWAB DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN


MAIPk menetapkan hala tuju strategik keseluruhan Pengurusan MAIPk, MAIPk memainkan peranan fungsi pengawasan dan memastikan pengurusan mempunyai sistem pengurusan risiko yang berkesan dan sistem kawalan dalaman yang mantap bagi mengekalkan tadbir urus yang baik.

MAIPk bertanggungjawab ke atas pengawasan risiko utama dan menitikberatkan pengurusan risiko di setiap operasi dan proses Pengurusan MAIPk. MAIPk juga memperakui bahawa sistem kawalan dalaman yang mantap dapat memastikan pencapaian objektif Pengurusan MAIPk tidak terjejas, operasi yang berkesan dan cekap, pelaporan kewangan yang andal, pematuhan ketat terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai serta perlindungan aset Pengurusan MAIPk yang wajar. MAIPk memperakui sistem kawalan dalaman yang direka bentuk oleh Pengurusan MAIPk adalah bertujuan untuk menangani dan mengurangkan risiko yang boleh memberi impak kepada pencapaian mandat dan objektif Pengurusan MAIPk.

Semakan terhadap keberkesanan, integriti dan kesempurnaan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Pengurusan MAIPk merupakan satu proses bersepadu dan berterusan. Proses ini melibatkan Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Pengurusan Audit Dalaman dan Khidmat Perundingan serta Juruaudit Luaran.

## RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Rangka kerja Pengurusan Risiko Pengurusan MAIPk adalah berasaskan amalan terbaik Piawaian bagi Risiko Australia / New Zealand (AS/NZS 4360:2004). Rangka kerja Pengurusan Risiko menggariskan tadbir urus dan struktur, proses serta tanggungjawab pengurusan risiko di seluruh Pengurusan MAIPk. Rangka kerja ini juga memberi satu instrumen untuk membuat unjuran dan mengurus kedua-dua risiko sedia ada dan yang berpotensi dengan mengambil kira perubahan dalam persekitaran operasi luaran dan dalaman Pengurusan MAIPk.



Struktur pengawasan Pengurusan Risiko memastikan bahawa aktiviti-aktiviti pengurusan risiko kekal sesuai dan berhemah dan risiko utama diurus dan dipantau secara berterusan menurut kecenderungan risiko Pengurusan MAIPk.

Unit Perancangan Strategik dan Risiko juga bertindak sebagai sekretariat kepada Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Sebagai sekretariat, Unit Perancangan Strategik dan Risiko bertanggungjawab bagi pembangunan, pelaksanaan dan penyenggaraan polisi dan prosedur pengurusan risiko. Unit Perancangan Strategik dan Risiko menyokong pengurusan dengan menjalankan aktiviti pengurusan risiko, menyediakan penilaian keupayaan pengurusan risiko dan memberi cadangan yang sesuai bagi penambahbaikan, jika diperlukan.



## ULASAN KEBERKESANAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

### JAWATANKUASA

MAIPk telah menubuhkan beberapa jawatankuasa-jawatankuasa yang bertindak dan mengamalkan tadbir urus yang baik, telus dan berakauntabiliti serta berintegriti. Setiap jawatankuasa memainkan peranan sebagai pandu arah, pemantau dan menyediakan khidmat nasihat kepada operasi agar bergerak pada landasan dasar dan polisi yang telah ditetapkan MAIPk. Jawatankuasa-jawatankuasa yang terlibat secara langsung dengan kawalan dalaman adalah Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Audit. Namun terdapat juga jawatankuasa-jawatankuasa kerja induk yang terlibat secara tidak langsung dengan kawalan dalaman seperti Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Akaun, Jawatankuasa Tender, Jawatankuasa Lantikan dan Jawatankuasa Tatatertib.

### Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Peranan utama Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah membantu pengurusan dalam memastikan kelancaran dan keteguhan kerangka kerja pengurusan risiko bagi mendepani segala rintangan untuk mencapai objektif organisasi. Terma Rujukan dan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Pengurusan Risiko dijelaskan secara terperinci di muka surat 130 pada Laporan Tahunan ini.

### Jawatankuasa Audit

Peranan utama Jawatankuasa Audit adalah menilai keperluan dan keberkesanannya kerangka kerja kawalan dalaman Pengurusan MAIPk termasuklah memastikan perlaksanaan polisi kawalan, dan memantau integriti kawalan dalaman serta sistem pengurusan informasi menerusi fungsi Audit Dalam. Pada masa yang sama, jawatankuasa menyelia laporan kewangan Pengurusan MAIPk bagi memastikan ia dibentang dengan tepat dan menggambarkan status prestasi kewangan Pengurusan MAIPk yang sebenar serta mematuhi undang-undang dan kehendak standard penyediaan laporan kewangan.

### PENGURUSAN

Pihak Pengurusan mengambil maklum bahawa tanggungjawab mereka dalam melaksanakan proses mengenalpasti, menilai, memantau dan melaporkan risiko serta kawalan dalaman memerlukan ketelitian dan masa bagi langkah pembetulan yang perlu diambil.

Pengurusan memberi jaminan kepada MAIPk bahawa pengurusan risiko dan kawalan dalaman diuruskan dengan baik dan berkesan. Pengurusan telah melaksanakan proses-proses yang diperlukan seperti:

- Mengenalpasti dan menganalisa insiden risiko di MAIPk dan menilai pencapaian objektif serta menetapkan strategi,
- melaksana kerangka kerja pengurusan risiko dan memantau agar tersusun mengikut strategi ditetapkan,
- Mengenalpasti perubahan akibat kewujudan risiko, mengambil tindakan yang sewajarnya serta segera mendapatkan perhatian MAIPk.

#### a. Persekutaran Kawalan

Persekutaran kawalan adalah merujuk kepada struktur organisasi dan budaya kerja yang diterapkan oleh Pengurusan MAIPk bersama pekhidmat-pekhidmat untuk mengekalkan sokongan organisasi terhadap kawalan dalaman yang efektif. Komitmen Pengurusan MAIPk untuk membina dan mengekalkan keberkesanannya kawalan dalaman adalah melalui struktur organisasi, jawatankuasa-jawatankuasa kerja, nilai korporat (muafakat, akrab, integriti, profesionalisme dan kesederhanaan), etika kerja, objektif organisasi dan polisi-polisi yang ditetapkan.

#### b. Penilaian Risiko

Penilaian Risiko adalah proses mengenalpasti dan menganalisa risiko yang mengganggu gugat usaha merealisasikan objektif organisasi. Mengurus risiko adalah tanggungjawab bersama. Oleh itu, proses-proses interaksi melibatkan langkah-langkah yang teliti dan teratur sentiasa dititikberatkan dalam setiap keputusan atau ketetapan yang hendak diputuskan. Pekhidmat juga dibenarkan dan digalakkan agar mengenalpasti risiko di persekitaran tempat kerja masing-masing. Malah, pekhidmat diminta menilai tahap keberkesanannya kawalan dalaman yang dipraktiskan.

#### c. Aktiviti Kawalan

Yang dimaksudkan oleh aktiviti kawalan adalah merujuk kepada prosedur yang membantu Pengurusan melaksanakan tanggungjawab dengan lancar dan baik.

#### d. Informasi dan Komunikasi

Maklumat-maklumat penting yang dikenalpasti, diambil perhatian dan dibincangkan dalam medium yang bersesuaian. Walaupun tidak menjadi polisi komunikasi yang rasmi, MAIPk mengamalkan komunikasi secara terbuka. Komunikasi terbuka ini

adalah budaya yang mampu memotivasi pekhidmat untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Dimensi-dimensi komunikasi diterap dengan baik bagi memastikan keperluan dan kehendak pelanggan dapat ditangani serta memperlihatkan komunikasi yang berkesan. Dengan itu, maklumbalas tahap perkhidmatan juga adalah dialu-alukan demi proses penambahbaikan perkhidmatan.

#### e. Pemantauan

Memantau keberkesanan kawalan dalaman adalah satu kewajiban bagi setiap jabatan. Penilaian secara berkala dilaksanakan sebagai komitmen berterusan termasuklah pelaporan kewangan setiap suku tahun, pelaporan pencapaian petunjuk prestasi utama serta pelaporan etika dan tingkah laku semua pekhidmat.

## LAPORAN JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

### KEAHLIAN

Keahlian Jawatankuasa adalah dilantik oleh MAIPk dari kalangan anggota MAIPk yang memiliki pengetahuan dan pengalaman dalam pengurusan risiko. Ahli-ahli tersebut adalah seperti berikut:

BIL	NAMA	JAWATAN
1	Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini	Pengerusi
2	Dato' Haji As'ad bin Awang	Ahli
3	Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed	Ahli
4	Haji Dr. Mohd Fahmi bin Abdul Khir	Ahli
5	Shahrul Azam bin Shaari	Setiausaha

### RINGKASAN TERMA RUJUKAN

Terma Rujukan memantapkan kedudukan kuasa, tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Kunci utama peranan dan tanggungjawab jawatankuasa diringkaskan seperti berikut:

- Menyemak dan mengesyorkan dasar, strategi pengurusan dan had penerimaan risiko.
- Menyemak semula dan menilai keupayaan strategi, dasar, kerangka kerja dan tatacara pengurusan

risiko bertujuan untuk mengenalpasti, mengukur, memantau serta mengawal risiko secara lebih efektif.

- Memastikan prasarana, sumber dan sistem disediakan dengan lengkap bagi meminimumkan risiko.
- Menyemak laporan berkala berkaitan pendedahan terhadap risiko, komposisi portfolio risiko dan aktiviti-aktiviti pengurusan risiko yang dilaksanakan oleh MAIPk.
- Melaporkan perkara-perkara pengurusan risiko kepada MAIPk.

## LAPORAN AKTIVITI PENGURUSAN RISIKO

Pada tahun 2020, pandemik COVID-19 telah memperkuatkannya lagi keperluan untuk pengurusan risiko dan pengaturan tadbir urus dalaman yang lebih sistematik dan tangkas bagi bertindak balas terhadap ancaman yang baru timbul. Usaha ini melibatkan penjajaran falsafah pengurusan risiko secara konsisten dengan amalan terbaik, khususnya dalam analisis risiko, keselamatan teknologi maklumat dan media sosial.

#### Risiko Operasi

Pelaksanaan beberapa aktiviti diteruskan mengikut budaya kerja norma baharu sebagai pelan tindakan bagi menangani risiko-risiko operasi yang dikenalpasti melalui isu-isu perjawatan dan keselamatan teknologi maklumat.

#### Operasi Perjawatan

Jawatankuasa bersama pengurusan MAIPk memberi perhatian yang sangat serius berkaitan isu perjawatan yang menjadi antara elemen penting bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan yang terbaik. Justeru, satu kajian awal tentang keperluan perjawatan MAIPk dilaksanakan. Kajian tersebut memberi fokus kepada situasi perjawatan semasa dan keperluan perjawatan untuk tempoh 10 tahun akan datang.

#### Keselamatan Teknologi Maklumat

Sejajar dengan situasi kini dikala dunia dilanda wabak COVID-19, kebanyakannya daripada keseluruhan urusan harian MAIPk telah dilaksanakan secara atas talian dan melalui elektronik dengan menggunakan kemudahan teknologi maklumat. Maka dengan itu, keselamatan teknologi maklumat lebih diperincikan dengan Dasar Keselamatan ICT MAIPk dan diberi perhatian sebagai antara risiko utama yang merangkumi keselamatan data dan maklumat termasuk pengguna, aset ICT / teknologi maklumat, perisian, media storan dan komunikasi dan peralatan rangkaian.

#### Risiko Kewangan

Pematuhan pekeliling / perbendaharaan diteruskan menjadi keutamaan sebagai risiko kewangan pada tahun 2020.



## Pematuhan Pekeliling / Perbendaharaan

Di samping pematuhan pekeliling / perbendaharaan yang telah dikemaskini, Pengurusan MAIPk juga merancang peruntukan berhemah yang memfokuskan kepada penjimatan dan keutamaan keperluan mengikut *Maqasid Syariah* bagi mendepani situasi luar jangka kemelut ekonomi akibat pandemik COVID-19.

### Risiko Reputasi

Risiko reputasi bukan sahaja boleh terjadi sekiranya masyarakat kurang yakin dan kurang memberi sambutan terhadap produk-produk yang dilancarkan oleh MAIPk. Malah, ia mungkin akan berlaku impak daripada pernyataan media oleh pekhidmat MAIPk mahupun masyarakat sekeliling.

### Penyataan Media

SOP Pengurusan Media telah dibangunkan oleh pengurusan dan diperakukan oleh MAIPk sebagai panduan dan alat bantu kepada pasukan media yang dilantik untuk menjalankan tanggungjawab mengendalikan isu-isu yang timbul daripada facebook, instagram, youtube dan portal. Penyataan-penyataan media berbentuk tohmahan dan liputan negatif perlulah ditangani dengan pantas dan bijak serta mematuhi tindakan yang sepatutnya mengikut turutan prosedur yang ringkas, tepat dan mudah difahami.

### RUMUSAN

Kejayaan perlaksanaan Pengurusan Risiko di MAIPk adalah bergantung kepada penerimaan disiplin pengurusan risiko. Sebagai penghargaan, MAIPk akan sentiasa menguruskan risiko dengan baik dan memperteguhkan disiplin serta memartabatkan pengurusan risiko kepada tahap yang lebih baik. Pengurusan risiko adalah proses yang dinamik dan memerlukan kepada pemantauan secara berterusan bagi memastikan keberkesanannya.

## PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN

### PENGENALAN

Pada tahun 2020, MAIPk terus memberikan penekanan kepada Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP). Pengurusan risiko kecemasan (ERM) sentiasa meletakkan usaha-usaha mitigasi bagi memastikan daya pulih perkhidmatan-perkhidmatan utama dalam tahap terbaik walaupun berlaku sebarang bencana.

## PKP UNTUK PELANGGAN

Antara hala tuju PKP pada tahun ini, MAIPk membuat semakan terhadap Pelan Kesinambungan Perkhidmatan khusus pada skop pelanggan. Ia merujuk kepada kesesuaian keperluan penyampaian perkhidmatan dengan peredaran masa. Maka ia melibatkan perlaksanaan analisa terhadap rantaian nilai pelanggan. Berdasarkan analisa yang dilaksanakan, MAIPk memastikan keutuhan sistem-sistem secara optima, proses kerja yang mesra pelanggan dan efisyen serta kepelbagaiannya rangkaian yang berkesan. Perkara-perkara tersebut adalah bersandarkan keupayaan dalaman dan penambahbaikan yang berterusan di peringkat operasi.

## PKP UNTUK PENGURUSAN PERUBAHAN

Pelan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan dibuat semakan dan diuji secara berkala bagi memastikan penggunaan teknologi adalah yang terkini dan bersesuaian dengan perubahan keperluan perkhidmatan serta perubahan keperluan perundangan. MAIPk juga sentiasa memberikan kesedaran kepada semua pekhidmat berkaitan kesinambungan perkhidmatan. Pasukan Kecemasan Bencana (ERT), Pasukan Pemulihan Bencana (DRT) dan Pasukan Komunikasi Krisis (CCT) yang ditubuhkan sentiasa disiapkan dengan pelan yang lengkap dan komprehensif sebagai panduan tindakan.

## HALA TUJU MASA HADAPAN

Kegagalan MAIPk menyedia dan menyampaikan perkhidmatan akibat kegagalan sistem operasi bukan sahaja akan memberi impak kepada pelanggan tetapi juga akan memperlihatkan kepincangan MAIPk dalam menyempurnakan objektif organisasi. Sebagai usaha memitigasi risiko ini, MAIPk sentiasa melaksanakan penambahbaikan dan meningkatkan pelan PKP serta program-programnya.

Sesungguhnya, MAIPk percaya komitmen jitu yang diberikan dalam memastikan kesinambungan perkhidmatan dan kemandirian dapat menyumbang kepada skala yang besar terhadap kestabilan organisasi.

# AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2020

## JANUARI 2020

1. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menerima serahan Zakat Perniagaan daripada 6 Agensi RM3,435,905.77 di Istana Perak, Changkat Persekutuan pada 9 Januari 2020
2. MAIPk Terima Sijil Pengiktirafan Khas Produk Rumah Pilihan (Bantuan Bina Rumah MAIPk) daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak Ipoh, pada 16 Januari 2020
3. Serahan Kabin Gunting Rambut Asnaf di Masjid Jamek Ar-Ridzuan, Bagan Serai pada 21 Januari 2020
4. Serahan Kabin Gunting Rambut Asnaf di Masjid Jamek Kampung Kuala Slim pada 21 Januari 2020
5. Mesyuarat Isu-Isu Perundungan Pentadbiran Tanah Wakaf dan Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri-Negeri di Putrajaya pada 30 Januari 2020

## FEBRUARI 2020

6. Perhimpunan Kontraktor Pembekalan dan Perkhidmatan Gred G1 lantikan MAIPk 2020 di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 5 Februari 2020
7. Jejak Asnaf Daerah Pengkalan Hulu pada 06 Februari 2020
8. Serahan Kabin Gunting Rambut Asnaf di Masjid Al-Muttaqin Malim Nawar pada 11 Februari 2020
9. Taklimat Pelaksanaan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah dan Pelan Anti-Rasuah Organisasi di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 21 Februari 2020
10. Serahan Kabin Gunting Rambut Asnaf di Masjid Jamek Taman Desa Bakti Teluk Intan pada 25 Februari 2020

## MAC 2020

11. Program Hijrah Asnaf ke Menara Gading (Hiasmega) 2020 Lenggong pada 4 Mac 2020
12. Program Bicara Minda "Kerja Kita, Ibadah Kita" bersama Syeikh Muhammad Abdel Aziz Mahmoud Ghonim, Penasihat Am dan Ahli Lajnah Fatwa Al-Azhar di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 09 Mac 2020
13. Jejak Asnaf Daerah Teluk Intan pada 10 Mac 2020

14. RM11.95 Juta Dana Khas Agihan Zakat Bantu Usaha Hadapi Pandemik Wabak COVID-19 pada 25 Mac 2020

## APRIL 2020

15. Penerangan kepada media mengenai Garis Panduan Bayaran Zakat Harta dan Zakat Fitrah di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 4 April 2020
16. Program Ziarah Ramadan 1441H pada 25 April, 8 dan 21 Mei 2020

## MEI 2020

17. Sifu Bikers dan MAIPk kerjasama beri sumbangan OKU Penglihatan, Ipoh pada 12 Mei 2020 dan 16 Mei 2020
18. Lawatan kerja Yang Berhormat Mohd Akmal Bin Kamarudin, Pengurus Jawatankuasa Agama Islam dan Penerangan Negeri Perak ke MAIPk di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 18 Mei 2020

## JUN 2020

19. Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak kali ke-212 di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 25 Jun 2020

## JULAI 2020

20. Majlis Pengagihan Wang Tidak Patuh Syariah Bagi Operasi Public Islamic Bank Berhad kepada MAIPk di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak pada 1 Julai 2020
21. Penyerahan Zakat Perniagaan kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak berjumlah RM6,385,278.66 di Istana Changkat, Kuala Lumpur pada 7 Julai 2020
22. Taklimat Khas kepada Pelajar Tajaan MAIPk di Luar Negara yang pulang ke Malaysia akibat COVID-19 di Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar pada 10 Julai 2020
23. Penyerahan Zakat Perniagaan kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak berjumlah RM2,762,151.26 di Istana Changkat, Kuala Lumpur pada 14 Julai 2020
24. Penyerahan Zakat Perniagaan kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak berjumlah RM667,889.50 di Istana Changkat, Kuala Lumpur pada 16 Julai 2020
25. Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MAIPk Tahun Penilaian 2019 pada 23 Julai 2020

## OGOS 2020

26. Majlis Syahadah dan Meraikan Pengislaman Masyarakat Orang Asli di RPS Makmur, Ulu Kinta, Ipoh pada 12 Ogos 2020
27. Program Bicara Kesultanan Melayu Perak di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 14 Ogos 2020
28. Majlis Penyerahan Peruntukan Zakat MAIPk kepada Yayasan Addin di Tapah pada 17 Ogos 2020
29. Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak kali ke-208 di Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh pada 18 Ogos 2020
30. Program Jejak Asnaf di Daerah Taiping pada 19 Ogos 2020
31. Penyerahan Zakat Perniagaan kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak berjumlah RM25,846,760.80 di Istana Changkat, Kuala Lumpur pada 26 Ogos 2020
40. Penyerahan Zakat Perniagaan Syarikat Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 26 Oktober 2020
41. Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak kali ke-214 di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 26 Oktober 2020

## SEPTEMBER 2020

32. Lawatan Kerja Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Ke MAIPk di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 3 September 2020
33. Program Jejak Asnaf di Daerah Lenggong pada 8 September 2020
34. Lawatan Kerja MAIPk ke Pusat Dialisis Majlis Ugama Islam Pahang dan 'Adat Resam Pahang di Kuantan, Pahang pada 11 September 2020
35. Lawatan Kerja MAIPk ke Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang di Pulau Pinang pada 14 September 2020
36. Bengkel Semakan Semula Garis Panduan Pelantikan Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Perak pada 22 September 2020
37. Bengkel Pembentukan Model Perniagaan Usahawan Asnaf dan Kajian Keberkesanan Program Pemerksaan Ekonomi Asnaf (PROPERA) di Negeri Perak pada 28 dan 29 September 2020
38. Ziarah Korporat MAIPk di Manjung pada 23 September 2020

## OKTOBER 2020

39. Bengkel Penggubalan Draf Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah Negeri Perak 2020 di Perdana Kuala Lumpur City Centre pada 30 September hingga 2 Oktober 2020

## NOVEMBER 2020


42. Program Ziarah Asnaf di Daerah Pengkalan Hulu pada 2 November 2020
43. Program Ziarah Asnaf di Daerah Lenggong pada 2 November 2020
44. Penyerahan Zakat Perniagaan MBSB Bank di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 20 November 2020
45. Agihan Kotak Makanan dan Beras kepada Mangsa Banjir di Bagan Serai pada 27 November 2020

## DISEMBER 2020

46. Penyerahan Zakat Perniagaan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad berjumlah RM2,141,250.00 di Kuala Lumpur pada 4 Disember 2020
47. Pelancaran Kad Prabayar Visa Gopayz - MAIPk (Ta'awun), Perkhidmatan Kewangan Mesra Muslim yang pertama di Malaysia pada 1 Disember 2020
48. MAIPk memperkenalkan Shopee sebagai medium bayaran baharu bagi Bayaran Zakat pada 15 Disember 2020
49. Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak kali ke-215 di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 24 Disember 2020
50. MAIPk Agih Zakat bagi Bantuan Persekolahan 2021 dan sumbangan kebajikan berjumlah RM7.46 Juta di Ipoh pada 26 Disember 2020

# DIREKTORI

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK





## IBU PEJABAT

### MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak  
Tel : 05-2084000 | Faks : 05-2414257

## BAGAN SERAI

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Pejabat Pentadbiran Agama Daerah Bagan Serai  
Jalan Matang Buluh, 34300 Bagan Serai, Perak  
No Tel : 05-721 2926 | No Faks : 05-721 9862

## BATU GAJAH

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Daerah Batu Gajah, No. 27, Lorong Mat Saman  
31000 Batu Gajah, Perak  
No Tel : 05-365 1290 | No Faks : 05-365 3504

## KAMPUNG GAJAH

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Pejabat Pentadbiran Daerah Kampung Gajah  
Tingkat 2, Kompleks Pentadbiran Daerah Kampung Gajah, Jalan Tanjung Tualang, 36800 Kampung Gajah, Perak  
No Tel : 05-631 2208 | No Faks : 05-631 3078

## TAIPING

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Pejabat Pentadbiran Agama Daerah Taiping  
Jalan Muzium Hulu, 34000 Taiping, Perak  
No Tel : 05-806 6564 | No Faks : 05-806 8048

## MUALLIM

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Pejabat Pentadbiran Agama Daerah Muallim  
Jalan Rumah Rehat, 35800 Slim River, Perak  
No Tel : 05-452 0653 | No Faks : 05-452 6221

## TAPAH

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Daerah Tapah, Lot 569, Jalan Bukit Baldwin,  
35000 Tapah, Perak  
No Tel : 05-401 4858 | No Faks : 05-401 0490

## KUALA KANGSAR

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Pejabat Pentadbiran Agama Daerah Kuala Kangsar  
Jalan Raja Chulan, 33000 Kuala Kangsar, Perak  
No Tel : 05-776 8371 | No Faks : 05-777 3400

## KAMPAR

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Daerah Kampar, No. 105 dan 106 Jalan Idris,  
31900 Kampar, Perak  
No Tel : 05-465 1143 | No Faks : 05-465 1151

## UTC PERAK

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Unit Pusat Transformasi Bandar  
Lot LB 29 Urban Transformation Centre (UTC)  
Off Jalan Dato' Onn Jaafar, 30300 Ipoh, Perak  
No Tel : 05-241 3375/241 2349 | No Faks : 05-241 3380

## TELUK INTAN

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Daerah Hilir Perak  
Lot 33734, KM 4, Jalan Changkat Jong,  
36000 Teluk Intan, Perak  
No Tel : 05-621 6194 | No Faks : 05-621 2263

## PARIT BUNTAR

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Daerah Parit Buntar Lot 2879, Jalan Asuhan,  
34200 Parit Buntar, Perak  
No Tel : 05-716 7090 | No Faks : 05-716 2141

## LENGGONG

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Daerah Lenggong, Jalan Alang Iskandar,  
33400 Lenggong, Perak  
No Tel : 05-767 8869 | No Faks : 05-767 8542

## SELAMA

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Daerah Selama, Lot 463, Jalan Wan Mohd Razally,  
34100 Selama, Perak  
No Tel : 05-839 3744 | No Faks : 05-839 1064

## PENGKALAN HULU

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Pejabat Pentadbiran Agama Daerah Pengkalan Hulu  
Jalan Tasek, 33100 Pengkalan Hulu, Perak  
No Tel : 05-477 8077 | No Faks : 05-477 8917

## MANJUNG

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Daerah Manjung, No.7 dan 7A, Persiaran PM 3/6  
Pusat Bandar Seksyen 3, 32040 Seri Manjung, Perak  
No Tel : 05-688 6957 | No Faks : 05-688 7599

## GERIK

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Daerah Gerik, Jalan Haji Meor Yahaya,  
33300 Gerik, Perak  
No Tel : 05-791 3755 | No Faks : 05-791 4502

## SERI ISKANDAR

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Daerah Seri Iskandar, No.3 dan 3A Jalan PP7,  
Bandar Universiti, 32610 Seri Iskandar, Perak  
No Tel : 05-366 5310 | No Faks : 05-366 3445

## BAGAN DATUK

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Daerah Bagan Datuk, No.76a, Lorong 1, Taman Sungai Sumun 36300 Sungai Sumun, Perak  
No Tel : 05-6480028 | No Faks : 05-6480257

# 7 Wasiat Raja-Raja Melayu



► **Wasiat Raja-Raja Melayu** merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu menurun tandatangan persetujuan pembentukan Persekutuan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah:

- 1** - Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung (PERSEKUTUAN TANAH MELAYU) sekarang dikenali dengan nama MALAYSIA.
- 2** - Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, TANAH SIMPANAN MELAYU sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.
- 3** - Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kami serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.
- 4** - Kamikekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini.
- 5** - Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan.
- 6** - Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU.
- 7** - Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).





مجلس أئمام إسلام دان عادت ملايو فيراق

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Riduan,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30000 Ipoh, Perak

Tel: 05.208.4000 Faks: 05.241.4257  
Emel: korporat@maiamp.gov.my

[www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)

LAPORAN  
TAHUNAN  
**2020**  
MAJLIS AGAMA ISLAM  
DAN 'ADAT MELAYU PERAK

